Hujung Minggu
قليتا بروني
PELITA BRUNEI
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

"AGAMA yang disampaikan kepada Nabi-nabi ialah celupan Allah (yang telah sebati mencorakkan hidup kami). Dan siapakah yang lebih baik celupannya daripada Allah? Dan hanya kepada-Nya kami beribadat".
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah Al-Baqarah, ayat 138.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 4.40 | SUBUH 4.50 | SYURUK 6.14 | DUHA 6.38 | ZUHUR 12.27 | ASAR 3.52 | MAGHRIB 6.37 | ISYAK 7.53
Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 70 BILANGAN 83 | 12 JULAI 2025 / 1447 محرم 16 | JABATAN PENERANGAN | EDISI SABTU / PERCUMA

# PENGEMASKINIAN KOS RAWATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN DISERTAKAN BEBERAPA PENGECUALIAN

Oleh: Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Kesihatan memaklumkan bahawa pelaksanaan Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang telah bermula pada 1 Julai 2025 akan disertakan dengan beberapa pengecualian.

Antara pesakit yang dikecualikan daripada bayaran ialah pesakit yang sedang menjalani rawatan di Pantai Jerudong Specialist Centre (PJSC) dan hospital-hospital kerajaan sebelum tarikh pelaksanaan dasar tersebut.

Kos rawatan bagi pesakit-pesakit ini akan terus ditanggung kerajaan sehingga mereka selesai menjalani rawatan atau sehingga mereka didiscaj.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut pada Sidang Media bagi Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Selain itu, jelas Yang Berhormat, pesakit mental seperti yang ditakrifkan di bawah Akta Kesihatan Mental, Penggal 257 serta pesakit yang menghidap penyakit berjangkit mengikut Perintah Akta Penyakit Berjangkit (Pindaan), 2020, turut dikecualikan daripada bayaran rawatan.

Bagi pesakit lain yang tidak tergolong dalam kategori pengecualian, kata Yang Berhormat, dasar yang dikemaskini memperuntukkan bahawa kos rawatan perlu ditanggung sendiri oleh pemegang Kad Pengenalan Ungu iaitu penduduk tetap yang mempunyai warganegara asing; dan bagi pasangan rakyat Negara Brunei Darussalam atau pasangan pemegang Kad Pengenalan Ungu (*stateless*) yang mempunyai warganegara lain.

>> Muka 4



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap pada Sidang Media bagi Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan.

# Mempertingkatkan kerjasama industri tempatan dalam sektor petrokimia

Siaran Akhbar : Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Bagi memperkukuh keupayaan perindustrian Negara Brunei Darussalam (NBD) yang semakin berkembang, Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd. (BFI) dan Polygel Organometallic (B) Sdn. Bhd. telah menandatangani perjanjian strategik jangka panjang untuk pembekalan komersial *anhydrous ammonia.*

Perjanjian tersebut menandakan peristiwa penting dalam mempertingkatkan kerjasama industri tempatan dalam sektor petrokimia dan pembuatan di NBD.

Majlis Pertukaran Dokumen Perjanjian yang ditandatangani telah diadakan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang dihadiri oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohd. Amin Liew bin Abdullah, juga Pengerusi BFI, selaku tetamu kehormat majlis.

Turut hadir, Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin; dan Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim; bersama-sama Ahli Lembaga BFI, pegawai pengurusan dan perwakilan daripada kedua-dua BFI dan Polygel.

>> Muka 3

## Pendekatan holistik tangani isu jerebu rentas sempadan

Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad

**GADONG**, Khamis, 10 Julai. - Keperluan kritikal untuk pendekatan holistik dan bersepadu amat diperlukan dalam menangani isu jerebu rentas sempadan.

Demikian tegas Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid ketika mempengerusikan Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (MSC Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan yang berlangsung pagi tadi di Hotel Antarabangsa Rizqun, di sini.

>> Muka 7

# Sokong pemuliharaan marin, pengambilan sumber laut secara mampan

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Negara Brunei Darussalam (NBD) mengiktiraf lautan sebagai tunjang utama kepada sektor marin dan perikanan negara, yang memainkan peranan penting dalam menjamin keselamatan makanan, menyediakan sumber rezeki, membuka peluang ekonomi dan menjadi pemangkin kepada perdagangan serta pembangunan negara.

Pada masa yang sama, ekosistem pantai termasuk paya bakau, rumpai laut dan terumbu karang, berfungsi sebagai penyerap karbon yang kuat dan bertindak sebagai penampan semula jadi yang melindungi pantai kita daripada kesan perubahan iklim yang semakin meningkat.

Fungsi penting tersebut telah diketengahkan semasa Ekspedisi dan Persidangan Antarabangsa mengenai Hutan ke Terumbu Karang yang diadakan pada Jun baru-baru ini yang menekankan keperluan mendesak untuk melindungi dan memelihara ekosistem marin yang penting itu.

>> Muka 6

IKUTI KAMI DI APLIKASI MUDAH ALIH
InfoDeptBN
Pelita Brunei | pelitabrunei | pelitabrunei

## Berita Utama



PEMBAHARUAN cerminkan komitmen RTB untuk terus relevan, berdaya saing
Muka 9



PCHS : Membina gaya hidup sihat secara menyeluruh
Muka 12



MEMPERKASA potensi pengkaji muda dalam kritikan sastera
Muka 18



RENCANA
MENINJAU lebih dekat prasarana Press Centre, Kesatuan Eropah
Muka 28

ڤليتا بروني PELITA BRUNEI

# Gunakan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, interaksi dengan rakyat

**Bismillahir Rahmanir Rahim**
**Alhamdulillahirabbil 'Alamin,**
**Wassalatu Wassalamu 'Ala Sayyidina Mursalin,**
**Sayyidina Muhammaddin**
**Wa'ala Alihi Wasahbihi Ajma'in**

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan salam sejahtera**

**ALHAMDULILLAH**, segala puji kita panjatkan ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas limpah rahmat dan izin-Nya jua, kita diberi kesempatan untuk berkumpul dalam Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2025.

Sambutan ini bukan sekadar acara tahunan, malah menjadi tanda kasih dan taat setia kita dalam memelihara serta memartabatkan bahasa Melayu, bahasa rasmi negara kita. Ia juga merupakan sebagai cerminan kesungguhan kita dalam memastikan warisan bangsa terus hidup, segar dan berperanan dalam membentuk jati diri warganegara yang berilmu, berbudaya dan berakhlak.

Memperkasakan bahasa Melayu adalah usaha kolektif yang memerlukan kesedaran, kerjasama dan iltizam seluruh masyarakat. Bahasa yang kukuh mencerminkan bangsa yang berilmu, beradab dan bertamadun. Pada masa ini, peranan bahasa Melayu semakin mencabar. Namun cabaran itu juga membuka peluang bagi kita untuk mengangkat martabatnya ke peringkat yang lebih tinggi dari aspek pendidikan, sosial, ekonomi sehinggalah kepada pembangunan modal insan dan kesejahteraan nasional.

Dalam hal ini, tanggungjawab bukan hanya terletak di bahu institusi bahasa, tetapi juga memerlukan dukungan seluruh masyarakat - sama ada dalam sektor pendidikan, Perkhidmatan Awam, sektor swasta, media, NGO mahupun dalam keluarga dan komuniti.

Sebagai menteri yang bertanggungjawab ke atas bahasa dan kebudayaan negara, saya menaruh harapan besar agar setiap kementerian dan agensi kerajaan terus memainkan peranan aktif dalam mengutamakan penggunaan bahasa Melayu dalam urusan rasmi, dokumentasi, pelaporan, komunikasi digital serta interaksi dengan rakyat.

Dewan Bahasa dan Pustaka akan terus didukung sebagai institusi utama dalam merancang, menggubal dan melaksanakan dasar-dasar kebahasaan serta menyemarakkan kegiatan kebahasaan, kesusasteraan, penerbitan dan budaya membaca. Dewan Bahasa dan Pustaka di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah sekian lama menjadi benteng hadapan dalam usaha memperkasa bahasa Melayu. Usaha berterusan ini amat penting bagi menjamin bahawa bahasa Melayu kekal sebagai tunjang pembangunan intelektual dan sosial masyarakat kita.

Sambutan Bulan Bahasa ini juga adalah medan peringatan dan penghargaan - peringatan agar kita tidak leka dalam tanggungjawab melestarikan bahasa, dan penghargaan kepada mereka yang telah, sedang dan akan terus berjuang dalam medan bahasa Melayu.

Saya percaya bahawa kolaborasi strategik antara kerajaan, institusi pendidikan, pertubuhan masyarakat, syarikat swasta =dan para intelektual akan menjadi kekuatan utama dalam memastikan bahasa Melayu terus berkembang dan menyumbang kepada pembangunan negara.

Marilah kita bersama-sama menjadikan Bulan Bahasa bukan sekadar sambutan simbolik, tetapi sebagai gerakan kesedaran nasional - bahawa bahasa Melayu adalah milik kita semua.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan kepada Dewan Bahasa dan Pustaka atas usaha gigih menganjurkan majlis ini. Tidak dilupakan kepada semua yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung dalam menjayakan Sambutan Bulan Bahasa 2025.

Semoga Allah Subhanahu Wata'ala memberkati segala usaha kita dan meneguhkan semangat kita dalam memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa bangsa, bahasa ilmu dan bahasa peradaban.

Saya akhiri kalam ini dengan serangkap pantun,

Selasih mekar di tengah desa,
Mencelah sama kembang melati;
Bahasa Melayu jiwa bangsa,
Perpaduan disemai bersatu hati.

Sekian, *Wabillahit Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*



**MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad semasa berucap pada Majlis Sambutan Bulan Bahasa 2025, pada Selasa, 12 Muharam 1447 Hijrah / 8 Julai 2025 Masihi di Balai Sarmayuda Dewan Bahasa dan Pustaka, Berakas.**

## WAKTU SEMBAHYANG

| JULAI MASIHI | HARI | MUHARAM HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 12 | SABTU | 16 | 4.40 | 4.50 | 6.14 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.53 |
| 13 | AHAD | 17 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.38 | 12.27 | 3.52 | 6.37 | 7.52 |
| 14 | ISNIN | 18 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 15 | SELASA | 19 | 4.41 | 4.51 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 16 | RABU | 20 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.27 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 17 | KHAMIS | 21 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.28 | 3.52 | 6.38 | 7.52 |
| 18 | JUMAAT | 22 | 4.42 | 4.52 | 6.15 | 6.39 | 12.28 | 3.51 | 6.38 | 7.52 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | SABTU | AHAD | ISNIN |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 32 25 °C | 33 24 °C | 33 24 °C |
| Pekan Bangar | 32 25 °C | 33 25 °C | 32 24 °C |
| Pekan Tutong | 32 25 °C | 33 25 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 31 24 °C | 32 24 °C | 31 24 °C |

Wallahualam Bissawab
www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG

12 JULAI 2025

### 'Husnuzon' membawa kedamaian dalam diri, mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala

**DALAM** Islam istilah bersangka baik iaitu mempunyai pemikiran yang baik atau andaian positif dipanggil *husnuzon*. Ia adalah amalan yang sangat digalakkan yang mengajar kita untuk memahami dan melihat keadaan orang lain dan situasi yang sedang mereka lalui dengan positif dan optimis, sambil mengelakkan andaian negatif. *Husnuzon* juga bererti mempunyai pemikiran yang baik dan sangkaan baik tentang Allah Subhanahu Wata'ala dan bukan sahaja tentang orang lain dan tentang diri sendiri.

Aspek utama apabila kita husnuzon ialah berfikiran positif terhadap Allah. Ini bermakna meyakini bahawa tindakan dan ketetapan Allah Subhanahu Wata'ala pada akhirnya adalah yang terbaik, walaupun ia melibatkan ujian atau kesukaran. Ia melibatkan kepercayaan kita kepada kebijaksanaan dan belas kasihan Allah dan kita menerima kehendak-Nya dengan sabar dan syukur. *Husnuzon* yang melibatkan orang lain pula bermakna kita berfikiran positif terhadap orang Lain. Di sini kita mengelakkan andaian negatif tentang niat atau tindakan orang lain dan mencari tafsiran positif tentang tingkah laku mereka. Ia menggalakkan keharmonian dan mengeratkan hubungan. *Husnuzon* terhadap diri sendiri pula ialah berfikiran positif terhadap diri sendiri. Ini bererti kita berusaha untuk mengekalkan imej diri yang positif dan mengelakkan keraguan diri atau pemikiran negatif kepada diri sendiri. Ia menggalakkan pertumbuhan dan perkembangan peribadi dengan memberi tumpuan kepada kekuatan dan potensi kita.

Antara kebaikan *husnuzon* ialah ia berkemampuan untuk membersihkan hati daripada emosi negatif seperti cemburu, benci dan syak wasangka. Selain itu, ia membantu mengeratkan hubungan dengan memupuk pemikiran positif. *Husnuzon* mengukuhkan ikatan sosial dan menggalakkan keharmonian dalam keluarga, komuniti dan masyarakat yang lebih luas. Ia juga memupuk keamanan dan kebahagiaan dalam hubungan kita sesama manusia kerana kita akan sering berpandangan positif terhadap satu sama lain dan ini dapat membawa kepada kehidupan yang lebih aman dan ceria.

*Husnuzon* juga boleh membantu kita meningkatkan kepercayaan kita dan rasa reda kita kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana apabila kita *husnuzon* atau bersangka baik kepada ketetapan atau perancangan Allah Subhanahu Wata'ala kepada kita, kita sebenarnya meningkatkan ketakwaan kita dan kebergantungan kita kepada-Nya. Dari situ juga kita sedang menguatkan iman kita. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Al-Hujuraat, ayat 12 tafsirnya : "*Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan daripada prasangka, sesungguhnya sebahagian prasangka itu dosa. Dan janganlah kamu mengintip (mencari-cari kesalahan) orang dan janganlah sebahagian kamu mengumpat sebahagian yang lain. Adakah seseorang daripada kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? Maka sudah tentu kamu merasa jijik kepadanya. Dan bertakwalah kepada Allah. Sesungguhnya Allah Maha Penerima Taubat lagi Maha Pengasih*".- **Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn
دتربيتكن اوله جابتن ڤنراڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوله ڤرينت ڤلس سندرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# KEMENTERIAN PERTAHANAN ADAKAN MAJLIS SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1447



YANG Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II hadir pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447.

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**

**TUTONG**, Jumaat, 11 Julai. - Kementerian Pertahanan mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 secara serentak dengan perisian majlis yang sama di seluruh surau-surau garison, perkhemahan dan pangkalan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB), termasuk Masjid Pulau Baru-Baru yang berlangsung di Surau Al-Hikmah, Institut Latihan ABDB, Penanjong Garison, hari ini.

Hadir pada majlis tersebut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Menteri Pertahanan II, Yang Berhormat Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Haji Halbi bin Haji Mohd. Yussof.

Turut hadir, Pemerintah ABDB, Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, peringkat kepimpinan, pegawai-pegawai dan warga Kementerian Pertahanan.

Antara jemputan khas yang turut diundang di Surau Al-Hikmah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara selaku Ketua Kampung Sengkarai, Tutong; Setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Keugamaan), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU).

Turut diundang, Pemangku Pegawai Daerah Tutong; Penghulu Mukim Pekan Tutong; Ketua Kampung Penanjong; Pemangku Pengarah Hal Ehwal Masjid; wakil-wakil dari Unit Dakwah Tutong dan Hospital Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah; Pegawai-pegawai Pemerintah dari Daerah Polis Tutong dan Balai Bomba dan Penyelamat Cawangan Operasi 'E'.

Atur cara majlis dimulakan dengan menunaikan Sembahyang Fardu Subuh Berjemaah, diikuti dengan Tadarus Al-Quran dan Tazkirah bertajuk 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan' yang disampaikan oleh Timbalan Pegawai Turus Inspektorat Agama, Jabatanarah Agama (JAMA'AT), Kapten Ayza Azrine bin Ayahani.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan Sesi Berjalan Pagi menuju ke Masjid Kampung Penanjong.

Antara perisian program di Masjid Kampung Penanjong ialah Sembahyang Sunat Hajat dan Sembahyang Sunat Duha, diikuti dengan penyerahan derma kepada seramai 29 anak-anak yatim Kampung Penanjong menerusi Tabung Infak ABDB dan kutipan dari warga awam Kementerian Pertahanan oleh Yang Berhormat Menteri di JPM dan Menteri Pertahanan II.

Konsep Sambutan Ilal Hijrah 1447 tahun ini menekankan semangat dan erti penghijrahan, yang dizahirkan secara simbolik melalui perjalanan dari surau-surau perkhemahan / pangkalan ke masjid-masjid berdekatan bagi memperingati peristiwa agung Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Kota Madinah.

Di samping bertujuan untuk memupuk semangat perpaduan dan mempereratkan ukhuwah di antara warga Kementerian Pertahanan dan dalam kalangan penduduk setempat.





ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas dan kiri).

# Mempertingkatkan kerjasama industri tempatan dalam sektor petrokimia

**>> Muka 1**

Siaran Akhbar dan Foto : Brunei Fertilizer Industries Sdn. Bhd.

Perjanjian tersebut merasmikan kerjasama yang saling menguntungkan, dengan BFI akan membekalkan *anhydrous ammonia* berkualiti tinggi, yang merupakan bahan penting dalam proses pembuatan *organometallic* oleh Polygel, sekali gus mengukuhkan kebolehpercayaan rantaian bekalan dan menggalakkan integrasi industri yang lebih mendalam di negara ini. Penghantaran pertama telah berjaya dan selamat disiapkan pada 4 Julai 2025.

Pembekalan *anhydrous ammonia* menandakan pengenalan BFI kepada tawaran produk dan perkhidmatannya yang diperluas, yang pada masa ini merangkumi perkhidmatan urea, urea bersalut dan perkhidmatan salutan. Bagi Polygel, ini menandakan satu langkah penting ke arah penggantian sepenuhnya bahan mentah import bagi salah satu bahan asasnya.

Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dr. Harri Kiiski, telah menandatangani bagi pihak BFI, manakala Ketua Pegawai Eksekutif Polygel, Luv Shah pula menandatangani bagi pihak Polygel dan disaksikan oleh Pemangku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif BFI, Dayang Hajah Nur Raihan binti Dato Paduka Haji Mohd. Rosli; dan Pengurus Alam Sekitar, Kesihatan dan Keselamatan Polygel, Wilson Nadan.

Perjanjian yang ditandatangani pada Jun 2025 tersebut selaras dengan aspirasi NBD yang lebih luas untuk mengukuhkan pangkalan perindustrian bukan minyak dan gasnya dan meningkatkan daya saing organisasi NBD dalam pasaran global.

Dengan memudahkan kerjasama yang lebih erat antara industri hiliran, BFI dan Polygel menyumbang secara langsung kepada strategi negara yang bertujuan untuk meningkatkan daya tahan ekonomi dan inovasi teknologi seterusnya menyumbang kepada agenda kepelbagaian ekonomi NBD di bawah Wawasan Brunei 2035.

Di samping itu, kerjasama tersebut turut menggalakkan kemampanan alam sekitar dan operasi. Dengan BFI beroperasi mengikut piawaian keselamatan dan alam sekitar yang ketat, serta Polygel berusaha untuk mengoptimumkan proses pembuatannya, kedua-dua syarikat telah komited untuk bekerjasama dalam meningkatkan penggunaan tenaga, mengurangkan pelepasan, dan menggunakan amalan terbaik dalam pengendalian kimia dan logistik.

Ini juga merupakan bukti peningkatan kematangan dan kesediaan syarikat yang berpangkalan di NBD untuk menjalin perkongsian industri yang menyokong kemampanan jangka panjang dan kecekapan operasi.




MAJLIS Pertukaran Dokumen Perjanjian yang ditandatangani telah diadakan di Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang dihadiri oleh Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II juga Pengerusi BFI, selaku tetamu kehormat majlis.

# Pengemaskinian kos rawatan perkhidmatan kesihatan disertakan beberapa pengecualian

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman

>> Muka 1

"Bagi kes-kes tertentu seperti mereka yang menghadapi kesulitan untuk membuat pembayaran, Kementerian Kesihatan akan merujuk mereka ke Bahagian Pekerja Sosial Perubatan (Medical Social Worker) untuk penilaian bagi mendapatkan pertimbangan khas.

"Bagi mereka yang layak, Kementerian Kesihatan akan membantu mengikut kesesuaian sama ada dengan mendapatkan bantuan dari Tabung Amal Bantuan Pesakit, Kementerian Kesihatan; Majlis Ugama Islam Brunei; Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah atau dengan kaedah pembayaran secara ansuran," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat Menteri Kesihatan turut menjelaskan bahawa sebelum pelaksanaan dasar tersebut, kerajaan telah menggunakan peruntukan yang tinggi bagi membiayai kos rawatan yang diberikan dan ia meningkat dari setahun ke setahun.

"Anggaran jumlah kos rawatan bagi perbelanjaan kewangan tahun 2024/2025 bagi pemegang Kad Pengenalan Ungu (penduduk tetap yang mempunyai warganegara asing) dan bagi pasangan rakyat Negara Brunei Darussalam (yang mempunyai warganegara lain) di fasiliti-fasiliti kerajaan dan PJSC hampir mencecah BND70 juta secara keseluruhan, yang mana BND28 juta adalah dari PJSC dan selebihnya adalah dari fasiliti-fasiliti kerajaan," ujar Yang Berhormat.

Pada lazimnya, tambah Yang Berhormat, di negara lain, kos rawatan adalah ditanggung sendiri oleh penduduk tetap dan warga asing dan mereka ini dikehendaki untuk mematuhi sistem pembiayaan kesihatan negara masing-masing.

"Walhal, rakyat negara tersebut juga perlu menyumbang sendiri kepada kos rawatan mereka," kata Yang Berhormat.

Oleh itu, kementerian menyarankan agar individu yang terkesan dengan pengemaskinian dasar caj perkhidmatan berkenaan untuk mengambil insurans perlindungan kesihatan sebagai



YANG Berhormat Menteri Kesihatan semasa berucap.

persediaan bagi melindungi diri dan keluarga masing-masing dari bebanan kewangan dalam mendapatkan akses kepada rawatan perubatan, termasuk kos hospital, ubat-ubatan dan rawatan pakar.

Namun demikian, Kementerian Kesihatan akan sentiasa memastikan tiada sesiapa pun dinafikan untuk mendapatkan rawatan, terutama bagi kes-kes kecemasan dan memerlukan rawatan segera. Kementerian Kesihatan tetap komited dalam memberikan perkhidmatan rawatan dan penjagaan kesihatan yang selamat dan berkualiti kepada orang ramai mengikut piawaian antarabangsa.

## Memastikan rawatan terus diberikan terutama kes kecemasan

Oleh : Marlinawaty Hussin

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Setiap pesakit yang perlu membuat pembayaran berikutan pelaksanaan Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang bermula pada 1 Julai 2025 terutama penduduk tetap yang telah tinggal lama di negara ini tidak akan dinafikan rawatan khususnya dalam kes kecemasan.

Namun, mereka yang tidak berkemampuan dinasihatkan untuk memaklumkan status kewangan mereka agar penilaian boleh dibuat oleh Bahagian Pekerja Sosial Perubatan.

Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar menyatakan perkara tersebut bagi menjawab soalan yang diajukan semasa Sidang Media bagi Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Menurut Yang Berhormat, kebanyakan pemegang Kad Pengenalan Ungu ialah rakyat negara lain yang berkahwin dengan warga negara Brunei dan datang ke negara ini untuk menerima rawatan, kemudian balik ke negara asal selepas rawatan selesai atau hanya datang untuk mengambil ubat bagi tiga bulan.

"Terdapat kes individu yang baru sahaja berkahwin dengan warganegara asing, kemudian pasangan mereka disahkan menghidap kanser sebelum 1 Julai.

"Malah, ada juga pesakit yang berkahwin pada hari ini dan keesokannya terus hadir ke hospital untuk mendapatkan rawatan.

"Situasi seperti ini menimbulkan kebimbangan akan berlakunya penyalahgunaan kemudahan rawatan yang disediakan," kata Yang Berhormat.

Antara taktik yang dikenal pasti, ujar Yang Berhormat, termasuk berkahwin dengan warga tempatan untuk mendapatkan rawatan, namun tidak memaklumkan apabila sudah bercerai. Malah ada yang berkahwin semula hanya supaya pasangan mendapat rawatan.

Sementara itu, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan bahawa proses untuk mendapatkan Penduduk Tetap (PR) bagi warga asing yang berkahwin dengan rakyat tempatan kekal mengambil masa sekurang-kurangnya 15 tahun dan tiada semakan dasar baharu sedang dijalankan buat masa ini.

# PELAKSANAAN DASAR BAHARU PERLINDUNGAN INSURANS PERUBATAN



YANG Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri ketika berucap.

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri melalui Jabatan Buruh dan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK) dengan kerjasama Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pendidikan telah dan akan melaksanakan dasar baharu perlindungan insurans perubatan bagi Penduduk-penduduk Tetap dan pemegang Pas-pas Imigresen yang telah berkuat kuasa pada 1 Julai 2025 bagi Fasa Pertama serta akan diteruskan pada Fasa Kedua pada 1 Januari 2026.

Fasa Pertama melibatkan beberapa jenis Pas-pas Imigresen dan Kategori Taraf Penduduk Tetap berwarganegara asing termasuk Pemegang Pas Kerja dalam Kategori Perkhidmatan Domestik, Pemegang Pas Lawatan yang masuk ke Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan menggunakan Visa Lawatan; Pemegang Pas Lawatan dalam Kategori Profesional dan Pas Lawatan dalam Kategori Berniaga; dan Penduduk Tetap NBD yang berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing yang Menyumbang kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara serta Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Ahmaddin bin Haji Abdul Rahman menjelaskan perkara tersebut semasa Sidang Media bagi Pengemaskinian Dasar Caj Perkhidmatan Kesihatan yang diadakan di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, di sini.

Manakala kata Yang Berhormat, Fasa Kedua akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2026 dan akan melibatkan beberapa jenis Pas Imigresen iaitu Pemegang Pas Kerja Kategori Syarikat (Sektor Swasta), Pemegang Pas Tanggungan (isteri dan anak yang tidak bersekolah) dan Pemegang Pas Penuntut berwarganegara asing.

Menurut Yang Berhormat, jumlah perlindungan minima insurans perubatan adalah tertakluk kepada Kategori Pas-pas Imigresen yang dipohonkan dan perlindungan insurans ini hendaklah sah sepanjang tempoh sah Pas-pas Imigresen atau permit masuk termasuk Pas Kerja, BND100,000; Pas Lawatan Sosial, BND10,000; Pas Lawatan Profesional dan Berniaga (90 hari ke bawah) BND10,000 serta lebih 90 hari, BND100,000; Pas Tanggungan, BND10,000; Pas Penuntut, BND5,000; juga Penduduk Tetap NBD yang berwarganegara asing di bawah Kategori Warganegara Asing yang Menyumbang kepada Perekonomian, Pembangunan dan Kemajuan Negara dan Kategori Warganegara Asing Golongan Profesional, BND100,000.

"Perlindungan insurans boleh dibeli dari syarikat insurans di NBD atau mana-mana syarikat insurans luar negeri yang menawarkan *worldwide coverage* termasuk di NBD," kata Yang Berhormat.

Berikutan dengan pelaksanaan Dasar Perlindungan Insurans Perubatan tersebut, kata Yang Berhormat, pengemaskinian prosedur bagi kemasukan warganegara asing ke NBD dengan menggunakan kebenaran Visa-visa dan Pas-pas Imigresen serta prosedur - prosedur pelaksanaan lain adalah seperti berikut.

"Jika pelawat sudah mempunyai perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka Pas Lawatan akan diberikan mengikut tempoh Visa Lawatan yang telah dibenarkan.

"Manakala bagi pelawat yang belum ada perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka tempoh Pas Lawatan akan diberikan selama dua minggu sahaja, dan penyambungan Pas Lawatan mengikut tempoh yang dibenarkan bolehlah dibuat ke Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik di Ibu Pejabat JIPK dan Pejabat-pejabat Cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk sijil perlindungan insurans," ujar Yang Berhormat.

Sementara itu, jelas Yang Berhormat, bagi warganegara asing yang memegang Pas Lawatan Sosial atau Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang (Long Term Pass) atau mereka yang telah dikurniakan taraf Penduduk Tetap NBD sama ada suami, isteri dan anakanak yang mempunyai kaitan kekeluargaan dengan rakyat dan Penduduk Tetap NBD, mereka adalah digalakkan untuk mendapatkan perlindungan insurans perubatan di sepanjang tempoh keberadaan mereka di negara ini.

"Bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Pas Lawatan sebelum 1 Julai 2025 dan tidak mempunyai perlindungan insurans perubatan atau kadar perlindungan tidak mencukupi mengikut kadar minima yang telah ditetapkan dan Pas Lawatan mereka masih sah selepas 1 Julai 2025, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan perlindungan insurans mengikut baki tempoh Pas Lawatannya dengan kadar perlindungan yang baharu iaitu minima BND10,000.

"Bagi Dasar Perlindungan Insurans Perubatan kepada pekerja asing dalam Perkhidmatan Domestik yang mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2025 dan Perkhidmatan dalam Kategori Sektor Swasta yang akan bermula pada 1 Januari 2026, mana-mana warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Visa Kerja atau pekerja asing yang balik ke negara asal setelah menamatkan kontrak perkhidmatan dan berhasrat untuk menyambung perkhidmatan dengan majikan yang sama dan sudah mempunyai perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di NBD, maka Pas Kerja akan diberikan mengikut prosedur pemberian Pas Kerja yang berkuat kuasa pada masa ini," kata Yang Berhormat.

>> Muka 8

# KEMENTERIAN KESIHATAN SAMBUT ILAL HIJRAH, DOA KESYUKURAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**



**BERAKAS**, Rabu, 9 Julai. - Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 dan Doa Kesyukuran bagi Kepulangan Rombongan Bi'thah Haji Perubatan dan Jemaah Haji Kementerian Kesihatan bagi Musim Haji 1446H bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan, hari ini.



**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (kanan), manakala gambar kiri, acara turut diserikan dengan Persembahan Tausyeh.**

Majlis tersebut dianjurkan bersama Jabatan Dasar dan Perancangan dan Jabatan Perkhidmatan Pergigian, Kementerian Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Awang Muhd. Khairunisa bin Haji Zainin dari Unit Perkhidmatan Ugama, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha.

Acara turut diserikan lagi dengan Persembahan Tausyeh dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB) dan Dikir Marhaban bagi menyambut Kepulangan Bi'thah Haji Perubatan yang terdiri daripada 20 pegawai perubatan dan jururawat serta seramai 28 Jemaah Haji warga Kementerian Kesihatan.

Rombongan perubatan haji bagi tahun ini diketuai oleh Konsultan Perubatan, Dr. Haji Aziman bin Pehin Orang Kaya Maharaja Kerna Dato Paduka Seri Haji Yaakub.

Turut hadir pada majlis ini ialah Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Perubatan dan Kesihatan, Pengiran Dr. Haji Mohd. Khalifah bin Pengiran Haji Ismail; ketua-ketua jabatan berserta pegawai-pegawai dan kakitangan di Kementerian Kesihatan.

# 5 pelajar dianugerahkan Program Biasiswa JPMC

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**

**JERUDONG**, Khamis, 10 Julai. - Pusat Perubatan Jerudong Park (JPMC) mencatat satu lagi pencapaian penting dalam memperkasa landskap sektor penjagaan kesihatan di negara ini dengan penganugerahan biasiswa kepada para pelajar bagi pengambilan ketiga di bawah Program Biasiswa JPMC.

Selaras dengan Wawasan Brunei 2035, inisiatif tersebut menekankan komitmen JPMC dalam memupuk bakat tempatan dan memperkukuh tenaga kerja kejururawatan negara melalui program Ijazah Sarjana Muda Sains (BSc) dalam Kejururawatan.

Seramai lima penerima dianugerahkan biasiswa berprestij kali ini terdiri daripada Dayang Azra Zawanah binti Azri, Dayang Hannah Batrisyia binti Azmi Hasanal, Dayang Nur Hidayah@ Syafiqah binti Haji Rosli, dan Dayang Nur Nazimah Aqilah binti Nordin yang akan melanjutkan pengajian dalam Sijil Asas Sains sebelum meneruskan Ijazah Sarjana Muda Kejururawatan, manakala Dayang Nur Aiman Al-Ain binti Abdul Salim pula akan terus memulakan pengajian dalam program Ijazah Sarjana Muda Sains dalam Kejururawatan.

Sehubungan dengan itu, Majlis Penandatanganan Perjanjian Anugerah Biasiswa JPMC tersebut diadakan di Dewan Kuliah, Pusat Pakar Pantai Jerudong (PJSC), di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyaksikan Majlis Penandatanganan berkenaan, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar, merangkap Pengerusi dan Pengarah Eksekutif JPMC.

Mewakili JPMC bagi penandatanganan berkenaan ialah Ketua Pegawai Kewangan JPMC, Bun Pei Ling dan Ketua Pegawai Eksekutif JPMC, Dr. Meera Sahib Kabeer.




**YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya bergambar ramai bersama para penerima anugerah biasiswa berkenaan.**

Terdahulu, Ketua Pegawai Kewangan JPMC, dalam ucapan alu - aluannya menekankan komitmen JPMC untuk melahirkan pemimpin masa depan dalam bidang penjagaan kesihatan di Negara Brunei Darussalam (NBD) dengan melabur kepada golongan belia yang memperlihatkan kecemerlangan, belas kasihan dan amalan beretika.

Dalam temu bual bersama salah seorang penerima, Dayang Hannah Batrisyia binti Azmi Hasanal merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak JPMC atas penganugerahan biasiswa berkenaan dan seterusnya mengongsikan beliau memilih bidang kejururawatan Pediatrik dan Geriatrik yang khusus bagi penjagaan kanak-kanak dan juga warga emas.

Selepas menamatkan pengajiannya dari JPMC College of Health Science (JCHS), beliau berhasrat untuk memberikan khidmat terbaik apabila bertugas di JPMC nanti dan memberi inspirasi kepada generasi muda agar menceburi bidang kejururawatan dengan memberi pendedahan tentang mustahaknya peranan seorang jururawat tersebut.

Manakala Dayang Nur Hidayah @Syafiqah binti Haji Rosli pula menyatakan, beliau lebih meminati bidang Surgical Nursing kerana mempunyai keinginan yang tinggi untuk membantu orang ramai ketika mereka berada pada saat paling lemah, terutamanya semasa menghadapi pembedahan.

"Saya juga amat tertarik dengan bagaimana tubuh manusia berfungsi dan ingin lebih mendalami ilmu anatomi serta peralatan pembedahan.

"Surgical Nursing memberi peluang kepada saya memberikan bukan sahaja penjagaan fizikal tetapi juga sokongan emosi kepada pesakit sepanjang proses pembedahan dan pemulihan," ujarnya.

Melalui pengajian di JCHS, beliau dapat menyumbang kepada meningkatkan penjagaan kesihatan di negara ini dan mendukung Wawasan Brunei 2035.

Program Biasiswa JPMC menyediakan sokongan menyeluruh, merangkumi bantuan kewangan penuh, latihan akademik yang terbaik, pengalaman klinikal secara praktikal, serta laluan kerjaya yang jelas di JPMC.

Sejak penubuhannya pada 2023, program tersebut telah memberi peluang kepada 18 pelajar, memupuk bimbingan, hubungan profesional sepanjang hayat, dan komitmen bersama untuk memberikan penjagaan kesihatan bertaraf dunia bagi NBD.





**DAYANG Hannah Batrisyia binti Azmi Hasanal dan Dayang Nur Hidayah@ Syafiqah binti Haji Rosli semasa ditemu bual (kiri dan kanan).**

# SOKONG PEMULIHARAAN MARIN, PENGAMBILAN SUMBER LAUT SECARA MAMPAN

Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi
Foto : Ak. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

>> Muka 1

Demikian antara yang ditekankan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap di kawasan jeti berdekatan Jabatan Perikanan sebelum melancarkan pelabuhan takat tiruan (terumbu karang tiruan) di perairan Pulau Pilong-Pilongan sempena Sambutan Hari Lautan Sedunia 2025.

Menurut Yang Berhormat, namun demikian, sumber kehidupan tersebut semakin terancam dan di seluruh dunia, malah di rantau kita sendiri, kita telah mengakui bahawa ekosistem marin kita semakin merosot secara besar-besaran akibat daripada tindakan kita sendiri.

Yang Berhormat seterusnya menggariskan, pencemaran marin didorong oleh pelupusan plastik dan sisa industri yang tidak bertanggungjawab serta peralatan menangkap ikan yang terbiar, hilang atau dibuang terus memudaratkan habitat marin.

Selain itu, kata Yang Berhormat, bukti pencemaran mikroplastik dan pukat terbiar di dalam sistem terumbu karang merupakan antara isu mendesak yang telah dikenal pasti, sekali gus menekankan keperluan mendesak untuk penyelidikan lanjut dan penyelesaian yang berkesan bagi menangani ancaman-ancaman tersebut.

Pada masa yang sama tegas Yang Berhormat, pengambilan sumber marin secara tidak mapan berikutan daripada akibat penangkapan ikan berlebihan dan juga amalan penangkapan ikan yang merosakkan turut menjadi punca kebimbangan. Ini juga seiring dengan kemusnahan hutan bakau dan landskap pantai yang lain yang telah mengganggu keseimbangan ekosistem.

Berikutan kebimbangan tersebut, Yang Berhormat juga menekankan, kesihatan ekosistem marin kita juga semakin terjejas akibat kesan perubahan iklim yang lebih luas dan kompleks.

Peningkatan suhu lautan tambah Yang Berhormat membawa kepada kejadian pemutihan kerang yang kerap dan teruk, manakala pengasidan lautan melemahkan struktur terumbu dan menghalang pertumbuhan organisma bercengkerang.

"Perubahan itu bukan sahaja mengganggu keseimbangan halus dalam jaringan makanan marin dan keseluruhan ekosistem, malah turut menjejaskan mata pencarian masyarakat yang bergantung kepada lautan untuk mendapatkan makanan, pendapatan dan warisan budaya.

"Penglibatan dan tadbir urus yang baik amat diperlukan untuk mengurangkan kesan buruk terhadap alam sekitar marin, demi menyokong pemuliharaan marin serta penggunaan dan pengambilan sumber laut secara mampan.

"NBD mengamalkan dasar berasaskan ekosistem yang selaras dengan Konvensyen Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu mengenai undang-undang laut (United Nations Convention on the Law of the Sea-UNCLOS) yang berperanan penting dalam mencapai Matlamat Pembangunan Mampan Ke-14 Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu, iaitu Kehidupan di Bawah Air," ujar Yang Berhormat lagi.

Yang Berhormat seterusnya berkata, lebih 1,400 unit terumbu karang tiruan telah ditempatkan antara 2020 hingga 2023, dan kami komited untuk menempatkan tambahan 1,000 unit lagi menjelang 2029, bagi terus menyokong biodiversiti marin dan kelestarian perikanan.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan semasa menyampaikan ucapannya.**

Dan pada hari ini, Yang Berhormat menyatakan untuk meneruskan usaha berkenaan dengan penempatan tambahan sebanyak 100 unit terumbu karang tiruan di Pelong Rocks, sebagai sumbangan kepada usaha pemulihan ekosistem marin yang sedang dijalankan.

"NBD akan terus melaburkan masa dan usaha dalam bidang sains marin kepada generasi muda kita, yang akan menjadi peneraju utama dalam mengekalkan tadbir urus lautan pada masa hadapan.

"Pada masa yang sama, kita menyeru kepada semua pihak berkepentingan di seluruh negara untuk mengamalkan pendekatan yang lebih prihatin terhadap alam sekitar demi mencapai pembangunan ekonomi yang mampan," kata Yang Berhormat lagi.

Terdahulu, Yang Berhormat menjelaskan Sambutan Hari Lautan Sedunia tahun ini yang bertemakan, 'Keajaiban : Menjaga Apa Yang Menjaga Kita' (Wonder : Sustaining What Sustains Us) membawa mesej bahawa laut bukan sekadar sumber, bahkan ia merupakan sistem kehidupan yang luas dengan menyediakan sumber makanan, perlindungan dan membentuk identiti negara.

# 100 unit terumbu tiruan dilabuhkan di perairan Pulau Pilong-Pilongan

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP) melalui Jabatan Perikanan dengan kerjasama Poni Group Sdn. Bhd. telah melabuhkan sebanyak 100 unit terumbu karang tiruan (*reef balls*) dalam empat saiz berbeza di perairan Pulau Pilong-Pilongan hari ini bersempena Sambutan Hari Lautan Sedunia 2025 pada kali ini.

Sehubungan dengan itu, majlis pelancaran tersebut disempurnakan oleh Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin.

Turut hadir, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Tinggi dan Duta-duta Besar, Timbalan - timbalan Setiausaha Tetap, KSSUP, pegawai-pegawai kanan, serta pegawai dan kakitangan dari KSSUP bersama jabatan-jabatan di bawahnya.

Sebelum rombongan bertolak ke Pulau Pilong-Pilongan untuk menyaksikan aktiviti melabuhkan terumbu karang tiruan, majlis dimulakan dengan bacaan doa dan ucapan pembukaan oleh Yang Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan.

Sementara itu, taklimat mengenai aktiviti melabuh terumbu karang tiruan telah disampaikan oleh Pegawai Perikanan, Awang Muhammad Azizi bin Mahali.

Sambutan kali ini juga dimeriahkan dengan pelbagai aktiviti seperti pameran serta kuiz interaktif di Jabatan Perikanan, Muara yang dibukakan kepada pelajar sekolah-sekolah di Mukim Serasa, bermula dari jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang.

Aktiviti-aktiviti tersebut memberi peluang pendidikan secara langsung kepada orang awam dan generasi muda mengenai kepentingan pemuliharaan ekosistem marin.

Ekosistem marin negara juga tidak terlepas daripada pelbagai ancaman, terutamanya pencemaran laut akibat sisa plastik dan industri serta alat tangkapan ikan yang terbiar (*ghost nets*), aktiviti penangkapan ikan yang berlebihan, pembangunan pesisir yang tidak terkawal, pemutihan karang (*coral bleaching*) serta pengasidan laut (*ocean acidification)* akibat perubahan iklim global telah menjejaskan keseimbangan rantaian makanan marin dan memberi kesan negatif kepada keseluruhan ekosistem.

Oleh itu, penglibatan aktif komuniti tempatan serta sokongan padu daripada kerajaan adalah amat penting dalam usaha pemuliharaan dan pemulihan ekosistem marin. Acara pelabuhan terumbu karang tiruan yang telah dilaksanakan merupakan salah satu inisiatif kerajaan untuk menyediakan habitat alternatif bagi hidupan marin, membantu memulihkan kawasan yang terjejas, serta menyokong kelestarian biodiversiti laut.

Antara usaha lain yang sedang giat dilaksanakan oleh Jabatan Perikanan dalam menghadapi cabaran pemuliharaan dan pengurusan lestari sumber marin negara termasuklah penekanan kepada pendekatan tadbir urus marin berasaskan data, melalui pelaksanaan penilaian stok ikan secara berterusan bersama Southeast Asian Fisheries Development Center (SEAFDEC), pembangunan Pangkalan Data Stok Perikanan Kebangsaan, serta penggunaan teknologi Kecerdasan Buatan (Artificial Intelligence-AI) dalam pemantauan kesihatan terumbu karang.

Selain daripada program propagasi terumbu karang, usaha pemuliharaan dan pemulihan spesies rumpai laut yang terancam juga turut diberi perhatian sebagai sebahagian daripada langkah memastikan ekosistem marin kekal sihat dan seimbang.

Dalam masa yang sama, Jabatan Perikanan juga terus memperkukuh inisiatif lain seperti pewartaan lebih 20 peratus kawasan perairan negara sebagai Kawasan Perlindungan Marin (Marine Protected Areas) bagi mencegah penangkapan ikan berlebihan dan melindungi biodiversiti marin, larangan penangkapan ikan yu, pembekuan pengeluaran lesen baharu bagi penggunaan alat pukat tunda dan menggalakkan penggunaan alat menangkap ikan yang lestari dan mesra alam.

Dalam usaha membangunkan ekonomi biru yang berdaya tahan dan inklusif, Jabatan Perikanan akan terus memainkan peranan aktif dengan menyokong serta memudah cara peluang perniagaan melalui kerjasama strategik bersama institusi berkaitan, termasuk institusi perbankan dan pihak-pihak berkepentingan lain.



**YANG Berhormat Menteri Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan bersama rombongan bertolak ke Pulau Pilong-Pilongan untuk menyaksikan aktiviti melabuhkan terumbu karang tiruan.**

Usaha tersebut bertujuan untuk memperkukuh rangkaian kerjasama, mendorong inovasi, dan memastikan pertumbuhan sektor perikanan yang mampan. Namun demikian, pemantauan dan penguatkuasaan bagi memerangi penangkapan ikan secara haram, tidak dilaporkan dan tidak dikawal (Illegal, Unreported and Unregulated fishing) akan terus dipertingkatkan lagi melalui penguatkuasaan Pelan Tindakan Nasional serta penggunaan sistem pemantauan kapal seperti Vessel Monitoring System dan Automatic Identification System (AIS).

Seiring dengan itu, pelbagai kempen kesedaran seperti Kempen Pembersihan Pantai (Coastal Clean Up) serta Kempen Bebas Plastik dan Botol Plastik diteruskan dan diperkukuh lagi bagi mengurangkan pencemaran laut serta mendidik masyarakat awam mengenai kesan buruk pencemaran laut dan sama-sama memainkan peranan dalam menjaga kebersihan dan kelestarian alam sekitar marin.

Sempena Sambutan Hari Lautan Sedunia 2025, adalah menjadi tanggungjawab bersama untuk menyedari bahawa lautan NBD bukan sekadar sumber kekayaan semula jadi, malah merupakan asset strategik negara yang menuntut penjagaan dan pengurusan secara menyeluruh dan bersepadu.

Jaminan dalam memastikan ekosistem marin negara kekal sihat, berdaya tahan, dan terus menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat serta pembangunan lestari untuk generasi kini dan akan datang hanya akan dapat diperoleh melalui pelaksanaan strategi secara holistik yang menggabungkan sains, dasar serta penglibatan aktif masyarakat.

# PENDEKATAN HOLISTIK TANGANI ISU JEREBU RENTAS SEMPADAN




**YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa sesi bergambar ramai pada Mesyuarat Ke-26 Jawatankuasa Pandu Peringkat Menteri-menteri Sub-Serantau (MSC Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**>> Muka 1**

Yang Berhormat menekankan bahawa perubahan corak iklim dan tekanan terhadap penggunaan tanah yang semakin meningkat berpotensi meningkatkan risiko kebakaran dan jerebu.

Yang Berhormat turut menyuarakan kebimbangan susulan Wilayah Selatan yang telah mencetuskan Amaran Tahap 1 berikutan titik panas dan jerebu tempatan yang masih berlaku di beberapa kawasan.

Dalam ucapannya, Yang Berhormat memaklumkan bahawa Negara Brunei Darussalam (NBD) telah melaksanakan pelbagai langkah mitigasi secara proaktif, dengan tumpuan kepada pemulihan tanah gambut dan pengurusan alam sekitar yang mampan.

Negara ini juga telah memperkukuh usaha penyelarasan dan kolaborasi antara pelbagai pihak berkepentingan, termasuk agensi kerajaan, pemaju swasta, petani, kumpulan masyarakat sivil dan komuniti tempatan dalam usaha pencegahan kebakaran dan jerebu serta meningkatkan kesedaran dan penyelesaian terhadap punca-punca isu tersebut.

Yang Berhormat turut menggesa Negara-negara Anggota ASEAN untuk kekal berwaspada serta memperkukuh keupayaan kesiapsiagaan dan tindak balas, khususnya semasa musim kemarau tradisional dan dalam menghadapi perubahan iklim yang semakin tidak menentu.

Mesyuarat tersebut dihadiri oleh Menteri-menteri, pegawai kanan dan/atau wakil bagi hal ehwal tanah, kebakaran hutan dan jerebu dari NBD, Republik Indonesia, Malaysia, Republik Singapura, dan Thailand, serta Timbalan Ketua Setiausaha Sekretariat ASEAN. Turut hadir ialah Timor-Leste sebagai negara pemerhati.

Delegasi dari Brunei Darussalam diketuai oleh Setiausaha Tetap di Kementerian Pembangunan, Dayang Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak bersama pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe), Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Jabatan Bomba dan Penyelamat (JBP), Jabatan Kajicuaca Brunei Darussalam (BDMD) dan Jabatan Perhutanan.

Mesyuarat Ke-26 Kumpulan Kerja Teknikal (TWG Ke-26) Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan telah diadakan pada 9 Julai lalu, dipengerusikan oleh Pengarah JASTRe, Dayang Hajah Martinah binti Haji Tamit.

Mesyuarat MSC Ke-26 turut mengesahkan semula komitmen kepada pelaksanaan penuh dan berkesan Perjanjian ASEAN Mengenai Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (AATHP), dan mengalu-alukan Pelan Strategik Komuniti Sosio-Budaya ASEAN (ASCC) untuk Wawasan Komuniti ASEAN 2045 sebagai rangka kerja panduan.

Mesyuarat juga menghargai penandatanganan Perjanjian Penubuhan Pusat Penyelarasan ASEAN bagi Kawalan Pencemaran Jerebu Rentas Sempadan (ACC THPC), dan menantikan penubuhan dan pengoperasian penuh pusat tersebut di Indonesia.

Kemajuan pelaksanaan Pelan Hala Tuju Bebas Jerebu 2023-2030, Strategi Pengurusan Tanah Gambut ASEAN Kedua (APMS 2023-2030) dan Rangka Kerja Pelaburan ASEAN untuk Pengurusan Tanah Mampan turut diperakui sebagai komponen penting bagi merealisasikan ASEAN bebas jerebu rentas sempadan menjelang 2030.

Turut diberi perhatian ialah penganjuran Mesyuarat Pasukan Petugas Ad-Hoc serta Dialog Rakan Kongsi yang menyokong kerjasama pelbagai pihak bagi mendapatkan sumber tempatan, kebangsaan dan serantau ke arah pengurusan tanah mampan.

Mesyuarat mengambil maklum data daripada Pusat Meteorologi Khas ASEAN (ASMC) yang menunjukkan titik panas di rantau selatan ASEAN menurun sebanyak 43 peratus dalam separuh pertama tahun 2025 berbanding tempoh yang sama pada 2024. Walaupun cuaca diramal hampir hingga melebihi normal, risiko jerebu masih wujud di kawasan mudah terbakar.

ASMC turut melaporkan status neutral ENSO dan memperkenalkan penaiktarafan sistem seperti Sistem Maklumat WMO (WIS), produk kawasan terbakar, dan projeksi iklim visual dalam talian.

Dalam masa sama, Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia) terus memperkukuh kapasiti Sistem Penarafan Bahaya Kebakaran Asia Tenggara (FDRS), termasuk pengerahan Stesen Cuaca Bantu Automatik (AAWS), dan perancangan penubuhan sistem sandaran FDRS menjelang 2027.

Mesyuarat menghargai pelaksanaan Kajian Semula Strategik Program MSC, serta menekankan cabaran kritikal seperti penebangan hutan, pembakaran tanah gambut, penyaliran dan penukaran guna tanah, yang terus mengancam rantau selatan ASEAN.

Kejayaan projek Sustainable Use of Peatland and Haze Mitigation in ASEAN (SUPA) dan Strengthening Regional Experiences on Sustainable Peatland Management (REPEAT) turut diraikan. Mesyuarat mengambil maklum bahawa projek MAHFSA bakal tamat, dan mengalu-alukan pelaksanaan projek SEACAI yang baharu.

Penekanan diberikan terhadap perlunya kerjasama mendalam dan menyeluruh dengan rakan kongsi serta pemerkasaan komuniti dalam pengurusan kebakaran dan jerebu berdaya tahan iklim.

Akhirnya, mesyuarat menantikan penganjuran Mesyuarat COM-20 dan COP-20 kepada Perjanjian AATHP pada September 2025 di Malaysia, serta merakamkan penghargaan kepada Brunei Darussalam selaku tuan rumah dan pengumuman bahawa Mesyuarat MSC Ke-27 akan diadakan di Republik Indonesia pada tahun 2026.

# Memperkukuh jati diri serta kecemerlangan yang berterusan

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Pendidikan melalui Bahagian Perhubungan Antarabangsa, Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan dan Unit Audit Dalaman petang tadi mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447, bertempat di Dewan Utama, Bangunan Baharu, Kementerian Pendidikan.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Datin Seri Setia Dr. Hajah Romaizah binti Haji Md. Salleh.



Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Khas Kesihatan dan Kesejahteraan yang dipimpin oleh Pegawai Pelajaran, Urus Setia Majlis Kebangsaan Pengiktirafan Kelulusan, Kementerian Pendidikan, Awang Haji Mohamad Yunus bin Haji Metusin.

Majlis diteruskan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Aspek Pembangunan Kapasiti Dalam Hijrah Ke Arah Pentarbiyahan Kelestarian' bersempena tema Sambutan Ilal Hijrah Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi iaitu 'Semarak Hijrah Mencapai Kecemerlangan Yang Mampan', yang disampaikan oleh penceramah undangan, iaitu Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dayang Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz.

Dalam ceramahnya antara lain menyentuh mengenai aspek pembangunan kapasiti yang boleh kita lihat daripada peristiwa penghijrahan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam serta bagaimana

**YANG Berhormat Menteri Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 (kanan). Manakala gambar bawah kiri, Ceramah Khas disampaikan oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Dayang Dr. Widad binti Haji Abdul Aziz.**



pengamalan atau pentarbiahan tersebut membawa kepada kelestarian serta keberkesanan yang diamalkan oleh Baginda.

Menurutnya, penghijrahan memerlukan tiga perkara penting, iaitu pertama ialah masa, tidak ada yang *instant* untuk melakukan penghijrahan jika kita ambil daripada peristiwa hijrah Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Yang kedua tambahnya, pengorbanan demi pengorbanan, jika kita pandang dan lihat kembali penghijrahan yang dilakukan oleh Baginda, pengorbanan demi pengorbanan tidak pernah mudah pada ketika itu. Sampai ketahap ini jika kita ingin mentafsirkan pengorbanan, kita perlu melalui kesusahan demi kesusahan.

Beliau menambah, ketiga ialah keyakinan dan pegangan, kalau tidak kerana agama Allah Subhanahu Wata'ala. Kita bayangkan pengorbanan yang kita lakukan pada hari ini, kalau tidak ada pegangan yang kuat dan utuh, maka kita juga akan hanyut.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah untuk meningkatkan pemahaman dan penghayatan terhadap pengajaran dan hikmah di sebalik peristiwa Hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam, sebagai panduan dalam memperkukuh jati diri serta kecemerlangan yang berterusan.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Setiausaha-setiausaha Tetap, Naib-naib Canselor, Pemangku Rektor UNISSA, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Pendidikan.

# KKBS TERUS SEMARAKKAN SAMBUTAN ILAL HIJRAH 1447



**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan**

**YANG Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 (kiri), manakala gambar kanan, Ceramah Khas disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.**



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) dan jabatan-jabatan di bawahnya mengadakan Majlis Sambutan Ilal Hijrah 1447 di Dewan Digadong, KKBS yang dianjurkan oleh Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Nazmi bin Haji Awang Mohamad.

Bagi memberkati acara, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dipimpin oleh Guru Ugama, JAPEM, Awang Haji Nordin bin Haji Durahman.

Majlis diserikan dengan Ceramah Khas bertajuk 'Hijrah Menuju, Reda Allah' yang disampaikan oleh Pegawai Perkembangan Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Haji Awang Muhammad Najib bin Haji Awang.

Seterusnya, majlis diserikan lagi dengan Dikir Marhaban dan Doa Selamat oleh Firqah Al-Falaah, Kumpulan Dikir KKBS untuk meraikan kepulangan tiga jemaah haji yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam oleh Awang Haji Nordin dan Selawat Tafrijiyyah serta Sayyidul Istighfar sebagai penutup majlis.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap; Pemangku Pengarah Pembangunan Masyarakat, JAPEM, Dayang Fauziah binti Haji Mohd. Salleh, selaku Pengerusi Majlis; serta pegawai dan kakitangan KKBS dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# 5 pelajar terima Biasiswa SEED




**PUAN Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam semasa sesi bergambar ramai bersama para pelajar yang dianugerahkan Program Biasiswa dan Pertukaran Pendidikan untuk Pembangunan (SEED) ASEAN - Kanada bagi Sesi Akademik 2025 - 2026.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Suruhanjaya Tinggi Kanada di Negara Brunei Darussalam**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 Julai. - Seramai lima pelajar telah dianugerahkan Program Biasiswa dan Pertukaran Pendidikan untuk Pembangunan (SEED) ASEAN - Kanada bagi Sesi Akademik 2025 - 2026.

Pelajar-pelajar tersebut ialah Dayang Syakirah binti Haji Serudin, Dayang Zu Mirratin Munira binti Haji Mohammad Affno, Dayang Fatin Nabihah binti Hairin, Dayang Nur Hannani binti Haji Misli dari Universiti Teknologi Brunei (UTB) sementara Dayang Nurul Ashifah binti Shafie dari Universiti Brunei Darussalam (UBD).

Mereka akan melanjutkan pengajian selama satu semester di Kanada pada Musim Luruh 2025 di mana Dayang Syakirah akan menuntut di Kwantien Polytechnic.

Manakala Dayang Nurul Ashifah di Université du Québec à Chicoutimi; Dayang Zu Mirratin Munira di Memorial University of Newfoundland, sementara Dayang Fatin Nabihah dan Dayang Nur Hannani akan belajar di Laurentian University.

Pesuruhjaya Tinggi Kanada ke Negara Brunei Darussalam, Puan Yang Terutama Ambra Dickie berkata bahawa pelajar-pelajar dari universiti-universiti di Negara Brunei Darussalam terus menunjukkan minat terhadap Kanada sejak Program SEED diperkenalkan di negara ini pada tahun 2022.

"Saya mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka dalam pengajian, dan semoga mereka dapat meluangkan masa untuk menerokai segala yang ditawarkan oleh Kanada semasa mereka berada di sana," jelas Puan Yang Terutama Ambra Dickie.

Sementara salah seorang penerima, Dayang Nur Hannani melahirkan rasa syukur atas peluang yang diberikan untuk menuntut di Kanada.

"Ia terasa seperti mimpi apabila akhirnya dapat mengalami sendiri sesuatu yang sebelum ini saya hanya lihat di skrin iaitu salji, pemandangan yang menakjubkan dan persekitaran baharu yang memberikan peluang untuk belajar dan berkembang. Saya teruja untuk melangkah ke dalam pengalaman yang sangat berbeza dari segi akademik, budaya dan kehidupan harian," jelasnya.

Bagi Dayang Fatin Nabihah pula yang akan mengikuti Program Pengajian Seni Bina di Laurentian University pada Musim Luruh ini melahirkan rasa teruja dan berbangga kerana dapat mewakili UTB.

"Saya tidak akan mampu mencapai ini tanpa sokongan universiti, keluarga dan petunjuk daripada Allah Subhanahu Wata'ala. Saya berharap untuk memperoleh pengalaman dan ilmu baharu yang boleh saya bawa pulang dan sumbangkan kepada negara," ujarnya.

Sejak tahun 2022, seramai 29 pelajar telah menerima biasiswa ini, yang dibiayai oleh Kerajaan Kanada di bawah Strategi Indo-Pasifik, meliputi tambang penerbangan pergi balik, yuran pengajian dan visa serta penginapan.

# Pelaksanaan dasar baharu perlindungan insurans perubatan

**>> Muka 4**

Yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menambah, bagi warganegara asing yang telah diberikan kebenaran Visa Kerja atau pekerja asing yang balik ke negara asal setelah menamatkan kontrak perkhidmatan dan berhasrat untuk menyambung perkhidmatan dengan majikan yang sama dan belum ada perlindungan insurans atau insurans perubatan mereka mansuh dan mereka tiba di mana-mana pos kawalan di NBD, maka tempoh Pas Kerja akan diberikan selama dua minggu.

"Penyambungan Pas Kerja bolehlah dibuat di Bahagian Pas Kerja di Ibu Pejabat JIPK dan Pejabat-pejabat Cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk sijil perlindungan insurans perubatan," kata Yang Berhormat.

Bagi warganegara asing yang berkhidmat atau mempunyai perjanjian secara langsung dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam atau Badan Berkanun (Statutory Body), kata Yang Berhormat, adalah dikecualikan daripada Dasar Perlindungan Insurans Perubatan ini.

"Bagi Pemegang Pas Penuntut yang menuntut di mana-mana institusi pengajian di negara ini adalah dikehendaki untuk mendapatkan Perlindungan Insurans Perubatan sepanjang tempoh Pas Penuntut berkenaan.

"Jika penuntut tersebut sudah mempunyai perlindungan insurans perubatan semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka Pas Penuntut akan diberikan mengikut tempoh kebenaran menuntut dari pihak Kementerian Pendidikan atau dari Institusi-institusi Pengajian Tinggi di negara ini.

"Walau bagaimanapun, jika penuntut tersebut belum mendapatkan perlindungan insurans semasa tiba di mana-mana pos kawalan di negara ini, maka tempoh Pas Penuntut akan diberikan selama dua minggu, dan penyambungan Pas Penuntut mengikut tempoh yang dibenarkan bolehlah dibuat ke Bahagian Visa Lawatan dan Diplomatik di Ibu Pejabat JIPK dan Pejabat-pejabat Cawangan dengan menyertakan dokumen-dokumen yang diperlukan termasuk sijil perlindungan insurans," kata Yang Berhormat.

Untuk sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, bolehlah berhubung ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan melalui e-mel *info@immigration.gov.bn* atau Jabatan Buruh melalui e-mel *info.buruh@buruh.gov.bn.*

# PEMBAHARUAN CERMINKAN KOMITMEN RTB UNTUK TERUS RELEVAN, BERDAYA SAING

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid
Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman





**YANG Mulia Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM) hadir pada Majlis Pelancaran Pembaharuan Persembahan Grafik TV dan Penjenamaan Semula Nama Baharu Studio 4 Kepada Studio Jubli Emas TV bersempena Jubli Emas Perkhidmatan Televisyen Brunei (kanan dan kiri).**

**SUNGAI AKAR**, Rabu, 9 Julai. - Radio Televisyen Brunei (RTB) mengadakan Majlis Pelancaran Pembaharuan Persembahan Grafik TV dan Penjenamaan Semula Nama Baharu Studio 4 Kepada Studio Jubli Emas TV bersempena Jubli Emas Perkhidmatan Televisyen Brunei bertempat di Studio 4, Kompleks Penyiaran RTB, Sungai Akar, hari ini.

Pelancaran tersebut disempurnakan oleh Timbalan Menteri (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di Jabatan Perdana Menteri (JPM), Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Mohammed Riza bin Dato Paduka Haji Mohammed Yunos.

Turut hadir, Pemangku Setiausaha Tetap (Urustadbir Perkhidmatan Awam) di JPM, Pengiran Haji Raffizanna bin Pengiran Haji Razali; pegawai-pegawai kanan, pegawai-pegawai dan kakitangan JPM dan RTB.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Kesyukuran, diikuti dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Timbalan Pengarah RTB (Kemajuan), Awang Zulkarnain bin Haji Brahim selaku Pengerusi Bersama Majlis Jubli Emas Perkhidmatan Televisyen Brunei.

Dalam ucapannya, Awang Zulkarnain antara lain menjelaskan bahawa lima dekad yang lalu, pada tahun 1975, siaran televisyen telah dirasmikan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam keseluruhan negara. Detik itu tambahnya, menandakan permulaan era baharu dalam dunia komunikasi dan penyiaran di Negara Brunei Darussalam (NBD).

"Sejak itu, Televisyen Brunei bukan sahaja menjadi sumber maklumat, malah berperanan penting dalam memperkukuhkan identiti dan memelihara budaya serta menyampaikan dasar dan hasrat kerajaan kepada rakyat," jelasnya.

Dalam lima dekad ini juga terangnya, RTB telah melalui pelbagai revolusi teknologi daripada siaran analog digital sepenuhnya dan pada masa ini bersiaran merentasi pelbagai platform.

Kongsi beliau, antara pencapaian adalah penstriman secara langsung melalui RTBGo, peningkatan kualiti penyuntingan grafik dan pembacaan berita sejajar dengan standard penyiaran.

Selain itu juga, pelaksanaan penggunaan bahasa Isyarat dalam siaran berita bagi kemudahan untuk penonton berkeperluan khas dan penggunaan media sosial untuk mendekati generasi baharu.

Menurutnya lagi, beberapa usaha dalam meningkatkan rancangan yang berkualiti adalah seperti mengadakan latihan dan bengkel asas kemahiran kepada warga kerja bagi meningkatkan kualiti penulisan skrip, pengarahan dan persembahan visual.

Selain itu, tambahnya, menghasilkan beberapa program tempatan yang relevan hasil dan maklumat kajian audiens dan juga memberikan peluang kepada penerbit-penerbit dan bakat kreatif tempatan berkolaborasi.

"Transformasi RTB bukan sahaja perubahan teknologi namun ia adalah selaras dengan Wawasan Brunei 2035, seperti meningkatkan kualiti kehidupan rakyat melalui maklumat semasa, mendidik dan menghibur, menghasilkan modal insan berpengetahuan dan kreatif dalam sektor penyiaran dan ekonomi yang dinamik menjadikan Brunei sebagai negara yang dikenali melalui penerbitan kandungan tempatan," ujarnya lagi.

Majlis diteruskan dengan pelancaran Persembahan Grafik TV dan menyaksikan video mengenai dengan RTBGo Facelift, Sejarah RTB dan Lagu Perkhidmatan TV Brunei.

Sejurus selepas penyampaian cenderamata, tetamu kehormat turut merasmikan penjenamaan semula nama baharu Studio 4 kepada Studio Jubli Emas TV.

Usaha melaksanakan pembaharuan persembahan visual ke atas beberapa kandungan Persembahan Grafik TV adalah bagi membawa konsep yang lebih terkini dan dinamik selaras dengan perkembangan reka bentuk grafik penyiaran semasa.

Pembaharuan ini mencerminkan komitmen RTB untuk terus relevan, berdaya saing dan memperkukuh identiti sebagai penyiar nasional di NBD.



**ANTARA yang hadir pada majlis pelancaran berkenaan.**

# Pembukaan Bilik Rambut Mulia Rasulullah di BKISHHB

Siaran Akhbar : Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Julai. - Bersempena dengan Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79 Tahun, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah (BKISHHB) sukacita ingin memaklumkan bahawa Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam dibukakan untuk kunjungan orang ramai.

Bilik Rambut Mulia Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam akan dibuka selama tiga hari bermula 15 Julai 2025 bermula pukul 1.30 petang hingga 5.00 petang dan 16 hingga 17 Julai 2025 bermula pukul 9.00 pagi hingga 5.00 petang.

Manakala Galeri Pameran BKISHHB (Galeri 1 hingga Galeri 9) akan terus dibuka untuk kunjungan orang ramai setiap hari, bermula pukul 9.00 pagi hingga 3.00 petang.

Tiket masuk boleh diperoleh dari Kaunter Tiket BKISHHB iaitu 15 Julai 2025 bermula pukul 1.30 petang hingga 4.00 petang sementara pada 16 dan 17 Julai 2025 mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang. Tiket lawatan boleh dibeli awal, tidak mempunyai tarikh luput dan hanya sah digunakan sekali.

BKISHHB telah dibuka rasmi oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia pada 13 Safar 1441 Hijrah bersamaan 12 Oktober 2019 Masihi.

BKISHHB merupakan manifestasi hasrat Kebawah DYMM untuk memelihara khazanah cendekiawan Islam dengan menggiatkan pengembangannya melalui aktiviti pengumpulan, pemeliharaan, pengkajian, pameran, penyebaran, penyelidikan serta mengongsikan natijahnya bagi kemajuan Islam dan umat seumumnya serta menjadikannya 'One Stop Islamic Tourism Destination'.

## MINDA PEMBACA

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Membina Identiti, Jati Diri Dalam Era Globalisasi'.** Tarikh Tutup **: 16 Julai 2025**
2.**'Media Sosial : Alat Komunikasi Atau Punca Tekanan'.** Tarikh Tutup **: 23 Julai 2025**
3.**'Peranan Belia Dalam Membina Teknologi Bermanfaat'.** Tarikh Tutup **: 30 Julai 2025**

**TERMA DAN SYARAT :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15** hingga **40 tahun,** yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300 patah perkataan**.
3. **Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap**dan**nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
Bahagian **PELITA BRUNEI**, Jabatan Penerangan
Lapangan Terbang Lama, Berakas
Bandar Seri Begawan, BB3510
Negara Brunei Darussalam atau melalui e-mel :
***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang

# JCSOM : MEMPERDALAM KERJASAMA DALAM PELBAGAI SEKTOR KEUTAMAAN

Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Mesyuarat Pegawai Kanan Jawatankuasa Bersama (Joint Committee Senior Officials' Meeting-JCSOM) Ke-3 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura telah diadakan di J Hotel, Kiulap pada 9 Julai 2025.

Mesyuarat tersebut dipengerusikan bersama oleh Setiausaha Tetap (Ekonomi, Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, NBD, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah binti Haji Ahmad Ariffin dan Setiausaha Tetap, Kementerian Perdagangan dan Industri, Republik Singapura, Dr. Beh Swan Gin.

Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah dalam ucapan pembukaannya mengakui bahawa nama platform tersebut telah berkembang daripada Mesyuarat Jawatankuasa Bersama (Joint Committee Meeting-JCM) kepada JCSOM, mencerminkan hasrat dan dedikasi yang semakin meningkat untuk memperkukuh hubungan antara kedua-dua negara pada tahap yang lebih strategik.

Tambahnya, ia juga menekankan kepentingan platform tersebut sebagai mekanisme utama untuk memperdalam kerjasama dalam pelbagai sektor keutamaan, iaitu sekuriti makanan, penjagaan kesihatan, tenaga rendah karbon dan ekonomi hijau, seperti yang termaktub di bawah Memorandum Persefahaman (MoU) mengenai Pengukuhan Kerjasama Perdagangan dan Pelaburan dalam Produk Makanan dan Perubatan, serta MoU mengenai Kerjasama dalam Tenaga dan Ekonomi Hijau.

JCSOM Ke-3 katanya, terus mengiktiraf kemajuan yang telah dicapai sejak JCM Ke-2 yang diadakan di Republik Singapura pada Ogos 2024, dan turut membincangkan perkara-perkara yang diketuai oleh Kumpulan Kerja dalam bidang keutamaan tersebut.

Pada mesyuarat tersebut, Dr. Dayang Hajah May Fa'ezah seterusnya menekankan kepentingan daya tahan dan inovasi untuk menjadi lebih berdaya saing dan boleh menyesuaikan diri, dan menggesa pelaksanaan berfokus, penyampaian tepat pada masanya dan hasil yang boleh diukur.




**SESI bergambar ramai pada Mesyuarat Pegawai Kanan Jawatankuasa Bersama (Joint Committee Senior Officials' Meeting-JCSOM) Ke-3 antara Negara Brunei Darussalam (NBD) dan Republik Singapura yang berlangsung di J Hotel, Kiulap.**

JCSOM Ke-3 juga diadakan sebagai permulaan kepada Mesyuarat Menteri Jawatankuasa Bersama yang akan datang, yang akan diadakan akhir tahun ini, untuk meningkatkan kerjasama strategik, mengukuhkan penyelarasan institusi, dan memacu hasil yang memberi kesan.

Turut hadir, Setiausaha-setiausaha Tetap, Timbalan-timbalan Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan kerajaan yang lain serta wakil-wakil dari NBD dan Republik Singapura sebagai Ahli Jawatankuasa dan Kumpulan Kerja yang berkaitan.

# 81 peserta tamat Kursus Penyiasatan Lanjut dan Proses Pendakwaan



**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) di Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Kursus Penyiasatan Lanjut dan Proses Pendakwaan.**



**TETAMU kehormat semasa menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima.**

Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin
Foto : Mohammad Hasif Matzin



**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan.**

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Seramai 81 peserta yang terdiri daripada pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya menamatkan kursus Penyiasatan Lanjut dan Proses Pendakwaan, hari ini.

Sehubungan itu, majlis penutup dan penyampaian sijil kepada semua peserta kursus dan fasilitator disempurnakan petang tadi oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) di Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh, selaku tetamu kehormat yang berlangsung di Dewan Atria Simpur, Bangunan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Berakas, di sini.

Pegawai Undang-undang Kanan, Pegawai Pendakwa Raya dan Ketua Unit Jenayah Am, Bahagian Keadilan Jenayah, Pejabat Peguam Negara, Awang Shamsuddin bin Haji Kamaluddin semasa menyampaikan ucapannya di majlis penutup berkenaan mengongsikan harapan agar segala ilmu, kemahiran dan pengalaman yang diperoleh sepanjang kursus berkenaan akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya dalam melaksanakan tugas-tugas penyiasatan dan penyediaan kertas siasatan.

Sepanjang kursus tersebut, para peserta telah mengikuti sembilan sesi yang merangkumi taklimat penerangan mengenai Tatacara Pengumpulan dan Pemeliharaan Bukti, Merekod Pernyataan dan Isu-Isu yang sering dialami dalam penyiasatan daripada fasilitator undangan daripada Pejabat Peguam Negara yang diikuti dengan sesi soal jawab interaktif.

Pada akhir kursus tersebut, para peserta juga berkesempatan untuk menjalankan latihan praktikal yang merupakan sebahagian daripada pengisian kursus bertujuan untuk memberi pendedahan secara langsung kepada para peserta dalam mengaplikasikan pengetahuan serta kemahiran yang telah diperoleh sepanjang sesi berkenaan.

Juga hadir, ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit serta pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan yang terlibat dalam penguatkuasaan undang-undang.

# MENINGKATKAN KECEKAPAN DALAM SIASATAN LEBIH EFEKTIF

**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Azmah Haji Ahad**





**TIMBALAN Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan kursus tersebut (kiri dan kanan).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Julai. - Bagi meningkatkan lagi pengetahuan dan kemahiran dalam bidang penyiasatan dan pendakwaan, Kementerian Pembangunan dengan kerjasama Pejabat Peguam Negara (PPN) mengadakan Kursus Penyiasatan Lanjut dan Proses Pendakwaan berlangsung selama dua hari di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis pembukaan kursus tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Korporat dan Undang-Undang) Kementerian Pembangunan, Dayang Aldila binti Haji Mohamad Salleh.

Sementara itu, tetamu kehormat dalam ucapannya menyatakan bahawa kursus ini merupakan kesinambungan daripada Kursus Asas Penyiasatan yang pernah dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan sebelum ini.

Menurutnya, ia diharap akan dapat memperlengkapkan pegawai dan kakitangan Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya dengan pengetahuan serta kefahaman yang lebih mendalam mengenai kuasa penguatkuasaan di bawah undang-undang.

Kursus ini juga bertujuan untuk meningkatkan kecekapan, kemahiran dan pengetahuan para penguat kuasa dalam menjalankan siasatan yang lebih efektif, terutama dalam mengemukakan kes kepada pihak pendakwa.

Inisiatif ini mencerminkan komitmen Kementerian Pembangunan dalam memperkukuhkan kecekapan penguatkuasaan undang-undang di bawah kawalannya serta mengeratkan kerjasama dengan PPN dalam sama-sama menegakkan sistem keadilan jenayah di Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir, ketua-ketua jabatan, divisyen dan unit serta pegawai dan kakitangan di bawah Kementerian Pembangunan yang terlibat dalam usaha penguatkuasaan undang-undang.




# ITQSHHB anjur Hari Terbuka

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Dk. Nur Hafilah Pg. Osman**



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Hari Terbuka Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Julai. - Hari Terbuka Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah (ITQSHHB) bertujuan untuk memperkenalkan ITQSHHB kepada orang awam sebagai pusat pengajian Al-Quran yang berperanan melahirkan para Huffaz Al-Quran yang bukan sahaja mahir dalam hafazan ayat-ayat suci Al-Quran tetapi juga berpotensi menceburi bidang Pengajian Islam, Sains dan Teknologi.

Hari Terbuka tersebut diadakan sempena Pengambilan Pelajar Baharu Peringkat Menengah Tahun 7 bagi Sesi Pengajian 2026 Masihi. Hari Terbuka diadakan selama dua hari, bermula Rabu dan Khamis, 9 dan 10 Julai 2025, bermula dari pukul 8.15 pagi hingga 11.30 pagi bertempat di ITQSHHB.

Hadir selaku tetamu kehormat pada pelancaran Hari Terbuka tersebut ialah Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU), Awang Misle bin Haji Abdul Karim.

Turut hadir, timbalan-timbalan pengetua institut serta jemputan khas, pengetua dan guru besar sekolah Arab, para pegawai, guru dan kakitangan serta rombongan pelajar sekolah jemputan.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat oleh Awang Mohd. Shah Abdul Afandi bin Muhd. Sahari, diikuti dengan ucapan alu-aluan oleh Pemangku Pengetua ITQSHHB, Awang Zul Husni bin Haji Sulaiman dan pelancaran Hari Terbuka bertempat di Dewan Serbaguna, Blok Asrama ITQSHHB oleh tetamu kehormat majlis.

Tetamu kehormat majlis kemudiannya melawat ke petak-petak pameran yang dimeriahkan lagi dengan aktiviti-aktiviti di musala dan perpustakaan serta jualan mini bazar di pekarangan institusi berkenaan.

Rombongan pelajar untuk Hari Terbuka tersebut dibahagikan kepada dua sesi. Sesi pertama melibatkan 251 pelajar dan 31 pengawas daripada dua buah sekolah Arab dan 10 buah sekolah rendah kerajaan serta swasta.

Manakala sesi kedua pula dihadiri oleh 220 pelajar dan 22 pengawas daripada tiga buah sekolah Arab dan 10 buah sekolah rendah kerajaan.

Borang Tawaran Pengambilan Pelajar Baharu (Peringkat Menengah Tahun 7) ITQSHHB bagi Sesi Pengajian 1447 Hijrah / 2026M masih dibukakan bermula pada 9 Jun 2025 hingga 2 Ogos 2025.

Borang permohonan boleh diisi secara dalam talian bermula 9 Jun hingga 2 Ogos melalui pautan *pendaftaranitqshhb.my.canva.site.*

Bagi pemohon yang memerlukan bantuan untuk mengisi borang dalam talian, pihak ITQSHHB akan membantu untuk mengisi borang dalam talian. Pemohon hendaklah hadir ke Blok ITQSHHB, Simpang 175, Km 2, Bandar Seri Begawan.

Waktu beroperasi hanya pada sebelah pagi Selasa dan Khamis bermula 8 Julai hingga 31 Julai 2025 iaitu pada pukul 8.30 pagi hingga 12.00 tengah hari dan pemohon dikehendaki membawa dokumen yang berkaitan sebagaimana yang tertera di dalam borang permohonan.



**PEMANGKU Timbalan Setiausaha Tetap (Pentadbiran dan Kewangan) Kementerian Hal Ehwal Ugama melawat ke petak-petak pameran.**

# PCHS : Membina gaya hidup sihat secara menyeluruh



PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan semasa hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Penutup Program Cara Hidup Sihat (PCHS).

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Program Cara Hidup Sihat (PCHS) adalah satu inisiatif hasil kerjasama di antara Kementerian Kesihatan melalui Pusat Promosi Kesihatan (Health Promotion Centre - HPC) dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.

Program tersebut merupakan satu pendekatan pelbagai disiplin yang menggabungkan Preskripsi Senaman (Exercise Prescription) bersama pakar perubatan sukan dan senaman, sokongan psikologi dan pemakanan, sesi senaman bersama Jurulatih Kecergasan tempatan serta pemantauan secara berterusan oleh Satria Kesihatan.

Perkara tersebut dikongsikan oleh Pegawai Perubatan, Dr. Bibina Tuty Umaira binti Haji Abd. Hamid selaku Pengurus PCHS pada Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah yang diadakan di Dewan Al-'Alfiah, Kementerian Kesihatan sempena penutup Program PCHS yang telah berlangsung dari Disember 2024 hingga Jun 2025.

Menurut Dr. Bibina Tuty Umaira, pada minggu ke-24 PCHS tersebut, lebih dari 75 peratus peserta telah berjaya menurunkan berat badan mereka. Purata penurunan berat badan adalah sebanyak 5.3 kilogram (kg).

Sejumlah 33.3 peratus tambahnya, berjaya mencapai penurunan berat badan melebihi daripada sasaran utama program, iaitu pengurangan melebihi lima peratus berat badan mereka. Pencapaian tersebut menunjukkan keberkesanan program yang berasaskan bimbingan menyeluruh serta komitmen tinggi daripada peserta.

Beliau seterusnya menzahirkan harapan agar pencapaian tersebut akan menjadi dorongan untuk terus mengekalkan amalan cara hidup sihat dan menjadi inspirasi kepada rakan-rakan sekeliling serta masyarakat amnya.

"Program ini bukan sekadar menekankan penurunan berat badan tetapi lebih kepada membina gaya hidup yang mampan dan menyokong kesihatan fizikal, mental dan emosi secara menyeluruh," ujarnya lagi.




PEMANGKU Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan semasa menyampaikan hadiah kepada penerima.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyampaikan hadiah kepada para peserta, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah oleh Awang Muhammad Noor Azizi Asri bin Noor-Asmali.

Majlis turut diisikan dengan tayangan video pendek yang memaparkan keseluruhan program dan aktiviti-aktiviti yang dilaksanakan sepanjang tempoh tiga bulan program tersebut, seperti sesi senaman para peserta, sesi ceramah, sesi masakan sihat dan lawatan ke pasar raya.

Selain daripada penurunan berat badan, peserta turut didedahkan kepada panduan memilih dan membeli makanan yang sihat.

Majlis kemudiannya diteruskan dengan penyampaian hadiah kepada pemenang penurunan berat badan tertinggi bagi Kategori Lelaki dan Kategori Perempuan serta lima pemenang sagu hati.

Pemenang pertama bagi Kategori Lelaki disandang oleh Awang Mohammad Amiruddin bin Haji Abdul Hamid, dan beliau telah berjaya menurunkan berat badan sebanyak 22.4kg. Sementara penurunan berat badan terbanyak bagi Kategori Perempuan pula dimenangi oleh Dayang Amalina binti Abdul Jaafar dengan penurunan berat badan sebanyak 14kg.

PCHS merupakan program perantis bagi program penurunan berat badan yang dilaksanakan oleh HPC dan disokong oleh Gleneagles JPMC Sdn. Bhd.

Program tersebut bertujuan untuk membantu peserta mencapai penurunan berat badan antara lima ke 10 peratus dalam tempoh 24 minggu dengan menggunakan pelbagai disiplin yang merangkumi Preskripsi Senaman (Exercise Prescription)

Majlis tersebut bukan sahaja meraikan kejayaan peserta menurunkan berat badan tetapi juga menekankan melalui kerjasama yang lebih kukuh di antara Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd., pakar-pakar kesihatan dan Jurulatih Kecergasan akan dapat memberi impak yang lebih positif dalam usaha meningkatkan kualiti hidup Negara Brunei Darussalam.

Turut hadir pada majlis tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap Dasar dan Pengurusan, pengarah-pengarah, ketua-ketua pegawai eksekutif, pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kesihatan dan Gleneagles JPMC Sdn. Bhd., para penaja dan peserta.

# MAJLIS KHATAM AL-QURAN RAIKAN 27 PELAJAR SEKOLAH UGAMA KERIAM

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**TUTONG**, Rabu, 9 Julai. - Seramai 27 orang peserta khatam iaitu 11 orang murid lelaki dan 16 orang murid perempuan dari Sekolah Ugama Keriam, Daerah Tutong diraikan pada Majlis Khatam Al-Quran yang berlangsung petang tadi di dewan sekolah berkenaan, di sini.

Hadir ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah beramai-ramai yang dikepalai oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam.

Manakala, Doa Khatam pula dibacakan oleh Awang Muhammad Khairul Izzan bin Kamarul Ihsham.



Seterusnya, penyampaian sijil penghargaan kepada para peserta khatam disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), diiringi oleh persembahan Dikir.

Acara diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Awang Haji Saiful Rizal bin Haji Sabtu.

Majlis antara lain diadakan untuk menghargai murid-murid yang berjaya mengkhatamkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran yang mana selaras dengan hasrat kerajaan dalam melahirkan generasi celik Al-Quran, beriman, beramal dan bertakwa.

Kejayaan majlis seumpama ini juga adalah atas sokongan padu daripada para ibu bapa dan penjaga murid-murid.

Ia merupakan sebahagian daripada usaha berterusan Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama dalam memperkukuh penghayatan hidup beragama dalam kalangan murid-murid serta menyemarakkan syiar Islam di negara ini.



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Khatam Al-Quran berkenaan (atas). Sementara gambar kiri, sebahagian pelajar yang menyertai majlis tersebut.

# IBTE KAMPUS NAKHODA RAGAM TERIMA 243 PELAJAR BAHARU



**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hasif Matzin**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 Julai. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) Kampus Nakhoda Ragam menerima seramai 243 pelajar baharu bagi kemasukan sesi Julai 2025, yang hadir mendaftar pada 10 dan 11 Jun 2025 lalu di Dewan Serbaguna kampus berkenaan.

Daripada jumlah tersebut, para pelajar akan mengikuti pelbagai program seperti Sijil Pendidikan Teknikal Tertinggi Kebangsaan (HNTec) in Electrical Engineering (di bawah kawalan Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan Pusat), HNTec in Real Estate Management & Agency, HNTec in Construction and Draughting, HNTec in Geomatics, dan NTec in Building Craft (di bawah kawalan Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan).

**ANTARA yang hadir pada Minggu Orientasi berkenaan (kiri). Manakala gambar kanan, Ketua Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan, Awang Noorisman bin Mentarais menyampaikan ucapan.**

Majlis pembukaan rasmi Minggu Orientasi bagi semua pelajar baharu IBTE tersebut diadakan pada 10 Julai 2025, bertempat di Dewan Plenari, Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Pelaksanaan Minggu Orientasi di IBTE Kampus Nakhoda Ragam pula bermula hari ini dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan, Awang Noorisman bin Mentarais.

Awang Noorisman dalam ucapan alu-aluannya menzahirkan rasa syukur dan teruja kerana berpeluang bertemu secara langsung dengan para pelajar baharu walaupun dalam suasana norma baharu yang masih memerlukan langkah-langkah keselamatan.

Beliau turut menggesa para pelajar agar menjadikan peluang tersebut untuk mempersiapkan diri menjadi individu yang berkebolehan, berkemahiran, berdaya saing dan memiliki kekuatan dari segi fizikal, rohani, intelek serta sosial.

"Pelajar baharu perlu sentiasa berusaha untuk memperkasa jati diri sepanjang tempoh pengajian mereka di IBTE serta menetapkan komitmen dalam mencapai matlamat peribadi dan akademik mereka," ujarnya.

Minggu Orientasi yang berlangsung sehingga 18 Julai 2025 tersebut dirangka dengan pelbagai pengisian bermaklumat termasuk Taklimat Keselamatan (HSE), Ceramah Motivasi oleh Unit Kaunseling, Taklimat Disiplin, Peraturan Peperiksaan dan Penilaian, serta lawatan ke sekitar kampus dan perpustakaan.

Aktiviti kokurikulum (CCA) juga dijalankan dengan kerjasama eLab STARS (Students Activities Rewards System) dan Majlis Perwakilan Pelajar Kampus.



Antara objektif Minggu Orientasi tersebut adalah bagi membantu para pelajar baharu menyesuaikan diri dengan kehidupan kampus dan persekitaran pembelajaran teknikal, di samping mengelakkan kejutan budaya serta memupuk budaya belajar yang lebih matang dan berdikari.

Pihak kampus juga berharap agar pendedahan dan aktiviti sepanjang Minggu Orientasi tersebut akan memberi kesan positif kepada pelajar dalam memahami budaya institusi dan meningkatkan keyakinan diri mereka untuk melangkah ke alam pengajian yang lebih tinggi.

# Doa Kesyukuran raikan Jubli Emas 50 Tahun MDPMAMB

**Oleh : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi**
**Foto : Ihsan Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Jumaat, 11 Julai. - Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) kini sudah menjangkau usia penubuhannya ke-50 tahun setelah mulai beroperasi pada Januari 1975.

Bersempena meraikan Sambutan Jubli Emas kali ini, MDPMAMB terus menyemarakkannya dengan mengadakan Majlis Doa Kesyukuran bertempat di Pusat Pembelajaran dan Perkhidmatan Pelajar, MDPMAMB, di sini.

Majlis keagamaan tersebut dihadiri oleh Awang Haji Muhd. Massa Masdi bin Haji Muhd. Sa'idan yang merupakan mantan Pengetua MDPMAMB (2004-2008).

Turut hadir, Penguasa I, Jabatan Sekolah - Sekolah (JSS), Kementerian Pendidikan (Superintendent I of the Department of Schools, Ministry of Education), Awang Haji Huzaimi bin Haji Moksin; Pengetua MDPMAMB, Dayangku Hajah Nooramaliatifah binti Pengiran Haji Ahmad, pegawai JSS, wakil daripada Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG), pensyarah dan pelajar enam bawah maktab berkenaan.

Acara dimulakan dengan Sembahyang Sunat Hajat yang diimamkan oleh Warden Asrama MDPMAMB, Awang Haji Md. Arriffen bin Begawan Pehin Khatib Dato Paduka Haji Abd. Wahid.

Kemudian disusuli dengan bacaan Surah Yaa Siin dikepalai oleh Awangku Ahmad Aiman bin Pengiran Shahmirul Kamal yang merupakan Pengerusi Majlis Pelajar Islam.

Sementara Doa Kesyukuran pula dibacakan oleh Pensyarah Usuluddin dari Jabatan Pengajian Islam, Awang Haji Mohd. Shafiee bin Haji Japar. Sebelum mengakhiri majlis, Pengetua MDPMAMB, Dayangku Hajah Nooramaliatifah menyampaikan cenderamata penghargaan





**SUASANA Majlis Doa Kesyukuran sempena Sambutan Jubli Emas Maktab Duli Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah (MDPMAMB) yang diadakan di Pusat Pembelajaran dan Perkhidmatan Pelajar, MDPMAMB (atas dan atas kanan).**

kepada tetamu kehormat majlis.

Sambutan kali ini sebelumnya dimeriahkan dengan pelbagai acara antaranya Jubli Emas Charity Drive yang diselenggarakan oleh PIBG MDPMAMB dan juga Pertandingan Membuat Logo Jubli Emas bagi maktab berkenaan.

Selain acara Kutipan Jubli Emas 2025, MDPMAMB juga akan mengadakan Majlis Pelancaran SMART Classroom dan Majlis Pelancaran Festival Jubli Emas MDPMAMB 2025 pada tahun in juga nanti.

Adapun aktiviti keagamaan ini menandakan dalam memperingati legasi 50 tahun maktab berkenaan sebagai institusi tingkatan enam yang menerajui dan terus menyumbang kepada pendidikan negara.

Selain itu, ia juga akan mencatatkan detik bermakna dalam memupuk perpaduan warga MDPMAMB ke arah meraikan lima dekad kecemerlangan akademik, moral dan rohani.



Sila imbas untuk khutbah lengkap

جابتن حال احوال مسجد
JABATAN HAL EHWAL MASJID,
KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM



# DIRGAHAYU RAJA KITA

Khutbah Jumaat Negara Brunei Darussalam pada 15 Muharram 1447H / 11 Julai 2025M



**15 Julai 2025M** : Genaplah 79 tahun usia raja dan Ulil Amri yang kita kasihi dan sanjungi, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam



## SEPANJANG LIMA DEKAD BAGINDA MEMERINTAH NEGARA, BAGINDA SECARA TERUS MENERUS MENAIKKAN DAN MEMAJUKAN NEGARA DENGAN BERTERASKAN NILAI-NILAI ISLAM YANG TINGGI SAMA ADA:

- ☑ Sosiopolitik
- ☑ Sosioekonomi
- ☑ Keagamaan
- ☑ Kesihatan
- ☑ Pendidikan
- ☑ Hubungan antarabangsa
- ☑ Seumpamanya




Sesungguhnya kepimpinan dan keperibadian baginda yang sentiasa memeduli dan sangat mengambil berat itu mencerminkan betapa baginda sangat menitikberatkan hal ehwal kebajikan rakyat jelatanya. Ini terbukti berdasarkan kepada sifat baginda yang sentiasa membuat lawatan-lawatan tidak berjadual bagi mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk baginda

## BERSEMPENA DETIK BERSEJARAH, ULANGTAHUN HARI KEPUTERAAN RAJA YANG KITA KASIHI DAN SEBAGAI TANDA SYUKUR DAN TAAT SETIA KEPADA RAJA KITA:

Sama-samalah kita memanjatkan doa ke hadrat Allah S.W.T semoga baginda dikurniakan kesihatan, keafiatan dan dilanjutkan usia, beroleh inayah dan rahmat Allah S.W.T serta karar memerintah bumi bertuah Brunei Darussalam ini
Amin ya Rabb al-Alamin



BAHAGIAN PENYELIDIKAN DAN PERKEMBANGAN, JABATAN HAL EHWAL MASJID, KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

# Dirgahayu raja kita




BERTAKWALAH kita ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala dengan meningkatkan keimanan kepada-Nya. Sesungguhnya orang yang paling mulia di sisi Allah Subhanahu Wata'ala itu ialah orang yang paling bertakwa. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang sentiasa mengingati Allah Subhanahu Wata'ala, beroleh kejayaan dan keselamatan di dunia dan juga di akhirat.

Alhamdulillah, kita bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah rahmat-Nya, kita selaku rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam yang bertuah ini dapat menikmati suasana kehidupan yang aman, damai dan sejahtera. Oleh itu, kita hendaklah sama-sama sentiasa menjaga nikmat keamanan, nikmat kedamaian dan nikmat kesejahteraan ini dengan sebaik-baiknya.

Janganlah kita lupa bahawa semua nikmat ini adalah satu ujian dan dugaan daripada Allah Subhanahu Wata'ala yang bertujuan untuk menguji sejauh mana keteguhan dan kekuatan iman hamba-hamba-Nya. Adakah mereka itu semakin beriman, semakin bertakwa dan lebih mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wata'ala ataupun sebaliknya.

Allah Subhanahu Wata'ala telah menerangkan di dalam kitab suci Al-Quran bahawa kunci utama mengekalkan nikmat-nikmat tersebut adalah dengan menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala atas segala nikmat yang telah dikurniakan-Nya. Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surah Ibrahim, ayat 7 :

**Tafsirnya** : "*Dan (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya) : "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras*".

Alhamdulillah, sebagaimana yang kita sedia maklum, 15 Julai tahun ini genaplah 79 tahun usia raja dan Ulil Amri yang kita sayangi dan sanjungi, iaitu Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. Setiap tahun tarikh ini akan disambut dengan penuh rasa kesyukuran oleh seluruh lapisan rakyat dan penduduk negara ini.

Dengan izin Allah Subhanahu Wata'ala jua dan di bawah payung kepimpinan raja kita, yang adil lagi bijaksana, pelbagai kecemerlangan dan kemajuan negara telah dapat dicapai dan berjaya dilakarkan satu-persatu.

Sepanjang lebih lima dekad baginda memerintah negara, baginda secara terus-menerus menaikkan dan meningkatkan lagi kemajuan yang telah dirintis oleh paduka ayahanda baginda dalam usaha-usaha membangun dan memajukan negara dengan berteraskan nilai-nilai Islam yang tinggi sama ada dalam bidang sosiopolitik, sosioekonomi, keagamaan, kesihatan, pendidikan, hubungan antarabangsa dan seumpamanya.

Baginda juga merupakan seorang raja dan pemimpin yang berwawasan jauh. Impian baginda untuk pembangunan negara yang berterusan dan kesejahteraan rakyat yang sentiasa terjamin telah dizahirkan dalam Wawasan Brunei 2035.

Semua ini adalah satu keberuntungan bagi rakyat dan penduduk di negara ini, apabila seorang raja sentiasa memikirkan hal ehwal kebajikan rakyat dan penduduknya. Justeru, sebagai rakyat dan penduduk yang bernaung di bumi Darussalam ini, maka adalah menjadi tanggungjawab kita untuk sentiasa taat dan patuh kepada raja ataupun pemimpin kita. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda :

**Maksudnya** : "*Barang siapa taat kepadaku, maka dia telah taat kepada Allah. Barang siapa tidak taat kepadaku, maka dia tidak taat kepada Allah. Barang siapa taat kepada pemimpin, maka dia telah taat kepadaku. Barang siapa tidak taat kepada pemimpin, maka dia tidak taat kepadaku*". (Hadis Riwayat Imam Bukhari)

Sepanjang pemerintahan baginda iaitu sejak dari tahun 1967 sehingga ke hari ini, pelbagai usaha telah diungkayahkan dan dilaksanakan oleh kerajaan baginda bagi memeduli dan *mengelinga* hal ehwal rakyat dan penduduk di negara ini.

Sesungguhnya kepimpinan dan keprihatinan baginda yang sentiasa memeduli dan sangat mengambil berat itu mencerminkan betapa baginda sangat menitikberatkan hal ehwal kebajikan rakyat jelatanya. Ini terbukti berdasarkan kepada sifat baginda yang sentiasa membuat lawatan-lawatan tidak berjadual ataupun secara rasmi ke kampung-kampung, daerah-daerah, jabatan-jabatan dan kementerian - kementerian bagi mengetahui permasalahan yang dihadapi oleh rakyat dan penduduk baginda. Sesungguhnya sifat yang ada pada baginda itu merupakan contoh kepimpinan yang patut diteladani untuk sama-sama menjalankan amanah yang telah dipertanggungjawabkan.

Bersempena detik bersejarah, Ulang Tahun Hari Keputeraan raja yang kita kasihi dan sebagai tanda syukur dan taat setia kita yang tidak berbelah bahagi kepada raja kita, sama-samalah kita merafakkan doa ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala semoga baginda dikurniakan kesihatan, keafiatan dan dilanjutkan usia, beroleh inayah dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala serta kekal karar memerintah bumi bertuah Brunei Darussalam ini. *Amin Ya Rabbal Alamin.*

**Tafsirnya** : "*Dan Tuhan kamu berfirman : "Berdoalah kepada-Ku nescaya Aku perkenankan doa kamu. Sesungguhnya orang-orang yang menyombongkan diri daripada beribadah kepada-Ku akan masuk Neraka Jahanam dalam keadaan hina*". (Surah Ghafir, ayat 60)

# 163 peserta terima sijil Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf



**SAUDARA-saudara baharu yang menyertai Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) semasa menerima sijil masing-masing.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Pusat Da'wah Islamiah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Seramai 163 orang saudara-saudara baharu yang telah menyertai Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) menerima sijil masing-masing di Majlis Penutup dan Penyampaian Sijil Skim Bimbingan Lanjutan bagi Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) yang diadakan serentak di keempat-empat daerah diungkayahkan oleh Pusat Da'wah Islamiah (PDI) melalui Bahagian Pembangunan Muallaf (Tarbiyah Muallaf) dan Unit Dakwah di setiap daerah.

Skim Bimbingan Lanjutan I Mualaf Siri Ke-109 (Lelaki) dan Siri Ke-110 (Perempuan) telah dilaksanakan selama 14 hari, dari 23 Jun 2025 hingga 10 Julai 2025 kecuali hari Ahad.

Para peserta yang menerima sijil berkenaan terdiri daripada 48 orang peserta dari Daerah Brunei dan Muara, 47 orang dari Daerah Tutong, 44 orang dari Daerah Belait, dan 24 orang dari Daerah Temburong.

Bagi Daerah Brunei dan Muara, majlis diadakan di Bilik Mau'izhah, PDI dan hadir menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pemangku Pegawai Ugama Kanan, PDI, Dayang Hajah Zunainah binti Haji Gunong.

Majlis yang sama juga mengambil tempat di Pejabat Unit Dakwah Daerah Tutong, dan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pegawai Ugama, Jabatan Hal Ehwal Syariah, Dayang Nur Diyana binti Dato Paduka Haji Md. Yussop.

Di Daerah Belait, majlis berlangsung di Pejabat Unit Dakwah Daerah Belait. Hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Pegawai Ugama Kanan, PDI, Awang Roslan bin Haji Sulaiman.

Manakala di Daerah Temburong pula majlis diadakan di Pejabat Unit Dakwah Daerah Temburong, dan hadir bagi menyempurnakan penyampaian sijil kepada para peserta ialah Ketua Unit Dakwah Daerah Temburong, Awang Haji Hazimin bin Haji Metali.

Antara objektif skim ini diadakan adalah untuk memberikan sokongan dari sudut moral, spiritual dan psikologi kepada peserta mualaf di samping membimbing para peserta untuk lebih memahami dan menghayati ajaran agama Islam dalam kehidupan seharian mereka.

Sepanjang mengikuti Skim Bimbingan Lanjutan ini, para peserta telah mempelajari subjek-subjek iaitu Iqra', Tauhid, Fiqh Solat (Sembahyang-sembahyang Sunat, Sembahyang Musafir dan Sembahyang Pesakit), Fiqh Munakahat (Perkahwinan), Sejarah Islam, Tasawwuf, Amali Agama, Teori dan Praktikal Pengurusan Jenazah dari Penggapai, dan Sesi Kongsi Sama dari Bahagian Khidmat Nasihat Keluarga mengenai Isu Permasalahan Rumah Tangga.

Demi menjaga dan memelihara kemaslahatan para mualaf di negara ini, PDI menyediakan beberapa program bimbingan khusus untuk para mualaf seperti Bimbingan Pengenalan Islam, Skim Bimbingan Asas (Melayu dan Inggeris), Skim Bimbingan Lanjutan I serta Skim Bimbingan Lanjutan II. Selain itu, Kelas Bimbingan Mualaf juga turut dibukakan secara mingguan di keempat-empat daerah termasuk Program Lawatan Tarbiyah Mualaf.

# دعاء مموهن كڤد الله سڤاي ترسلامة درڤد بلاء دان سکل جنيس ڤپاکيت

## DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ

ٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ، وَٱلصَّلَاةُ وَٱلسَّلَامُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ أَجْمَعِينَ.

لَآ إِلَٰهَ إِلَّآ أَنْتَ سُبْحَٰنَكَ إِنِّي كُنْتُ مِنَ ٱلظَّٰلِمِينَ ﴿3 كالي﴾.

نَعُوذُ بِكَلِمَاتِ ٱللَّهِ ٱلتَّآمَّاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ شَيْءٌ فِي ٱلْأَرْضِ وَلَا فِي ٱلسَّمَآءِ وَهُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿3 كالي﴾.

بِسْمِ ٱللَّهِ وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ مُحَمَّدٌ رَّسُولُ ٱللَّهِ لَا قُوَّةَ إِلَّا بِٱللَّهِ.

بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ دِينِنَا وَأَنْفُسِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ أَهْلِنَا وَأَمْوَالِنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ أَعْطَانَا رَبُّنَا.
بِسْمِ ٱللَّهِ خَيْرِ ٱلْأَسْمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ رَبِّ ٱلْأَرْضِ وَٱلسَّمَآءِ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱلَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ ٱسْمِهِۦ دَآءٌ. بِسْمِ ٱللَّهِ ٱفْتَتَحْنَا وَبِٱللَّهِ ٱخْتَتَمْنَا وَعَلَى ٱللَّهِ تَوَكَّلْنَا. تَحَصَّنَّا بِذِي ٱلْعِزَّةِ وَٱلْجَبَرُوتِ. وَٱعْتَصَمْنَا بِرَبِّ ٱلْمَلَكُوتِ وَتَوَكَّلْنَا عَلَى ٱلْحَيِّ ٱلَّذِي لَا يَمُوتُ.

ٱللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُبِكَ مِنَ ٱلْبَرَصِ، وَٱلْجُنُونِ، وَٱلْجُذَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ ٱلْأَسْقَامِ.

ٱللَّهُمَّ ٱصْرِفْ عَنَّا وَعَنْ سُلْطَانِنَا وِبِلَادِنَا وَجَمِيعِ ٱلْمُسْلِمِينَ فِي كُلِّ مَكَانٍ ٱلْبَلَآءَ وَٱلْوَبَآءَ وَٱلطَّعْنَ وَٱلطَّاعُونَ وَسَائِرَ ٱلْأَمْرَاضِ وَقِنَا شَرَّ ٱلرَّدَىٰ بِلُطْفِكَ يَا لَطِيفُ يَا خَبِيرُ إِنَّكَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ ﴿3 كالي﴾.

وَصَلَّى ٱللَّهُ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ وَسَلَّمَ، وَٱلْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ ٱلْعَالَمِينَ.

### TERJEMAHAN DOA-DOA MEMOHON KEPADA ALLAH SUPAYA TERSELAMAT DARIPADA BALA DAN SEGALA JENIS PENYAKIT

Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Segala puji bagi Allah Tuhan semesta alam, selawat dan salam ke atas junjungan kami Nabi Muhammad shallallahu 'alaihi wassalam dan ke atas keluarga Baginda dan sahabat-sahabat baginda sekalian.

Sesungguhnya tiada Tuhan (yang dapat menolong) melainkan Engkau Ya Allah! Maha Suci Engkau (daripada melakukan aniaya). Sesungguhnya aku adalah dari orang-orang yang menganiaya diri sendiri. (3x)

Kami berlindung dengan (kebesaran) kalimah-kalimah Allah yang sempurna dari segala kejahatan yang ada. (3x)

Dengan nama Allah yang tidak memberi mudarat bersama nama-Nya apa yang ada di bumi dan jua di langit, dan Dia Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui. (3x)

Dengan nama Allah dan segala puji hanya bagi Allah, Muhammad pesuruh Allah, (kami) tiada upaya melainkan dengan (pertolongan) Allah.

Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas agama kami dan diri kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ahli-ahli kami dan harta benda kami. Dengan nama Allah (kami bermohon bagi keselamatan) ke atas setiap sesuatu yang Allah berikan kepada kami. Dengan nama Allah sebaik-baik nama. Dengan nama Allah Tuhan (bagi sekalian makhluk) di bumi dan di langit. Dengan nama Allah yang tidak memberi bahaya sebarang penyakit bersama nama-Nya. Dengan nama Allah kami memulakan (segala sesuatu) dan dengan (nama) Allah kami mengakhiri (segala sesuatu) dan kepada Allah kami berserah.

Kami memelihara diri kami dengan (Allah) Yang Mempunyai Kekuatan dan Kekuasaan. Dan kami berpegang dengan Tuhan Yang Memiliki Kekuasaan, dan kami berserah pada (Allah) Yang Sentiasa Hidup, Yang Tidak Mati.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, sesungguhnya kami berlindung kepada-Mu dari penyakit sopak, gila dan kusta serta dari seburuk-buruk penyakit.

Ya Allah, Ya Tuhan kami, lindungilah kami, dan pemerintah kami dan negara kami serta seluruh orang-orang Islam di setiap pelusuk tempat daripada bala' bencana, wabak, ancaman, penyakit taun dan segala jenis penyakit dan lindungilah kami dari kebinasaan dengan belas kasih-Mu wahai Yang Maha Lembut tadbirnya (serta melimpah-limpah kebaikan dan belas kasihan-Nya) wahai yang Maha Meliputi segala Yang tersembunyi, sesungguhnya Engkau Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu (3x).

Dan Engkau (Allah) cucurilah dengan sepenuh rahmat ke atas junjungan kami Nabi Muhammad dan ke atas ahli-ahli keluarga baginda dan seluruh sahabat baginda. Dan segala puji hanya bagi Allah Tuhan Pentadbir seluruh alam.

Ihsan : Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

# AYAT KURSI, SELAWAT, ZIKIR-ZIKIR AMALAN HARIAN

## سَيِّدُ الْإِسْتِغْفَارُ

ٱللَّهُمَّ أَنْتَ رَبِّي لَآ إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ، خَلَقْتَنِي وَأَنَاْ عَبْدُكَ، وَأَنَاْ عَلَىٰ عَهْدِكَ وَوَعْدِكَ مَا ٱسْتَطَعْتُ، أَعُوذُ بِكَ مِنْ شَرِّ مَا صَنَعْتُ، أَبُوءُ لَكَ بِنِعْمَتِكَ عَلَيَّ وَأَبُوءُ بِذَنْبِي، فَٱغْفِرْ لِي فَإِنَّهُۥ لَايَغْفِرُ ٱلذُّنُوبَ إِلَّا أَنْتَ.

**Maksudnya :**

*"Ya Allah! Engkaulah Tuhanku. Tiada tuhan yang sebenar selain Engkau. Engkau telah menciptakan ku, dan aku hamba-Mu. Aku berada dalam ikatan janji-Mu menurut kemampuanku. Aku berlindung dengan-Mu daripada kejahatan yang ku lakukan. Aku sedari nikmat-Mu kepadaku. Dan aku sedari akan dosa-dosaku. Maka ampunilah aku. Sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa kecuali Engkau".*

**Fadilatnya :**

Jika pada siang hari seseorang membaca doa ini dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum matahari turun, maka ia akan menjadi penghuni syurga. Dan jika seseorang membaca doa ini pada malam hari dengan keteguhan iman dan meninggal dunia sebelum pagi tiba, maka ia akan menjadi penghuni syurga.

## (صلوات تفرجية)

ٱللَّهُمَّ صَلِّ صَلَاةً كَامِلَةً وَسَلِّمْ سَلَامًا تَامًّا عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ ٱلَّذِي تَنْحَلُّ بِهِ ٱلْعُقَدُ، وَتَنْفَرِجُ بِهِ ٱلْكُرَبُ، وَتُقْضَىٰ بِهِ ٱلْحَوَائِجُ، وَتُنَالُ بِهِ ٱلرَّغَآئِبُ وَحُسْنُ ٱلْخَوَاتِمِ، وَيُسْتَسْقَى ٱلْغَمَامُ بِوَجْهِهِ ٱلْكَرِيمِ، وَعَلَىٰ آلِهِۦ وَصَحْبِهِۦ فِي كُلِّ لَمْحَةٍ وَنَفَسٍ بِعَدَدِ كُلِّ مَعْلُومٍ لَكَ.

**Maksudnya :**

Wahai Tuhan Kami! Limpahkanlah rahmat dan nikmat yang sempurna dan kesejahteraan yang cukup ke atas penghulu kami Nabi Muhammad yang dengan berkatnya semoga akan terhurailah segala simpulan ikatan dan akan terhapuslah segala kesusahan serta tertunailah segala hajat, juga akan tercapailah segala maksud dan kesudahan umur yang baik (mati di dalam keadaan aman), dan terkabullah cucuran air hujan rahmat dengan berkat peribadinya yang mulia. Dan ke atas semua keluarganya serta para sahabatnya pada setiap kerdipan mata dan hembusan nafas, maka semoga Engkau limpahkan dengan cucuran rahmat kesejahteraan serta keselamatan yang cukup sempurna).

**Penerangannya :**

Selawat ini amat luas rahsianya, dapat melapangkan segala kesukaran sesiapa yang membacanya setiap kali lepas sembahyang fardu atau tiap-tiap hari.

## اية الكرسى

ٱللَّهُ لَآ إِلَٰهَ إِلَّا هُوَ ٱلْحَىُّ ٱلْقَيُّومُ ۚ لَا تَأْخُذُهُۥ سِنَةٌ وَلَا نَوْمٌ ۚ لَّهُۥ مَا فِى ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَمَا فِى ٱلْأَرْضِ ۗ مَن ذَا ٱلَّذِى يَشْفَعُ عِندَهُۥٓ إِلَّا بِإِذْنِهِۦ ۚ يَعْلَمُ مَا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ ۖ وَلَا يُحِيطُونَ بِشَىْءٍ مِّنْ عِلْمِهِۦٓ إِلَّا بِمَا شَآءَ ۚ وَسِعَ كُرْسِيُّهُ ٱلسَّمَٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضَ ۖ وَلَا يَـُٔودُهُۥ حِفْظُهُمَا ۚ وَهُوَ ٱلْعَلِىُّ ٱلْعَظِيمُ ﴿٢٥٥﴾

**Peringatan :**

Ayat ini dibaca bagi menolak bala, dalam kesusahan, dalam kesempitan rezeki, keadaan cuaca yang memberi takut atau apa jua keadaan yang menakutkan. Jika keadaan-keadaan ini berlaku, maka hendaklah diulang bacaan pada ayat وَلَا يَئُودُهُ حِفْظُهُمَاۚ وَهُوَ العَلِيُّ العَظِيمُ 70 kali. Hingga keadaan hilang menjadi baik dan sempurna).

## ذكر بچاءن يڠ ممباوا كبراونتوڠن ساڠت بسر كڤد ڤڠعملڽ ( تولق بلاء)

**(1)**

حَسْبُنَا اللَّهُ وَنِعْمَ الْوَكِيلُ

**(Memadailah Allah untuk menolong kami dan Dialah yang sebaik-baik pelindung).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ali 'Imran, ayat 173, Menurut hadis, jika seseorang mengalami atau menghadapi perkara-perkara besar yang sangat sukar, maka bacalah zikir ini. Elok dibaca 100 kali atau lebih.

**(2)**

أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ

**(Aku memohon ampun kepada Allah Yang Maha Agung).**

**Penerangan :**

Bacaan ini diamalkan sendiri oleh Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam sebanyak 100 kali pada setiap hari, keutamaannya menghapus dosa, menutup aib, menyampaikan hajat dan berkat harta benda. Menurut satu riwayat hadis, sesiapa yang membiasakan membacanya, maka Allah akan memberinya jalan keluar daripada setiap dukacita, daripada kesempitan dan kesusahan juga mengurniakannya rezeki daripada sumber yang dia sendiri tidak menyedari.

**(3)**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

وَلَا حَوْلَ وَلَا قُوَّةَ إِلَّا بِاللَّهِ الْعَلِيِّ الْعَظِيمِ

**(Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang, dan tiada daya upaya serta kekuatan (kuasa) melainkan bagi Allah Yang Maha Tinggi Lagi Maha Agung jua).**

**Penerangan :**

Menurut hadis, barang siapa mengalami kesusahan atau dalam keadaan sukar, maka bacalah zikir ini, nescaya Allah dengan kuasa-Nya akan melepaskan orang itu daripada apa jua bentuk kesusahan atau bencana yang dialaminya.

**(4)**

وَأُفَوِّضُ أَمْرِيْ إِلَى اللَّهِ

**(Dan aku menyerahkan urusanku (hanya) kepada Allah jua).**

**Penerangan :**

Ini adalah ayat Al-Quran, Surah Ghafir, ayat 44. Zikir ini diamalkan bagi menggagalkan daripada segala musibah berlaku. Malah binatang buas, seperti singa yang dirancang untuk memangsakan seseorang, didapati enggan bertindak untuk mencederakan orang itu, berkat membaca doa ini.

**(5)**

يَا حَيُّ يَا قَيُّومُ، بِرَحْمَتِكَ أَسْتَغِيثُ

**(Wahai Tuhan Yang Maha Hidup Lagi Maha Berdiri Sendiri, dengan rahmat-Mu jua, tolonglah aku / bantulah aku!).**

**Penerangan :**

Ini adalah zikir hebat, Barang siapa yang membacanya pagi dan petang, seolah-olah dia memohonkan semua kebaikan dunia dan akhirat dan sekali gus mengharapkan pertolongan Allah dalam apa jua perkara yang dimahuinya. Di dalam sebuah riwayat, Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam telah berwasiat (berpesan) kepada puteri Baginda, Fatimah Az-Zahra' supaya membaca zikir ini pagi dan petang.

# MEMPERKASA POTENSI PENGKAJI MUDA DALAM KRITIKAN SASTERA





PEMANGKU Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit hadir selaku tetamu khas yang sekali gus menyerahkan surat pelantikan mentor dan penyerahan menti kepada mentor (kiri dan atas), manakala gambar bawah, antara yang menyampaikan taklimat bagi program berkenaan.




**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Dewan Bahasa dan Pustaka**

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) melalui Bahagian Sastera dan Majalah mengungkayahkan Program Mentor-Menti Kritikan Sastera 2025 yang julung-julung kali diadakan sebagai program pembangunan kapasiti melalui konsep pementoran, dan merupakan salah satu inisiatif DBP dalam membangun dan memperkasa potensi pengkaji-pengkaji muda sebagai pelapis pemikir bangsa dalam bidang kritikan sastera.

Majlis Pelantikan Mentor dan Penyerahan Menti diadakan sebagai pembuka tirai pelaksanaan program ini. Hadir selaku tetamu khas ialah Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Dayang Hajah Haireni binti Haji Awang Damit, yang sekali gus menyerahkan surat pelantikan mentor dan penyerahan menti kepada mentor.

Objektif pelaksanaan program ini adalah untuk mendaulatkan, memartabatkan dan memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa rasmi negara ke arah mendukung visi dan misi DBP serta mengupayakan pengetahuan dan kepakaran dalam bidang wacana kritikan sastera melalui program pementoran.

Selain itu, bagi mewujudkan hubungan profesional yang membina antara mentor dan menti melalui plaftorm pertukaran pengetahuan dan pengalaman; meningkatkan kemahiran dan pengetahuan menti bagi mengatasi kelemahan dan kekurangan dalam bidang penulisan kritikan sastera; dan membina keyakinan diri dalam menghadapi cabaran dan masalah dalam merangka sesebuah penulisan hasil daripada bimbingan dan pemantauan mentor.

Program ini melibatkan proses interaksi seorang mentor dengan menti melalui tindakan seperti membimbing, menyokong dan memberi pandangan serta nasihat.

Kepakaran dan pengetahuan seseorang mentor dapat dikongsi dan diimplementasi secara intensif, dengan mengedepankan pemikiran kritis pengkaji-pengkaji muda sebagai bakal pemikir bangsa yang berilmu pengetahuan, berketerampilan dan mempunyai daya berwacana yang dapat menguasai karya sastera dengan penerapan teori dan kritikan sastera.

Pelaksanaan program ini akan diadakan selama lima bulan, iaitu 12 sesi bimbingan bermula pada bulan Julai 2025 dan dijangka selesai pada November 2025.

Seramai 12 barisan menti yang terpilih mengikuti program ini di bawah pemantauan seorang mentor iaitu Ketua Program Kesusasteraan Melayu, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Brunei Darussalam, Dr. Maslin bin Haji Jukin@Jukin, yang bidang pengkhususannya lebih kepada pengkajian dan penelitian *folklore* Brunei Darussalam.

Pelaksanaan program sebagai pembangunan profesionalisme bagi membangun potensi dan keupayaan pengkaji-pengkaji muda ini dihasrat dapat melahirkan penulis dan pengkaji muda dan baharu yang berkualiti, mandiri, bijak berwacana dan berketerampilan sebagai pelapis pemikir bangsa.

# Ambil iktibar peristiwa hijrah, jadikan sumber motivasi




SEKITAR Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah 1447 bertempat di Masjid Kampung Layong khusus bagi peserta Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Tutong (atas dan kanan).



**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**TUTONG**, Rabu, 9 Julai. - Sambutan Ilal Hijrah merupakan salah satu platform penting dalam menyemai nilai-nilai murni agama Islam dan memperkukuh ukhuwah serta memperteguh semangat perpaduan dalam kalangan masyarakat Islam.

Sehubungan itu, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Kampung Layong, Daerah Tutong pagi tadi menganjurkan Ceramah Khas sempena Ilal Hijrah 1447 bertempat di Masjid Kampung Layong khusus bagi peserta Kelas Bimbingan Muslimah Daerah Tutong.

Acara ini bertujuan untuk memberikan kefahaman kepada para muslimah mengenai peristiwa bersejarah hijrah Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dari Kota Mekah ke Madinah.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dipimpin oleh Ketua Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Jabatan Hal Ehwal Masjid, Dayang Noraini Yanti binti Haji Hussin.

Diteruskan dengan Ceramah Khas disampaikan oleh Ketua Pegawai Ugama, Pejabat Ugama Daerah Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Inti pati ceramah berkenaan menyentuh pelbagai aspek hijrah dan kaitannya dengan pembangunan rohani serta sosial.

Ia juga menyeru para peserta untuk mengambil iktibar daripada peristiwa tersebut sebagai sumber motivasi diri dalam membina kehidupan lebih baik serta menghadapi cabaran masa kini dan masa depan dengan lebih cemerlang.

Selain itu, Ceramah Khas tersebut berperanan dalam mempererat lagi hubungan silaturahim dan membina semangat persaudaraan sesama muslimah demi melahirkan masyarakat yang bersatu padu dan sejahtera.

Bagi memberkati majlis, Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam dibacakan oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid Kampung Layong, Awang Haji Mohd. Nazelley bin Noorashid.

Acara ini dihasrat akan dapat mencerminkan semangat hijrah sebagai asas pembentukan umat yang beriman, berilmu, dan berakhlak mulia serta menyuburkan budaya saling menyokong dalam mendepani cabaran zaman.

# 1,625 PELAJAR BAHARU IBTE MENGIKUTI MINGGU ORIENTASI

Oleh : Aimi Sani
Foto : Azmah Haji Ahad

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE) secara rasmi menyambut seramai 1,625 pelajar baharu bagi pengambilan Ogos 2025, menerusi Majlis Pembukaan Minggu Orientasi 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), di sini.

Program orientasi tersebut dijadualkan berlangsung dari 10 hingga 14 Julai 2025.

Majlis tersebut menandakan permulaan perjalanan akademik bagi para pelajar yang melanjutkan pengajian mereka di IBTE. Bagi Sesi Ogos 2025/2026, sebanyak 47 program ditawarkan, yang merangkumi empat program Diploma (BDQF Tahap 5), 25 program Sijil Pendidikan Teknikal Tertinggi Kebangsaan (HNTec), 16 program Sijil Pendidikan Teknikal Kebangsaan (NTec) dan dua program Tahap II.

Ketua Pegawai Eksekutif IBTE dan Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapannya menekankan komitmen IBTE dalam melahirkan tenaga kerja yang bersedia untuk masa depan dan boleh diambil bekerja, selaras dengan Pelan Strategik IBTE 2025-2030.

Menurutnya lagi, para pelajar akan mendapat manfaat daripada pembelajaran secara praktikal, kurikulum yang relevan dengan industri dan kerjasama kukuh dengan para majikan.

Selain latihan teknikal tambahnya, para pelajar juga akan membangunkan kemahiran komunikasi, kepimpinan, penyelesaian masalah dan kerja berpasukan.

Dr. Haji Mohd. Zamri turut mengucapkan tahniah dan mengalu-alukan para pelajar baharu, sambil menggalakkan mereka untuk menyambut perjalanan mereka di IBTE, dengan potensi ditransformasikan menjadi prestasi.

Nilai teras IBTE yang dirangkumkan dalam akronim CREATE: Competence, Resilience, Excellence, Innovation, and Teamwork (Kompetensi, Ketahanan, Kecemerlangan, Inovasi dan Kerja Berpasukan) akan menjadi panduan sepanjang perjalanan mereka.

Minggu Orientasi tersebut turut diisikan dengan pelbagai aktiviti dan taklimat yang disampaikan oleh agensi-agensi kerajaan seperti Jabatan Penjara. Di samping itu, agensi yang berkenaan juga dijemput untuk berkongsi maklumat yang bermanfaat dan relevan dalam membantu pelajar menyesuaikan diri serta mengikuti program pengajian di IBTE dengan lebih baik.

Minggu Orientasi yang diadakan selama tiga hari tersebut akan diakhiri degan sesi taklimat dan program keagamaan yang dikendalikan oleh tenaga pengajar di kampus masing-masing.

Turut hadir, pegawai kanan, ketua sekolah dan warga kerja dari seluruh kampus IBTE.




**KETUA Pegawai Eksekutif IBTE dan Pengarah Pendidikan Teknik, Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli selaku tetamu kehormat majlis dalam ucapannya.**






**MAJLIS Pembukaan Minggu Orientasi 2025 yang diadakan di Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas (atas dan kanan).**

# PKWE raikan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Ke-8



**PUSAT Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong menganjurkan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan PKWE Ke-8, Tahun 2025 (atas dan bawah kanan).**

Berita dan Foto : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Khamis, 10 Julai. - Pusat Kegiatan Warga Emas (PKWE), Daerah Tutong pada hari ini meraikan Sambutan Ulang Tahun Penubuhan PKWE Ke-8, Tahun 2025.

Majlis yang berlangsung di pusat berkenaan dimulai dengan bacaan Surah Yaa Siin beramai-ramai dan Doa Kesyukuran bagi memohon ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala agar seluruh Ahli-ahli PKWE sentiasa mendapat limpahan rahmat taufik serta hidayah untuk terus mengorak langkah ke hadapan dalam merealisasikan objektif-objektif penubuhannya yang telah digaris pandu oleh pihak Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut, Penolong Pegawai Daerah Tutong, Awangku Arif Anuar bin Pengiran Haji Ahmad.

Majlis juga diselajurkan dengan 'Projek Senada Kasih' dengan acara pengagihan sumbangan berupa barang-barang kepada orang ramai di kawasan letak kereta Dewan Seri Kenangan, Kompleks Dewan Kemasyarakatan Daerah Tutong.

Antara tujuan majlis tersebut diadakan adalah sebagai aktiviti berkala PKWE, di samping untuk merealisasikan objektif penubuhan PKWE, iaitu sebagai platform untuk menjalankan aktiviti keagamaan dan kebajikan masyarakat.

Ahli-ahli PKWE diharap akan terus-menerus memberikan kerjasama yang padu dalam memgimarah pusat tersebut dengan menjalankan aktiviti-aktiviti yang berkebajikan sekali gus sebagai amal jariah masing-masing.

Kepada mana-mana agensi jabatan kerajaan, sewasta mahu pun Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti persatuan, pertubuhan atau syarikat, PKWE sentiasa memberi peluang berkolaborasi bagi menjalankan aktiviti-aktiviti yang bersesuaian serta berkebajikan.

Kepada warga emas yang belum mendaftar sebagai ahli, PKWE sentiasa mengalu-alukannya kerana pendaftaran adalah percuma.






PELITA BRUNEI

# PERBADANAN TAIB ANJUR KEMPEN DERMA DARAH



**PENGARAH Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan Kempen Derma Darah sempena Hari Penderma Darah Sedunia bertempat di The Airport Mall.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei**

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Perbadanan Tabung Amanah Islam Brunei (Perbadanan TAIB) dan anak-anak syarikatnya, Insurans Islam TAIB Holdings Sendirian Berhad (IITHSB) dan Darussalam Holdings Sendirian Berhad (DHSB) pagi tadi menganjurkan Kempen Derma Darah sempena Hari Penderma Darah Sedunia bertempat di The Airport Mall.

Kempen tersebut telah diadakan dengan kerjasama Jerudong Park Medical Centre (JPMC) dari pukul 10.00 pagi hingga 2.00 petang dan bejaya menarik penyertaan seramai 60 penderma.

Sebahagian besar merupakan penderma tetap yang telah menderma darah secara berterusan, di samping penyertaan penderma baharu yang pertama kali menyumbang demi membantu mereka yang memerlukan.





**ANTARA yang menyertai Kempen Derma Darah (kiri dan kanan).**

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan acara ialah Pengarah Urusan Perbadanan TAIB, Datin Dayang Hajah Hasnah binti Haji Ibrahim.

Turut hadir ialah Pemangku Pengarah Urusan IITHSB, Dayang Zamzaipa binti Haji Ismail dan Pengarah Urusan DHSB, Awang Haji Mahmud bin Haji Mohamed, bersama pegawai serta kakitangan dari Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya, temasuk komuniti sekitar.

Perbadanan TAIB dan anak-anak syarikatnya akan terus mendukung inisiatif kemasyarakatan seumpama ini, khususnya dalam menyokong usaha penambahan bekalan darah negara melalui penganjuran berterusan Kempen Derma Darah pada masa akan datang.

# Membentuk sahsiah berteraskan akhlak Rasulullah



**ANTARA yang menyertai Program Sirah Nabawiyyah bertempat di masjid berkenaan.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Ihsan Jabatan Hal Ehwal Masjid**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Bagi memperkaya ilmu pengetahuan serta memupuk minat dalam kalangan para Muslimah terhadap sejarah Islam, khususnya yang memfokuskan keperibadian dan kehidupan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam agar dapat dijadikan teladan di samping untuk menanamkan rasa kasih dan cinta kepada Baginda, Jabatan Hal Ehwal Masjid melalui Bahagian Hal Ehwal Muslimah dengan kerjasama Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi pagi tadi mengadakan Program Sirah Nabawiyyah bertempat di masjid berkenaan.

Penganjuran program ini juga bertujuan untuk membentuk sahsiah Muslimah yang berteraskan akhlak Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam menghadapi pelbagai cabaran sama ada dalam konteks keluarga, kerjaya mahupun masyarakat.

Atur cara diserikan dengan ceramah bertajuk 'Akhlak Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam: Satu Teladan' yang disampaikan oleh Pegawai Ugama (SkiPPA), Bahagian Hal Ehwal Muslimah, Dayang Noorhazalina binti Mohiddin.

Inti pati ceramah antara lain menyerlahkan nilai-nilai murni yang ada dalam keperibadian dan akhlak Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dan sewajarnya dicontohi dan diikuti dalam kehidupan seharian umat Islam.

Para peserta bagi Program Sirah Nabawiyyah Siri Ketiga ini terdiri daripada Ahli Jawatankuasa Takmir dan Muslimah Masjid Duli Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Kampung Tamoi; Masjid Omar 'Ali Saifuddien; Masjid Perdana Wangsa Haji Mohamad, Kampung Setia; Masjid Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah; Masjid Al-Muhtadee Billah, Kampung Sungai Kebun; dan Masjid Jubli Perak Sultan Haji Hassanal Bolkiah, Kampung Jangsak.

**JABATAN PERIKANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0014 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
General Repair For Two (2) Units Of Motor Vehicle, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 31 Julai 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0013 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
To Supply And Delivery Raw Water Sea Pump At Keramut Seawater Pump Station, Tutong, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 31 Julai 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0015 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
General Repair And Painting Overall Boats Including Replacing Of Related Parts And Accessories, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 31 Julai 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0016 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Replace, Supply And Install Compound And Street Solar Lighting At Serambangun Slipway, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 31 Julai 2025.

**Bilangan Sebut Harga:**
IKAN / 78(Q) / 0012 / 2025

**Tajuk Sebut Harga:**
Supply And Delivery Raw Water Sea Pump Including Upgrading Of Control Panel At Pump Station, Pantai Serasa, Department Of Fisheries

**Tarikh Tutup:**
Khamis, 31 Julai 2025.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / JAN / 038

**Tajuk Tawaran:**
Provision Of Mainpower For Department Of Electrical Services For A Duration Of Twenty Four Months.

**Tarikh Tutup:**
22 Julai 2025, Selasa.
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**Tempat Tutup :**
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil,
Jabatan Perdana Menteri,
Bangunan Jabatan Perdana Menteri,
Jalan Perdana Menteri,
Bandar Seri Begawan,
BB3913,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelayakan:**
Manpower agencies registered with Brunei Labour Department and ROCBN

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperoleh di Kaunter Unit Tawaran dan Sebut Harga, Tingkat Empat (4), Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri.

---

**BIRO MENCEGAH RASUAH**

**Bilangan Tawaran**
BMR / SH / 10 / 2025 / 2026

**Tajuk Tawaran**
Quotation For Repair Work Unit No. 1 & Unit No.5 Simpang 50 Block F25 Anti Corruption Bureau Staff Housing,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 22 Julai 2025.

---

**JABATAN PENGAJIAN ISLAM KEMENTERIAN HAL EHWAL UGAMA**

**Bil. Sebut Harga:**
KHEU / JPI / JKS / 06 / 2025 - 2026

**Keterangan:**
Mencetak Ulang, Membekal dan Menghantar Buku-Buku Teks Persekolahan Ugama Darjah IV Hingga VI,
Bagi Sesi Pembelajaran Tahun 2026, Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Tahun 1447H-1448H / 2025M-2026M

---

**JABATAN KASTAM DAN EKSAIS DIRAJA KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI**

**Rujukan Tawaran:**
JKED / TAWARAN / UPA / BL / Q / 2025 - 05

Perkhidmatan Membaik Pulih Atap Di Blok Pentadbiran, Pos Kawalan Sungai Tujoh, Cawangan Daerah Belait dan Tutong, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Kementerian Kewangan Dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 29 Julai 2025.

---

**Bayaran Yuran Tawaran:**
BND10.00 (Tidak Dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 5 Safar 1447H / 30 Julai 2025M.
Tidak lewat jam 2.00 Petang.

---

**JABATAN AUDIT JABATAN PERDANA MENTERI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran :**
AUD / UPKTM / Q&T / 2025-2026 / 06
Membeli 3 Unit Televisyen LED

**Spesifikasi**
- Display 55-inch
- Screen Type LED
- Input HDMI
- Input USB
- Smart TV
- Resolution Standard 4K

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 29 Julai 2025.

---

**JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI JABATAN PERDANA MENTERI**

**1. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 47 / 25-26
Supply, Install And Delivery Of Equipment To Radio Televisyen Brunei, Kuala Belait

**2. Tajuk Sebut Harga:**
RTB / K / 48 / 25-26
Supply And Delivery Of Office Stationeries To Radio Televisyen Brunei

**Bayaran Yuran (Termasuk E-Dokumen):**

---

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Tawaran:**
JKP / SH / 2025 – 2026 / 15

**Tajuk Tawaran:**
Provision Of Event Management And Integrated Marketing Services For Brunei Gastronomy Festival 2026 – Ramadhan Edition

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 4 September 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

**Salinan Kertas (*Hardcopy*):**
BND5.00 (Jika perlu dan tidak dikembalikan)

**Tarikh Tutup:**
Rabu, 23 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN DAN REKREASI KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Negara Brunei Darussalam**

**Kelas:**
III / IV / V

**Kategori:**
KPB12

**Tarikh Buka Tawaran pada:**
Rabu, 2 Julai 2025.

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran**:
Selasa, 22 Julai 2025.

**Tarikh Tutup Pada:**
Selasa, 29 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

(Ditutup di **Pejabat Lembaga Tawaran Kecil, di Tingkat Bawah Bangunan Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam)**

**JASTRE / BTR / T014 / 2025**
Penyelenggaraan Landskap Dan Kemudahan Taman Di Taman Rekreasi Pantai Serasa Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun.

**No. Projek:**
JASTRE / BTR / T014 / 2025

**Jumlah Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Non Refundable)

---

**JABATAN DAERAH BRUNEI DAN MUARA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran :**
JDBM / T / 04 / 2025
Membaikpulih Jambatan Kayu, Mengganti Penyucuk, Gelagar Dan Lantai Kayu Bertempat Mukim Peramu Dan Mukim Tamoi Negara Brunei Darussalam.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

---

**INSTITUT PERKHIDMATAN AWAM**

**1. Tajuk Sebut Harga:**
IPA / PENT / SVC / 512
Perkhidmatan Pengawalan Keselamatan Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**2. Tajuk Sebut Harga:**
IPA / PENT / SVC / 50
Perkhidmatan Membekal Katering Di Institut Perkhidmatan Awam (IPA) Bagi Tempoh Satu (01) Tahun

**Tarikh Tutup Bagi Sebut Harga:**
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 9.00 Pagi.

**Yuran Sebut Harga:**
BND5.00 (Tidak Dikembalikan)

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM KEMENTERIAN PENGANGKUTAN DAN INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
The Provision Of Six (6) Months Airport Networking System Maintenance And Support Services Contract For Terminal Building At Brunei International Airport
TERMINAL / 2025-2026 / SH-06

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
2 Julai 2025, Rabu.

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
14 Julai 2025, Isnin.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
16 Julai 2025, Rabu.
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dalam**

**Kelas:**
IV & V

**Kategori:**
Terbuka

**Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran pada :**
Sabtu, 5 Julai 2025.

**Tarikh Tutup:**
Selasa, 22 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**Bil. Tawaran:**
KHEDN / LTK / 2025-05

**Tajuk Projek:**
Request For Quotation (RFQ) For Proposed Supply, Installation And Maintenance Of Outdoor Led Screen At Taman Haji Sir Muda Omar 'Ali Saifuddien, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam

**Bilangan Projek:**
KHEDN / BPE / 2105 / 02

**Yuran Tawaran:**
BND500.00 (Tidak Dikembalikan)

---

**KEMENTERIAN PERTAHANAN**

**Rujukan Tawaran:**
MINDEF / DFA / FY2025 / TU / TA / 02
Pembelian Alat-Alat Kelengkapan Bagi Keperluan Pasukan Khas Tentera Udara Diraja Brunei (PASKTU)

**Yuran Tawaran:**
BND50.00 (Tidak dikembalikan)

Tarikh terakhir bagi pembelian Borang Tawaran adalah satu minggu sebelum tarikh tutup tawaran, iaitu **Isnin, 5 Ogos 2025**.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa, 12 Ogos 2025.
2.00 Petang.

---

**JABATAN PERKHIDMATAN ELEKTRIK JABATAN TENAGA JABATAN PERDANA MENTERI**

**Jemputan Untuk Memberi Tawaran Jabatan Perkhidmatan Elektrik Negara Brunei Darussalam**

**Tajuk Tawaran:**
Provision of Manpower for: Discipline Maintenance Specialist for The Department For Electrical Services

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / MMD / 048 / 2025

**Tarikh Tutup:**
22 Julai 2025. (Selasa)

**Harga Tawaran**
**(Tidak dikembalikan) BND500.00**

---

BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH

ڤمبوكاٴن بيليق
رامبوت موليا رسول الله ﷺ

PEMBUKAAN BILIK RAMBUT MULIA
**RASULULLAH ﷺ**

سمڤنا سمبوتن اولڠ تاهون هاري كڤوترأن كباوه دولي يڠ مها مليا
ڤادوك سري بݢندا سلطان دان يڠ دڤرتوان نݢارا بروني دارالسلام ك - ٧٩

SEMPENA SAMBUTAN ULANG TAHUN HARI KEPUTERAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM KE - 79

DIBUKAKAN UNTUK KUNJUNGAN ORANG RAMAI SELAMA
**3 HARI**
**15 - 17 JULAI 2025**

**19 MUHARRAM 1447 | 15 JULAI 2025**
GALERI DIBUKA : 1:30 PETANG HINGGA 5:00 PETANG
KAUNTER TIKET DIBUKA : 1:30 PETANG HINGGA 4:00 PETANG

**20-21 MUHARRAM 1447 | 16-17 JULAI 2025**
GALERI DIBUKA : 9:00 PAGI HINGGA 5:00 PETANG
KAUNTER TIKET DIBUKA : 8:30 PAGI HINGGA 4:00 PETANG

NOTA : TIKET LAWATAN BOLEH DIBELI AWAL, TIDAK MEMPUNYAI TARIKH LUPUT DAN HANYA SAH DIGUNAKAN SEKALI

TEMPAH TIKET AWDA DI SINI

BKISHHB.BN | BALAI KHAZANAH ISLAM SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH | WWW.BKISHHB.GOV.BN | 2220702 EXT 140 | +673 815 3267

**JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 13
Production Of Souvenirs For Exit Passenger Survey And Returning Brunei Survey

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis,
17 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN TANAH KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Bilangan Tawaran:**
06 / 2025-2026

**Tajuk Tawaran:**
Tawaran Khidmat Pengawal Keselamatan Seramai 4 Orang (2 Orang Per Syif) Selama 24 Jam Sehari Untuk Menjaga Bangunan Baru Bekas TELBRU, Jalan Lapangan Terbang Lama, Berakas Bagi Tempoh 1 Tahun

**Tarikh Tutup:**
14 Julai 2025,
Isnin.
Jam 2.00 Petang.

**DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN**

**Nama Dokumen Sebut Harga:**
Pembekalan Buku-Buku Bagi Perkhidmatan Perpustakaan Bergerak Dan Berperahu Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Bilangan Sebut Harga:**
13 / DBP / SH / 2025-2026

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Selasa,
29 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**Pusat Pekerjaan Brunei**

**1. Bilangan Tawaran:**
JPM / PPB / CIU / IT / 24

**Tajuk Tawaran:**
The Supply and Delivery of IT Related Equipment and Accessories Including SODIMM RAM, Tablet Stylus and Tablet Screen Protectors for Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

**2. Bilangan Tawaran:**
JPM / PPB / CIU / IT / 25

**Tajuk Tawaran:**
The Supply and Delivery of Printer Consumables for Pusat Pekerjaan Brunei (PPB)

**Yuran Tawaran:**
BND5.00
(Tidak dikembalikan dan dibayar melalui BIBD Online)

**Tarikh Tutup:**
Rabu,
23 Julai 2025.
2:00 Petang.

**JABATAN BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI**

**Bilangan Tawaran:**
08 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikan Bangunan Gerai Kompleks Sri Selera, Jalan Bunga Kemantin, Seria.

**Bilangan Tawaran:**
09 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Mengecat Bangunan-Bangunan Perniagaan Kerajaan Di Bawah Kawalan Jabatan Bandaran Kuala Belait Dan Seria

**Bilangan Tawaran:**
10 / BBS / SH / 2025-2026

**Keterangan Projek:**
Kerja-Kerja Pembaikkan Elektrik Bangunan Pasarneka Kuala Belait, Jalan Pasarneka Kuala Belait

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Rabu,
16 Julai 2025.
Jam 2.00 Petang.

**MAHKAMAH BESAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**DI DALAM MAHKAMAH TINGGI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM DI BANDAR SERI BEGAWAN**

**KES NO. BCY/CP/146/2020**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang / Pemetisyen

**NOOR ALIMEN BIN HAJI RIAS**
[Kad Pengenalan Brunei No. 01-051827 – BYIC]
… Penghutang / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENGHUKUMAN**

Sila Ambil Perhatian bahawa:

a. Satu Perintah Penghukuman telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Mei 2025.

**Nama dan alamat Bankrap:**
Noor Alimen Bin Haji Rias,
No.15, Simpang 183,
RPN Kampung Meragang,
BT2728,
Negara Brunei Darussalam.

Tarikh Permohonan:
28 Mac 2025

b. Semua Sipiutang-sipiutang kepada Bankrap yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan Borang-Borang Bukti Hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa yang boleh.

c. Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar oleh Bankrap tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh: 26 Mei 2025

**NUR SARIY SYAHMINA BINTI HAJI JAFFRI**
Timbalan Pegawai Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/66/2023**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**NICHOLAS ANAK DAVID**
BYIC No. 30-210594
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 15 Mei 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
NICHOLAS ANAK DAVID
Unit 8, Block EF 32,
Kawasan Perumahan Kerajaan Beribi, Gadong BE1118,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 28 Ogos 2023

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 2 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/66/2023**

**BANK ISLAM BRUNEI DARUSSALAM BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**NICHOLAS ANAK DAVID**
BYIC No. 30-210594
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 15 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 13 Ogos 2025 jam 2.30 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 13 Ogos 2025 jam 2.30 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 2 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/94/2015**

**BIBD AT-TAMWIL BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**HJ AHMAD YAARDY BIN HJ ABD KARIM**
(BYIC NO. 00-250855)
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 10 Oktober 2015 telah dibatalkan pada 17 Mei 2025.

**Nama Penghutang:**
Hj Ahmad Yaardy Bin Hj Abd Karim
Alamat Penghutang: No. 989, Kampung Kilanas, Jalan Tutong Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 4 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/41/2025**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MASNANI BINTI HAJI AHMAD**
BYIC No. 00-298762
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Mei 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
MASNANI BINTI HAJI AHMAD
No. 50, Simpang 48,
Jalan 49, Kampung Perpindahan Lambak Kanan,
Bandar Seri Begawan ,
Brunei Darussalam.
Tarikh Petisyen: 26 April 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 4 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/41/2025**

**BAIDURI FINANCE BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MASNANI BINTI HAJI AHMAD**
BYIC No. 00-298762
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

**>> Muka 24**

**>> Muka 23**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-11), Mahkamah Besar pada 5 Ogos 2025 jam 2.30 petang.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 5 Ogos 2025 jam 2.30 petang di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 4 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/177/2003**

**STANDARD CHARTRED FINANCE (B) BERHAD**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**AMINAH BINTE HASSAN**
(BYIC NO. 00-070584)
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS PEMBATALAN**

Sila ambil perhatian bahawa Perintah Penerimaan yang di buat terhadap Penghutang berikut pada 30 April 2005 telah dibatalkan pada 3 Mei 2025.

**Nama Penghutang:**
Aminah Binte Hassan

**Alamat Penghutang:**
No. 41, Jalan 24, RPN Kampung Rimba Gadong,
Negara Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Jun 2025

**MUHD MUZAKKIR BIN AWG HAJI ZAKARIA**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/31/2025**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**HAJI KIPLI BIN HAJI IBRAHIM**
BYIC NO. 00-126069
… Penghutang Penghakiman /Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 22 Mei 2025.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
HAJI KIPLI BIN HAJI IBRAHIM
No. 73, Simpang 342-22,
STKRJ Kampung Tungku,
Gadong.
Brunei Darussalam

Tarikh Petisyen: 22 Mac 2025

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/31/2025**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**HAJI KIPLI BIN HAJI IBRAHIM**
BYIC NO. 00-126069
… Penghutang Penghakiman / Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 22 Mei 2025.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-7), Mahkamah Besar pada 7 Julai 2025 jam 10.00 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 7 Julai 2025 jam 10.00 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 5 Jun 2025

**NUUROR-RAHEEBAH BINTI HAJI ABD WAHAB**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
b/p Penerima Rasmi
Mahkamah Besar

**KES NO. BCY/CP/149/2015**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang Penghakiman /Pemetisyen

**MUHAMMAD BUDIMAN BIN HITAM / KAMIS**
BYIC No. 00-265340
… Penghutang Penghakiman /Penentang

**NOTIS PERINTAH PENERIMAAN**

Sila ambil perhatian bahawa:

a) Satu Perintah Penerimaan telah dibuat terhadap Penghutang yang berikut pada 27 Oktober 2016.

**Nama dan alamat terakhir diketahui:**
MUHAMMAD BUDIMAN BIN HITAM / KAMIS
No. 590, Kampung Lumapas,
Bandar Seri Begawan BJ3324,
Brunei Darussalam.

Tarikh Petisyen: 28 Julai 2015

b) Semua Sipiutang-sipiutang kepada nama Penghutang yang tersebut di atas hendaklah menghadapkan borang-borang bukti hutang yang boleh diperolehi di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi dengan seberapa boleh.

c) Semua hutang-hutang yang seharusnya dibayar kepada Penghutang tersebut di atas hendaklah dihadapkan kepada Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat Dua, Bangunan Mahkamah Besar, Bandar Seri Begawan, Brunei Darussalam.

Bertarikh: 5 Jun 2025

**KES NO. BCY/CP/149/2015**

**PERBADANAN TABUNG AMANAH ISLAM BRUNEI**
… Pemiutang Penghakiman / Pemetisyen

**MUHAMMAD BUDIMAN BIN HITAM / KAMIS**
BYIC No. 00-265340
… Penghutang Penghakiman /Penentang

**NOTIS KEPADA PEMIUTANG UNTUK PERJUMPAAN PERTAMA**

Di bawah Perintah Penerimaan bertarikh 27 Oktober 2016.

Notis adalah dengan ini diberikan bahawa satu perjumpaan Pemiutang-pemiutang mengenai perkara di atas akan diadakan di Pejabat Pegawai Penerima Rasmi, Tingkat 1, Bilik (L1-10), Mahkamah Besar pada 9 Julai 2025 jam 9.30 pagi.

Bagi membolehkan kamu mengundi disana bukti-bukti kamu mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Proksi-proksi yang akan digunakan diperjumpaan ini mestilah diserah-simpan kepada saya tidak lewat dari 24 jam sebelum waktu yang telah ditetapkan bagi perjumpaan ini.

Pemeriksaan awam bagi penghutang adalah ditetapkan pada 9 Julai 2025 jam 9.30 pagi di Mahkamah Besar.

Mana-mana pihak Pemiutang yang telah menyerahkan bukti, atau wakil-wakilnya yang diberi kuasa secara bertulis, bolehlah menyoal penghutang semasa pemeriksaan awam penghutang, mengenai dengan hal-halnya dan juga sebab kegagalannya.

Bertarikh: 5 Jun 2025

**NURUL HIDAYAH BINTI HAMDAN**
Timbalan Pegawai
Penerima Rasmi
B/P Penerima Rasmi
Mahkamah Besar





| | JAWATAN, TANGGA GAJI DAN BILANGAN IKLAN | URUS SETIA PENGAMBILAN | KEKOSONGAN | JENIS IKLAN | TARIKH TUTUP PERMOHONAN |
|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **PEGAWAI KESIHATAN BERSEKUTU *(PUBLIC HEALTH)*** KEMENTERIAN KESIHATAN M.13-14 EB.15 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/07/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 01 | 7(A) – LUAR BIDANG | 19 JULAI 2025 |
| 2. | **PEGAWAI JURURAWAT TINGKAT KHAS** KEMENTERIAN KESIHATAN M.15 (BAHAGIAN II) 2025/JUN/06/KKS | KEMENTERIAN KESIHATAN | 02 | 38(B) – LUAR BIDANG | 19 JULAI 2025 |
| 3. | **PEGAWAI LUAR** PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA D.1-2-3 EB.4-5 (BAHAGIAN IV) 2025/JUN/05/KHDN | KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI | 02 | 7(A) | 21 JULAI 2025 |
| 4. | **KETUA PEMBERITA** JABATAN RADIO TELEVISYEN BRUNEI C.1-2 EB.3 (BAHAGIAN III) 2025/JUN/09/JPM | JABATAN PERDANA MENTERI | 02 | 7(A) | 21 JULAI 2025 |

PERINGATAN:
1. BAGI MELIHAT IKLAN JAWATAN KOSONG, SILA DAFTAR MASUK KE PROFIL PSCR 2.0, KLIK "DASHBOARD SAYA" DAN KEMUDIAN KLIK "IKLAN JAWATAN KOSONG".
2. PEMOHON YANG BUKAN TERDIRI DARI PEGAWAI DAN KAKITANGAN KERAJAAN HANYA BOLEH MELIHAT JAWATAN YANG DIIKLANKAN DIBAWAH PERATURAN 7(A) SAHAJA.
3. PANDUAN PSCR 2.0 DAN SOALAN-SOALAN LAZIM BOLEH DIPEROLEHI DI WWW.RECRUITMENT.GOV.BN



# PUPUK BUDAYA MEMBACA DALAM KALANGAN PELAJAR







**MINI Book Fair ini bertujuan untuk memupuk minat para ibu bapa dan penjaga murid untuk membeli buku-buku sebagai bahan bacaan dan juga menggalakkan anak-anak mereka minat membaca (atas, atas kanan dan bawah kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10, Julai. - Dalam meningkatkan dan memupuk kesedaran membaca dalam kalangan murid-murid sekolah, Sekolah Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei (PGGMB) Kampung Sungai Akar telah mengadakan Mini Book Fair 2025 yang dikendalikan oleh The Hidden Warehouse bermula 9 hingga 12 Julai 2025 bertempat di dewan sekolah berkenaan.

Mini Book Fair ini bertujuan untuk memupuk minat para ibu bapa dan penjaga murid untuk membeli buku-buku sebagai bahan bacaan dan juga menggalakkan anak-anak mereka minat membaca.

Selain itu, ia juga bertujuan untuk mengumpul dana sekolah untuk membeli peralatan bantuan mengajar dan menambah koleksi buku-buku bacaan di Bilik Sumber sekolah.

Sambutan daripada guru-guru, murid-murid sekolah serta ibu bapa dan penjaga murid adalah sangat menggalakkan.

Di samping Mini Book Fair, turut diselajurkan Kempen Derma Darah yang diadakan hari ini dan dikendalikan oleh Pusat Pendermaan Darah, Kementerian Kesihatan.

Pada 12 Julai nanti, Parents Teachers Meeting (PTM) akan diadakan bagi membincangkan kemajuan dan pencapaian anak-anak mereka di sekolah ini.

Pihak sekolah juga menjemput beberapa peniaga yang menjual minuman dan makanan.

Turut hadir memeriahkan Mini Book Fair ini ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri; Guru Besar Sekolah PGGMB Kampung Sungai Akar, Dayang Maswati Airin Patrah binti Ahmad serta guru-guru, murid-murid dan ibu bapa dan penjaga murid sekolah.

Tidak ketinggalan juga kunjungan guru-guru dan murid-murid dari Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Lambak yang hadir bagi sama-sama memeriahkan lagi Mini Book Fair 2025 ini.

# Sekolah Ugama Kasat adakan Majlis Khatam Al-Quran



**ANTARA yang hadir pada majlis berkenaan (atas), sementara gambar kanan dan bawah, seramai 10 orang murid Darjah VI Sekolah Ugama Kasat yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran.**





**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Jabatan Pengajian Islam**

**KASAT**, Khamis, 10 Julai. - Seramai 10 orang murid Darjah VI Sekolah Ugama Kasat yang berjaya menamatkan bacaan 30 Juzuk Al-Quran diraikan dalam Majlis Khatam Al-Quran yang diadakan pada petang tadi bertempat di sekolah berkenaan.

Hadir selaku tetamu khas majlis ialah Ketua Kampung Kasat, Awang Haji E'rifin bin Haji Mohd. Yusof, yang juga memulakan majlis dengan memimpin bacaan Surah Al-Fatihah secara beramai-ramai.

Sejurus itu, diikuti dengan bacaan surah-surah lazim oleh para peserta khatam dan diteruskan dengan bacaan Takhtim. Manakala Doa Khatam dibacakan oleh Awang Muhammad Isyraf bin Azza Azwan Ezwandy.

Seterusnya penyampaian sijil kepada para peserta khatam disempurnakan oleh tetamu khas majlis, yang turut diiringi oleh Persembahan Dikir.

Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Imam Masjid Kampung Kasat, Pengiran Mohd. Amiruddin bin Pengiran Haji Tejudin.

Majlis-majlis Khatam Al-Quran anjuran sekolah-sekolah ugama di negara ini bertujuan untuk merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan generasi celik Al-Quran di samping menjadikan pembacaan Al-Quran sebagai amalan hidup beragama.

Selain itu, ia juga merupakan usaha murni Jabatan Pengajian Islam dalam memperkukuh syiar Islam di negara ini.

# MENINGKATKAN KUALITI PERKHIDMATAN PELANGGAN DENGAN MENERAPKAN NILAI ISLAM

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Kemajuan Pelancongan**



**SEKITAR Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan (kiri dan bawah).**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Kemajuan Pelancongan, dengan kerjasama SEAMEO Regional Centre for Vocational and Technical Education and Training (SEAMEO VOCTECH) telah mengadakan program latihan iaitu Latihan Kecemerlangan Perkhidmatan Pelanggan bagi Industri Hospitaliti dan Pelancongan selama tiga hari bermula pada 8 Julai hingga 10 Julai 2025 yang disertai oleh 15 petugas barisan hadapan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Latihan tersebut merupakan salah satu inisiatif Jabatan Kemajuan Pelancongan ke arah meningkatkan kualiti pemberian perkhidmatan pelanggan dengan menerapkan nilai-nilai Islam dan sekali gus mempromosi pelancongan Islam sebagai salah satu *unique selling point* bagi membezakan industri pelancongan Negara Brunei Darussalam (NBD) daripada destinasi lain di rantau ini.

Kempen 'MESRA' yang membawa maksud 'Muhibah', 'Etika', 'Senyum'. 'Ramah' dan 'Adil' juga telah dilancarkan pada 2022 bagi mempromosi dan memastikan penerapan nilai-nilai Islam dalam perkhidmatan pelanggan dalam kalangan petugas barisan hadapan selaras dengan falsafah Melayu Islam Beraja (MIB).

Melalui latihan tersebut, ia dihasrat akan dapat membantu menyediakan para peserta dalam meneroka asas-asas perkhidmatan pelanggan dalam konteks perkhidmatan mengikut prinsip dan garis panduan Islam, serta mengembangkan, mengusahakan dan memperkukuh para peserta dari segi kemahiran, pengetahuan dan sikap *service-delivery-oriented skills*.

Latihan tersebut adalah penting bagi memastikan barisan hadapan yang terdiri daripada industri pelancongan mempunyai kemahiran dan pengetahuan dalam mengendalikan para pelancong menggunakan garis panduan Islam serta menyerapkan sifat-sifat kebruneian yang ramah dan bersopan santun.

Jabatan Kemajuan Pelancongan komited untuk meningkatkan kualiti profesional perkhidmatan hospitaliti dan pelancongan di NBD dalam memastikan barisan hadapan sentiasa memberikan kualiti perkhidmatan yang cemerlang dan pengalaman yang luar biasa kepada semua pengunjung.



# PUISI

## Di Ambang Hijrah

Dalam meniti waktu,
Masa demi masa
Langkah demi langkah
Waktu begitu singkat dalam hidup ini
Perjalanan bagaikan onak duri
Perlu dihadapi dengan sabar dan kewarasan

Kehidupan membawa erti kenyataan
Kenyataan yang perlu disedari
Kenyataan yang perlu diakui
Kenyataan yang perlu diterima diri ini

Hijrah,
Hijrah adalah peralihan zahir dan batin
Hijrah bukan sahaja dilihat pada waktunya
Namun, hijrah juga mengubah diri
Menjadi yang lebih baik daripada sebelumnya

Hijrah kali ini,
Perlunya berdiri tegak
Melangkah dengan gigih
Berjalan sambil berfikir dengan bijak
Yang ditanai adalah azam
Yang ditunai adalah nazar
Yang digapai adalah hasrat
Itulah hijrah yang dikehendaki

Di ambang hijrah,
Susulan perlu disemak
Yang pincang perlu dituntun
Yang patah perlu dipapah
Yang bengkok perlu diluruskan
Melangkah dengan harapan
Jiwa dan raga sentiasa taat kepada-Nya
Inilah erti penghijrahan yang sebenar
Menghadapkan diri pada yang Esa.

**MAKMA**




# EOP memupuk bakat tempatan dalam sektor petrokimia

**Siaran Akhbar dan Foto : Hengyi Industries Sdn. Bhd.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Hengyi Industries Sdn. Bhd. (Hengyi Industries) mengungkayahkan Program Jangkauan Pendidikan (Educational Outreach Programme-EOP) yang melibatkan lebih 800 pelajar daripada tiga sekolah menengah tempatan sepanjang Jun dan Julai 2025 sebagai sebahagian daripada komitmen berterusannya untuk memupuk bakat tempatan generasi akan datang di Negara Brunei Darussalam (NBD).

Program tersebut dimulakan di Sekolah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah pada 3 Jun 2025, diikuti dengan lawatan ke Sekolah Menengah Pengiran Isteri Hajjah Mariam (SMPIHM) pada 4 Jun 2025 dan berakhir di Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan pada 7 Julai 2025.

Sebagai sebahagian daripada program tersebut, Hengyi Industries menyampaikan pembentangan menyeluruh yang memperkenalkan pelajar kepada Kumpulan Hengyi dan Hengyi Industries, termasuk gambaran keseluruhan operasinya dan transformasi Pulau Muara Besar, kepada kompleks petrokimia hari ini.

Pembentangan itu juga menyerlahkan peristiwa penting Projek Fasa I, pelbagai jenis produk penapisan yang dihasilkan serta inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) syarikat, serta komitmen Hengyi Industries terhadap pemantauan dan perlindungan alam sekitar untuk memastikan operasi yang mampan dan bertanggungjawab.

Kemuncak pembentangan ialah Program Biasiswa dan Kolaborasi yang ditubuhkan dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam (UBD), Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), dan Politeknik Brunei.

Biasiswa tersebut menawarkan peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan, untuk kerjaya dalam industri petrokimia melalui pelbagai kursus, yang juga termasuk peluang yang dibiayai sepenuhnya untuk belajar di luar negara di institusi berprestij di Republik Rakyat China seperti Zhejiang University dan Lanzhou Petrochemical Polytechnic. Setelah berjaya menamatkan pengajian mereka, graduan ditawarkan peluang pekerjaan dengan Hengyi Industries.

Selepas pembentangan, para pelajar berpeluang bertanya soalan dan melibatkan diri dengan wakil Hengyi Industries dalam sesi soal jawab untuk mengetahui lebih lanjut tentang syarikat, operasinya dan laluan biasiswa.

Sebagai sebahagian daripada Inisiatif Sedia Masa Depan Hengyi, program EOP mencerminkan komitmen syarikat untuk memberi inspirasi kepada pelajar bagi mempertimbangkan kerjaya dalam sektor petrokimia dan menggalakkan mereka untuk mengejar kecemerlangan teknikal dan akademik, mencerminkan visi syarikat, 'Kecemerlangan Dalam Membangunkan Petrokimia Melalui Inovasi dan Kelestarian Perniagaan'.



**SUASANA Program Jangkauan Pendidikan (Educational Outreach Programme-EOP).**



# 'Ulil Amri' dikasihi, pembawa negara berkat

Oleh : Ak. Jefferi Pg. Durahman
Foto : Jabatan Penerangan

**Brunei Darussalam : Negara berdaulat berlandaskan Melayu Islam Beraja menuju Wawasan Brunei 2035**

**NEGARA** Brunei Darussalam (NBD) adalah sebuah negara yang dianugerahkan keunikan dan keberuntungan, di mana sistem pemerintahan beraja berlandaskan nilai-nilai luhur Islam dan prinsip Melayu Islam Beraja (MIB) menjadi teras pentadbiran negara dan kerajaan. Sistem ini dengan teguh berpegang kepada Maqasid Syariah dan turut melaksanakan perundangan sivil, sekali gus menzahirkan kebijaksanaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam tadbir urus negara yang berlandaskan adat, tatasusila, undang-undang serta nilai-nilai suci agama Islam.

Islam menjunjung tinggi institusi kepimpinan yang adil dan berintegriti, apatah lagi kepimpinan yang bersifat rahmah terhadap seluruh umat Islam. Sejarah Islam telah membuktikan kepimpinan Khalifah Umar bin Abdul Aziz yang mentadbir rakyatnya dengan penuh kasih sayang dan keadilan. Bahkan, Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah menunjukkan teladan kepimpinan terbaik yang menjadi panduan utama. Demikian jugalah amanah yang digalas oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bukan sekadar lambang kedaulatan tetapi baginda merupakan pemelihara agama, penyatu bangsa, dengan mengukuhkan keselamatan dan keharmonian negara bagi kesejahteraan rakyat jelata. Peranan baginda raja berdiri atas konsep 'Ulil Amri' (pemimpin) yang wajib ditaati selagi tidak bertentangan dengan perintah syarak.

**Hubungan raja dan rakyat tiada tembok pemisah : Ikatan harmoni berlandaskan Islam**

Hubungan antara rakyat dan raja di NBD diikat dengan rasa hormat, taat, dan doa, mencerminkan kesepaduan yang kukuh. Rakyat wajib menumpahkan taat setia kepada raja dan negara. Kesetiaan kepada raja bukan sekadar budaya tetapi juga tuntutan agama sebagaimana yang dinyatakan melalui firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah An-Nisaa', ayat 59 : "*Wahai orang-orang yang beriman! Taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada Ulil Amri (orang-orang yang berkuasa) daripada kalangan kamu*". Kewajipan saling mendoakan antara raja (pemimpin) dan rakyat adalah salah satu prinsip penting dalam Islam yang menekankan hubungan saling kebergantungan sosial, harmoni dan saling menghormati demi kebaikan dan kesejahteraan bersama. Hubungan ini terbina atas dasar kasih sayang, keadilan, dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala.

Mendoakan kesejahteraan pemerintah juga merupakan suatu tuntutan agama. Dalam satu hadis riwayat Imam Muslim, diriwayatkan daripada 'Auf bin Malik Radhiallahu'anhu bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda : "*Sebaik-baik pemimpin kamu ialah mereka yang kamu cintai dan mereka mencintai kamu. Kamu mendoakan kebaikan untuk mereka dan mereka mendoakan kebaikan untuk kamu*". Hubungan saling mendoakan ini mencerminkan ikatan yang erat antara pemimpin dan rakyat, selaras dengan konsep 'Ukhuwah Islamiah' yang menekankan kasih sayang dan kerjasama dalam masyarakat Islam. Inilah model ideal hubungan antara pemerintah dan rakyat serta masyarakat yang bermastautin di NBD, iaitu saling menyayangi dan saling mendoakan kebaikan dan kebajikan antara satu sama lain.

**Menuju Wawasan Brunei 2035 : Kesejahteraan dan kemakmuran bersama**

Sebagai rakyat dan penduduk yang mengutamakan keharmonian dan kesejahteraan, adalah menjadi kewajipan kita untuk menumpahkan sepenuh taat setia kepada kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia bagi memastikan segala agenda pentadbiran, pembangunan dan kemakmuran negara dapat dicapai. Pastinya kita selaku rakyat dan penduduk ingin melihat NBD terus berkembang pesat dalam keadaan seluruh rakyat hidup bahagia dan harmoni, bersatu padu di bawah naungan payung keberkatan.

Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab kita bersama untuk memelihara keamanan, keharmonian dan perpaduan yang telah lama terbina, serta menolak sebarang anasir dan usaha negatif yang berhasrat merosakkan keharmonian ini. Semoga di bawah pemerintahan baginda, nilai-nilai teras MIB - iaitu kepercayaan kepada Allah, kesetiaan kepada raja dan negara, kedaulatan undang-undang, serta kesantunan dan kesusilaan - akan terus kukuh dalam sanubari setiap rakyat jelata, membawa negara menuju Wawasan Brunei 2035 bagi kesejahteraan rakyat, kemakmuran negara, dan keharmonian berpanjangan.

Di akhir kalam, marilah kita selaku rakyat dan penduduk di negara ini sama-sama mendoakan kesihatan, kesejahteraan, perlindungan, dan inayah Kehadapan Majlis Kebawah DYMM, agar baginda dapat menjalankan amanah dengan sempurna. Amanah yang dipikul bukanlah suatu perkara yang ringan, bahkan ia menjadi pertanggungjawaban di akhirat kelak. Dan kita sebagai rakyat dan penduduk juga di akhirat nanti pasti akan dipersoalkan tentang tanggungjawab sebagai rakyat.

Dirgahayu Kebawah Duli Tuan Patik.







# Meninjau lebih dekat prasarana Press Centre, Kesatuan Eropah

**Rencana dan Foto : Pg. Arsul Pg. Haji Abdul Momin, Muhammad Zulkamal Awang Haji Kamis**

**TERLETAK** di bangunan Justus Lipsius, The Council of the European Union and The General Secretariat of the Council di Brussel, Pusat Akhbar (Press Centre) berperanan penting bagi menganjurkan taklimat akhbar, sidang akhbar dan menyediakan kemudahan kerja untuk wartawan.

Sejak tahun 1995, bangunan Justus Lipsius telah menjadi ibu pejabat utama The Council of The European Union dan The General Secretariat of the Council. Mulai tahun 2002, bangunan ini juga mula menjadi tuan rumah Mesyuarat European Council.

Di sinilah para pemimpin daripada 27 negara ahli yang mewakili 450 juta warganegara dengan 24 bahasa rasmi bertemu dan di sebalik tabir terdapat ratusan petugas majlis di sepanjang masa untuk memastikan semuanya berjalan lancar.

Melalui Program Brunei Darussalam Journalists' Visit to Brussels, para jurnalis dapat menyaksikan dengan lebih dekat akan prasarana di mana hanya wartawan dan jurnalis yang mempunyai akreditasi media boleh masuk ke zon Pusat Akhbar ini dan terbuka kepada individu seperti delegasi dari negara anggota dan negara calon, para profesional, diplomat, dan pelawat dalam keadaan tertentu bergantung pada acara.

Setiap pelawat akan melalui pemeriksaan sebelum masuk ke The Council of the European Union and The General Secretariat of the Council, Justus Lipsius Building dan membuat pendaftaran akreditasi di Kaunter Pusat Akhbar atau membuat pendaftaran lebih awal secara dalam talian.

Pusat Akhbar berkenaan dibuka setiap hari bekerja dari pukul 7.30 pagi sehingga 7.00 malam dan dilanjutkan waktu pembukaan sekiranya Majlis Mesyuarat dan acara lainnya masih berlangsung.

**Kemudahan media**

Kemudahan yang tersedia dan boleh digunakan oleh wartawan di pusat tersebut seperti studio televisyen, *booth* penyunting, ruang kerja dengan internet jalur lebar, WiFi, telefon, mesin fotokopi, televisyen litar tertutup dan loker. Bagaimanapun, wakil media dinasihatkan membawa komputer sendiri kerana tidak ada komputer disediakan untuk kegunaan awam.

Kemudahan tambahan ruang kerja ini juga turut disediakan termasuk di halaman (*atrium*) untuk Majlis Mesyuarat Eropah yang mampu menampung lebih 1,000 orang dalam sekali masa. Bangunan ini juga turut menyediakan bilik sidang akhbar yang dikhaskan mengikut negara masing-masing.

Selain menyediakan suasana ruang kerja media yang kondusif, kemudahan restoran dan ruang makan bagi para petugas dan pelawat yang berkunjung, pusat ini juga memberikan perkhidmatan lain seperti foto dan video, *live stream* dan TV juga studio radio dengan menggunakan bantuan teknikal secara percuma bagi memenuhi keperluan wartawan dalam membuat liputan.

**Reka bentuk mesra alam**

Gabungan struktur lama dan baharu dengan seni bina dan reka bentuk mesra alam setentunya memberikan sinergi kepada wartawan yang bertugas dalam memberikan liputan dan perkembangan semasa sama ada di peringkat The European Council mahupun The Council of The European Union berlangsung.

Antara tahun 2001 dan 2006, bangunan Justus Lipsius telah menjalani pengubahsuaian bagi membolehkan ia digunakan sementara untuk mesyuarat European Council, menyambut delegasi dari negara anggota baharu, serta wakil media yang menghadiri mesyuarat tersebut.

Selain itu, bangunan ini juga menekankan aspek lestari di mana bangunan Justus Lipsius sentiasa diubah suai bagi meningkatkan kecekapan tenaga dan perlindungan alam sekitar. Pada tahun 2006, panel solar pertama telah dipasang di bumbung bangunan, dan ia menjana kira-kira 95,000 kWh setahun.

Sejak tahun 2011, sistem kogenerasi telah digunakan untuk menambah baik prestasi tenaga, iaitu dengan menghasilkan elektrik menggunakan haba buangan dan sisa dapur organik dihantar ke pusat pemprosesan khas untuk menghasilkan biogas, atau digunakan sebagai makanan haiwan atau kompos.



# 10 INDIVIDU DITAHAN, DISYAKI TERLIBAT AKTIVITI 'KELDAI DUIT'

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Bahagian Siasatan Jenayah Siber (BSJS), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) telah menahan 10 individu yang disyaki terlibat dalam aktiviti 'Keldai Duit', iaitu membantu aktiviti penipuan dengan sengaja mendedahkan kata laluan atau kod akses akaun bank mereka untuk mendapatkan keuntungan kewangan.

'Keldai Akaun' atau 'Keldai Wang' biasanya merujuk kepada individu yang menyerahkan akaun bank mereka kepada penjenayah yang menggunakan akaun tersebut untuk menerima atau memindahkan wang yang berkaitan dengan aktiviti penipuan.

Hasil siasatan BSJS mendapati bahawa kebanyakan keldai akaun tersebut adalah penganggur dan mengambil peluang berkenaan sebagai cara untuk menjana pendapatan, dengan memperoleh keuntungan kewangan antara BND50 hingga BND100 setiap minggu. Sesetengah suspek turut terlibat dalam membantu mendapatkan akses tanpa kebenaran kepada bahan komputer.

Suspek yang berumur antara 23 hingga 48 tahun disiasat di bawah Seksyen 8 Akta Penyalahgunaan Komputer, Bab 194, kerana memberi akses akaun kepada orang lain untuk tujuan pemindahan wang hasil penipuan untuk mendapat keuntungan.

Jika didapati bersalah, mereka boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga tahun atau denda tidak melebihi BND10,000 atau kedua-duanya sekali.

PPDB menasihatkan orang ramai agar lebih berwaspada dan mengelakkan diri daripada menjadi rakan subahat dalam jenayah seperti berkenaan, antaranya dengan tidak mendedahkan kod akses akaun bank atau talian telefon mereka serta tidak membenarkan akaun bank mereka digunakan untuk menerima dan memindahkan wang bagi pihak orang lain.

PPDB tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan terhadap individu yang terlibat dalam penipuan, dan pelaku akan diambil tindakan mengikut undang-undang.

PPDB komited untuk membanteras kes-kes penipuan dan menggalakkan orang ramai untuk menyebarkan kesedaran dalam kalangan ahli keluarga dan rakan-rakan bagi mencegah kejadian kes seumpama tersebut.



**SERAMAI 10 individu yang disyaki terlibat dalam aktiviti 'Keldai Duit', iaitu membantu aktiviti penipuan dengan sengaja mendedahkan kata laluan atau kod akses akaun bank mereka untuk mendapatkan keuntungan kewangan.**

# Operasi Sepadu mencegah kegiatan jenayah



**PASUKAN Polis Diraja Brunei melalui Daerah Polis Brunei Muara semasa menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang Negara Brunei Darussalam.**

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Khamis, 10 Julai. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Daerah Polis Brunei Muara telah menjalankan Operasi Sepadu bersama agensi-agensi penguat kuasa undang-undang Negara Brunei Darussalam.

Operasi bermula sekitar jam 11.00 malam dan diketuai oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei Muara, Supt. Haji Mohd. Shaker bin Haji Nayan bersama 171 pegawai dan anggota dari Daerah Polis Brunei Muara, Unit Siasatan Pemerdagangan Manusia (USPM), Jabatan Siasatan Jenayah (JSJ), Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan (JIPK), Biro Kawalan Narkotik (BKN), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Jabatan Keselamatan Dalam Negeri (JKDN), Jabatan Buruh, Jabatan Perkhidmatan Elektrik (JPE) dan Jabatan Bandaran.

Operasi ini dijalankan sebagai sebahagian daripada inisiatif keselamatan sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-79, bertujuan untuk mengesan serta mencegah sebarang kegiatan jenayah yang boleh menjejaskan kelancaran acara tersebut.

Dua buah lokasi telah menjadi sasaran operasi iaitu beberapa bangunan di Jalan Sultan Omar 'Ali Saifuddien dan Jalan Tasik, Bandar Seri Begawan.

Hasil daripada operasi tersebut, BKN telah menahan empat orang lelaki disyaki memakan dadah terkawal di bawah Seksyen 6(b) dan Seksyen 7 Akta Penyalahgunaan Dadah Penggal 27.

Sementara itu, JKED menahan empat individu iaitu tiga lelaki dan seorang perempuan atas kesalahan memiliki rokok tanpa kelulusan di bawah Seksyen 146(1)(d), Perintah Eksais 2006.

Jabatan Buruh juga telah mengesan beberapa pelanggaran di bawah Akta Perintah Pekerjaan 2009 termasuk gagal memberikan cuti tahunan dan cuti sakit yang disahkan doktor; pemotongan gaji tanpa kebenaran; kegagalan mengisytiharkan tempat tinggal pekerja; perumahan yang tidak bersih; dan gagal menyediakan tiket pulang untuk pekerja ke negara asal.

Semasa operasi itu juga, JPE mengesan satu kesalahan di bawah Akta Elektrik, di mana satu unit kediaman didapati menyalurkan bekalan elektrik menggunakan sambungan mudah alih (*extension wire*) ke unit kediaman lain.

Jabatan Bandaran juga menemui seorang penghuni rumah sewa disyaki melakukan kesalahan di bawah Bab 12(1)(d) dan 12(1)(f)(ii), Akta Kesalahan-Kesalahan Rampaian, Penggal 30, dan sebuah kenderaan didapati terbiar dan disiasat di bawah Bab 12(1)(f)(i) akta yang sama.

PPDB bersama agensi-agensi penguatkuasa undang-undang akan terus melaksanakan operasi, risikan dan pemantauan secara berterusan bukan sahaja di Daerah Brunei Muara, malah di seluruh Negara Brunei Darussalam bagi membanteras jenayah serta menjamin keselamatan dan ketenteraman awam.

## DARI MAHKAMAH

# Padah miliki rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran

Oleh : Rohani Haji Abdul Hamid

**BELAIT**, Khamis, 10 Julai. - Mahkamah Majistret Kuala Belait hari ini, menjatuhkan hukuman denda sebanyak BND16,510 atau 13 bulan pemenjaraan jika gagal membayar denda berkenaan terhadap seorang lelaki warganegara Republik Indonesia.

Majistret, Syaffina binti Shahif memutuskan hukuman terbabit selepas Aji Julhakim (defendan), 38 tahun mengaku bersalah atas satu pertuduhan.

Mengikut pertuduhan, defendan didakwa atas kesalahan memiliki 16 karton, lima paket dan satu batang rokok pelbagai jenis tanpa kebenaran yang sah.

Defendan ditangkap oleh pegawai-pegawai pencegah kastam, Unit Operasi (Cawangan Kuala Belait), Bahagian Komersial dan Penguatkuasaan Undang-undang.

Defendan ditahan oleh Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, bersama agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang dalam Operasi Sepadu yang diketuai oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan di rumah pekerja, Jalan Aribang, Kampung Tunggulian, Kuala Belait pada 8 Julai 2025, jam 1.03 pagi.

Semua barang yang terlibat, iaitu rokok dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tujuan pelupusan. Manakala, kesemua wang tunai yang terlibat berjumlah BND224 dihukum rampas untuk diserahkan kepada pihak kerajaan bagi tindakan selanjutnya.

# Bantu kesan pekerja lari

Siaran Akhbar dan Foto : Pasukan Polis Diraja Brunei

**TUTONG**, Khamis, 10 Julai. - Pihak Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) melalui Balai Polis Tutong ingin memohon kerjasama dan bantuan orang ramai untuk mengesan seorang pekerja lelaki warganegara Republik Indonesia yang dipercayai lari daripada majikan.

Pekerja tersebut ialah Rokani bin Muksir, berusia 46 tahun, dengan nombor Kad Pengenalan 51-314865 (Hijau).

Jika terdapat sebarang maklumat mengenai beliau, sila hubungi Balai Polis Tutong menerusi talian +673 4222580 atau Talian Kecemasan Polis 993 atau terus melaporkan ke balai-balai polis berdekatan.



**ROKANI bin Muksir dipercayai lari daripada majikan.**

PELITA BRUNEI

BERITA GLOBAL

# LESOTHO ISYTIHAR KEADAAN BENCANA AKIBAT KADAR PENGANGGURAN MENINGKAT SUSULAN TARIF AS

**CAPE TOWN/ISTANBUL**, 10 Julai. - Lesotho mengisytiharkan keadaan bencana selama dua tahun susulan kadar pengangguran yang tinggi selepas Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump pada April lepas mengenakan tarif 50 peratus ke atas import dari negara Afrika itu.

Menurut Anadolu Ajansi (AA), Timbalan Perdana Menteri Nthomeng Majara membuat pengumuman itu selepas kadar pengangguran negara berkenaan mencecah 30 peratus dan kehilangan pekerjaan secara besar-besaran berlaku.

Majara berkata keadaan bencana yang membolehkan semua langkah perlu diambil bagi mengurangkan kesan pengangguran itu akan berkuat kuasa sehingga 30 Jun 2027.

Menurut data rasmi, kadar pengangguran belia di Lesotho yang mempunyai populasi kira-kira 2.3 juta orang telah mencecah hampir 50 peratus.

Dalam kenyataannya pada Mac lepas mengenai pendedahan bantuan asing yang dibiayai oleh Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID), Trump menyifatkan Lesothoyang menerima bantuan berjumlah US$8 juta, sebagai 'negara yang tidak pernah didengari oleh sesiapa pun'.

Bagaimanapun, kadar tarif 50 peratus yang dikenakan ke atas Lesotho, yang merupakan sebahagian daripada apa yang disifatkan Trump sebagai 'tarif timbal balik' yang dikenakan pada April ke atas import dari puluhan negara lain, menjadikannya negara yang dikenakan tarif tertinggi oleh AS.

Walaupun pengenaan tarif itu kemudiannya dihentikan, ia telah memberi kesan buruk kepada ekonomi Lesotho yang menjadikan AS sebagai rakan dagang eksport kedua terbesar negara itu, melalui kehilangan pekerjaan.

Menurut Observatory of Economic Complexity (OEC), sebuah platform data ekonomi, Lesotho telah mengeksport barangan bernilai US$228 juta ke Amerika Syarikat pada 2023, manakala import dari negara itu kekal di bawah US$8 juta.

Eksport Lesotho ke Amerika Syarikat menyumbang lebih 10 peratus daripada KDNK negara itu.

Sektor tekstil Lesotho, yang menjadi asas eksport negara itu ke Amerika Syarikat, menggaji kira-kira 40,000 orang. - ©BERNAMA

# AS catat lebih 1,200 kes campak, paras tertinggi dalam 30 tahun

**LOS ANGELES**, 10 Julai. - Jumlah kes campak di Amerika Syarikat (AS) mencatatkan paras tertinggi dalam tempoh lebih 30 tahun, menurut data yang dikeluarkan pada Rabu oleh Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) AS.

Sebanyak 1,288 kes campak disahkan di seluruh negara setakat ini pada 2025, dengan 13 peratus daripada pesakit dimasukkan ke hospital, menjadikannya tahun terburuk sejak 1992, yang merekodkan 2,126 kes.

Kes-kes itu dilaporkan di 38 negeri di seluruh AS, dengan Texas mencatatkan jumlah tertinggi iaitu sebanyak 753 kes.

CDC turut memaklumkan bahawa 92 peratus daripada kes melibatkan individu yang tidak menerima vaksin atau tidak diketahui status vaksinasinya.

Penularan tempatan campak disahkan berakhir di AS pada 2000, dengan tiada lagi penularan dalam negara dan kes-kes baharu hanya dikesan apabila seseorang dijangkiti di luar negara dan kembali ke AS, menurut CDC di laman sesawangnya.

Sebelum vaksin campak diperkenalkan, dianggarkan kira-kira 48,000 orang dimasukkan ke hospital, manakala 400 hingga 500 kematian dicatatkan setiap tahun akibat jangkitan itu di AS. - ©BERNAMA

# Lapangan Terbang Marseille ditutup, semua penerbangan digantung ekoran kebakaran hutan

**PARIS**, 9 Julai. - Kebakaran hutan yang merebak dengan pantas akibat dibadai angin sekencang 70 kilometer sejam memaksa Lapangan Terbang Marseille Provence di selatan Perancis ditutup dan semua penerbangan digantung, menurut pihak berkuasa tempatan pada Selasa, lapor Xinhua.

Menurut perkhidmatan bomba, kebakaran bermula berhampiran kawasan Les Pennes Mirabeau, di utara Marseille dan kini menjejaskan kira-kira 30 hektar tanah. Seramai 168 anggota bomba, bersama 68 jentera bomba dan dua helikopter, dikerahkan untuk mengawal kebakaran.

Pihak berkuasa wilayah Provence-Alpes-Cote d'Azur mengeluarkan arahan keselamatan kecemasan di platform media sosial X (Twitter), menggesa penduduk untukkekal berada di dalam rumah, menutup tingkap dan pintu, memastikan laluan kecemasan tidak dihalang dan mengelakkan perjalanan yang tidak perlu di kawasan terjejas.

Operasi penerbangan di Lapangan Terbang Marseille digantung sekitar tengah hari dan banyak penerbangan dialihkan ke lapangan terbang lain di rantau itu. Setakat ini, tiada garis masa diberikan untuk pembukaan semula lapangan terbang itu.

Sementara itu, di kawasan berhampiran Narbonne di barat daya Perancis, satu lagi kebakaran besar memusnahkan sekitar 2,000 hektar tanah sejak Isnin. - ©BERNAMA

# Indonesia, PNG perkukuh hubungan pertahanan, pengurusan sempadan

**JAKARTA**, 9 Julai. - Indonesia dan Papua New Guinea (PNG) memperbaharui komitmen untuk memperkukuh hubungan pertahanan berkecuali serta bersetuju untuk mempercepat pelaksanaan perjanjian pertahanan yang telah ditandatangani sebelum ini melalui penubuhan kumpulan kerja bersama.

Komitmen yang diperbaharui itu digariskan semasa mesyuarat dua hala antara Menteri Pertahanan Indonesia Sjafrie Sjamsoeddin dan rakan sejawatannya dari PNG Dr Billy Joseph di Port Moresby pada Isnin.

Kedua-dua pihak berikrar untuk memperkukuh kerjasama dalam latihan dan pendidikan ketenteraan, meningkatkan penyelarasan operasi di sepanjang sempadan serta meneroka usaha bersama dalam penyelenggaraan pesawat tentera bagi menyokong kesiapsiagaan operasi.

"Komitmen kami berlandaskan sikap saling menghormati dan perpaduan rentas sempadan," kata Sjafrie dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Pertahanan.

Dalam perbincangan itu, PNG mencadangkan kelas bahasa Indonesia untuk anggota tentera yang disambut baik oleh Indonesia bagi meningkatkan komunikasi dan saling kebolehoperasian.

Kedua-dua menteri turut menyokong rancangan untuk membuka laluan udara terus antara Port Moresby dan Merauke di timur Indonesia serta mengakui keselamatan makanan sebagai isu strategik yang memerlukan perhatian bersama.

Sjamsoeddin turut menyampaikan hasrat Jakarta untuk mengatur lawatan rasmi Presiden Prabowo Subianto ke PNG pada September tahun ini sebagai manifestasi komitmen tinggi Indonesia dalam memperkukuh hubungan dua hala. - ©BERNAMA

# Indonesia gagalkan perdagangan haram secara dalam talian serangga jarang ditemui

**JAKARTA**, 10 Julai. - Pegawai Kementerian Perhutanan Indonesia menggagalkan operasi perdagangan haram melibatkan ratusan serangga jarang ditemui yang hampir pupus, kata Ketua Agensi Penguatkuasaan Undang-Undang Perhutanan Wilayah Maluku dan Papua, Fredrik E. Tumbel, pada Rabu, lapor Xinhua.

Tumbel berkata kes itu terbongkar hasil rondaan siber yang dijalankan oleh unit perisikan agensi berkenaan pada awal Jun, yang mengenal pasti satu akaun dalam talian memuat naik gambar pelbagai spesimen rama-rama dan kumbang yang dilindungi.

Dengan kerjasama Agensi Pemuliharaan Sumber Alam Papua Barat Daya, pihak berkuasa telah menahan seorang suspek dan merampas pelbagai spesimen serangga dilindungi.

Secara keseluruhan, pihak berkuasa telah merampas 170 spesimen rama-rama dan kumbang yang diawet.

"Agensi ini kekal komited untuk mengambil tindakan tegas terhadap sebarang pelanggaran perlindungan hidupan liar, termasuk perdagangan haram secara dalam talian," kata Tumbel.

Beliau turut menggesa orang ramai supaya tidak membeli atau menjual hidupan liar, sama ada yang masih hidup atau yang telah mati. - ©BERNAMA

# Lebih 350,000 isi rumah terputus bekalan elektrik selepas ribut landa Hungary

**MOSCOW**, 9 Julai. - Lebih 350,000 isi rumah di Hungary terputus bekalan elektrik selepas ribut kuat melanda negara itu, mengakibatkan kerosakan paling besar dalam tempoh tiga dekad, lapor Sputnik/RIA Novosti yang memetik kenyataan Kerajaan Hungary pada Selasa.

"Ribut semalam menyebabkan kerosakan serius kepada negara. Seramai 366,000 isi rumah terputus bekalan elektrik, dan menjelang pagi, kami berjaya mengurangkan jumlah itu kepada 50,000. Pekerja syarikat pembekal elektrik sedang giat membaiki kerosakan," kata Perdana Menteri Hungary, Viktor Orbán menerusi media sosial.

Pusat Maklumat Kebangsaan melaporkan yang kerosakan pada grid elektrik akibat ribut itu adalah yang paling teruk dalam tempoh 30 tahun, dengan gangguan kepada sistem pengangkutan terutamanya kereta api serta komunikasi dan bekalan air. Usaha pembaikan masih diteruskan, menurut pusat itu.

Lapangan Terbang Ferenc Liszt di Budapest memaklumkan pada Isnin operasinya terpaksa digantung sementara waktu disebabkan ribut petir, yang menyebabkan sisa runtuhan jatuh ke landasan dan satu daripada dua terminal dilanda banjir. Operasi disambung semula selepas tiga jam. - ©BERNAMA

# Dua juruterbang maut selepas pesawat bertembung di selatan Kanada

**OTTAWA**, 9 Julai. - Dua juruterbang maut selepas pesawat ringan yang dikendalikan mereka bertembung di udara pada pagi Selasa di selatan Kanada, lapor Xinhua.

Nahas berlaku di kawasan luar bandar Hanover, yang terletak di selatan Winnipeg, ibu negeri wilayah Manitoba, menurut laporan media tempatan yang memetik kenyataan polis

Kedua-dua juruterbang disahkan meninggal dunia di lokasi kejadian dan tiada penumpang berada dalam pesawat terbabit, menurut polis.

Lembaga Keselamatan Pengangkutan Kanada telah dimaklumkan mengenai insiden itu dan serpihan dua pesawat berkenaan telah ditemukan.

Media tempatan melaporkan kejadian berlaku semasa sesi latihan yang dijalankan oleh sebuah sekolah latihan juruterbang. - ©BERNAMA

BERITA GLOBAL

# PAKAR BERI AMARAN PENINGKATAN GELOMBANG HABA, RISIKO KEBAKARAN HUTAN DI SEPANYOL

**BARCELONA**, Sepanyol, 11 Julai. - Orang ramai di Sepanyol mesti mengukuhkan kesedaran mereka mengenai risiko berkaitan iklim berikutan kejadian yang semakin kerap dan ekstrem seperti gelombang haba melampau dan kebakaran hutan besar akibat peningkatan suhu, menurut amaran seorang pakar iklim, lapor Xinhua.

Javier Martin-Vide, profesor geografi fizikal di Universiti Barcelona dalam temu bual dengan Xinhua pada Khamis berkata rakyat Sepanyol perlu bersedia menghadapi keadaan iklim yang semakin buruk.

Pada penghujung Jun dan awal Julai, suhu meningkat sehingga 42 darjah Celsius di kebanyakan bahagian di negara itu. Minggu ini, Agensi Meteorologi Negara Sepanyol (AEMET) memberi amaran mengenai ribut kuat dan banjir di beberapa kawasan.

Profesor itu berkata suhu tinggi juga meningkatkan risiko kebakaran hutan. Lebih 3,300 hektar terbakar minggu ini di wilayah timur laut Catalonia, hanya beberapa hari selepas 6,000 hektar - kebanyakannya kawasan ladang - turut terbakar di kawasan sama.

"Keadaan cuaca panas melampau ini biasanya sangat sesuai untuk kebakaran hutan besar," kata Martin-Vide. "...Kemungkinan sepanjang musim panas ini kita akan sekali lagi melihat imej kebakaran yang menjejaskan hutan dan tanaman kita."

Beliau memberi amaran bahawa suhu tinggi diikuti cuaca ekstrem dijangka berterusan sepanjang musim panas, dengan bukti menunjukkan trend ini akan menjadi semakin kerap setiap tahun.

"Model iklim menunjukkan bahawa dalam dekad-dekad akan datang suhu akan terus meningkat, dan pemanasan berterusan ini akan menyebabkan episod cuaca panas melampau menjadi lebih kerap, lebih teruk, lebih lama dan berlaku lebih awal dalam kalendar," katanya.

Martin-Vide turut memberi amaran mengenai kesan kesihatan akibat cuaca panas melampau, terutamanya kepada golongan warga emas. Menurut Kementerian Kesihatan Sepanyol, seramai 2,020 orang - 90 peratus daripadanya berusia lebih 75 tahun - meninggal dunia akibat komplikasi berkaitan haba pada musim panas lalu. - ©BERNAMA

# EU perkenal tatakelakuan bantu pematuhan peraturan AI

**BRUSSELS**, 11 Julai. - Suruhanjaya Eropah pada Khamis membentangkan tatakelakuan yang direka untuk membantu penyedia Kecerdasan Buatan (AI) mematuhi undang-undang Kesatuan Eropah (EU), lapor Agensi Berita Jerman (dpa).

Kod sukarela itu dibangunkan oleh panel pakar bebas dan menyasarkan sistem AI tujuan am seperti ChatGPT keluaran OpenAI dan Gemini oleh Google.

Ia mengandungi bab berkaitan ketelusan, hak cipta, keselamatan dan perlindungan, bersama borang untuk memudahkan penyedia merekodkan maklumat teknikal bagi pihak berkuasa penyeliaan dan pembangun AI hiliran.

EU telah meluluskan undang-undang AI yang komprehensif di bawah Akta AI setahun lalu. Sebahagian peruntukan sudah berkuat kuasa, manakala selebihnya akan mula dikuatkuasakan awal Ogos.

Tatakelakuan sukarela bertujuan membantu perniagaan yang mengintegrasikan model AI dalam produk mereka mematuhi Akta AI. Selain itu, bab berkaitan hak cipta menawarkan penyelesaian praktikal untuk membantu syarikat mematuhi undang-undang hak cipta EU.

Menurut suruhanjaya itu, pihak yang memilih untuk menandatangani kod berkenaan boleh menunjukkan pematuhan mereka dan mendapat manfaat daripada pengurangan halangan pentadbiran serta jaminan undang-undang yang lebih kukuh.

Penyedia yang tidak menandatangani kod itu perlu membangunkan prosedur mereka sendiri untuk membuktikan pematuhan terhadap Akta AI.

Keperluan yang lebih ketat akan dikenakan kepada model AI berkuasa tinggi yang membawa potensi risiko, termasuk terhadap hak asasi dan keselamatan, atau berkaitan kehilangan kawalan ke atas teknologi.

Tatakelakuan ini masih perlu mendapat pengesahan rasmi daripada suruhanjaya dan 27 negara anggota blok itu. - ©BERNAMA

# Kemboja lulus pindaan perlembagaan lucut kewarganegaraan terhadap pengkhianat

**PHNOM PENH**, 11 Julai. - Perhimpunan Kebangsaan Kemboja sebulat suara meluluskan draf pindaan perlembagaan bagi melucutkan kewarganegaraan individu yang melakukan pengkhianatan atau bekerjasama dengan pihak asing untuk melemahkan kerajaan.

Kesemua 125 anggota Perhimpunan Kebangsaan meluluskan pindaan terhadap Perkara 33 Perlembagaan Kemboja dalam sesi parlimen yang diadakan pada Jumaat.

Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kehakiman, Koeut Rith berkata langkah itu bertujuan melindungi kedaulatan Kemboja dengan menyasarkan individu yang bertindak menentang kepentingan negara.

"Inisiatif ini bertujuan mempertahankan kedaulatan negara dengan menyasarkan individu yang bersekongkol dengan kuasa asing untuk melemahkan negara.

"Langkah ini tidak akan menjejaskan rakyat yang kekal setia kepada Kemboja," katanya seperti dipetik agensi berita negara Agence Kampuchea Presse.

Cadangan untuk melucutkan kewarganegaraan itu dikemukakan ketika ketegangan di sempadan Kemboja-Thailand memuncak sejak 28 Mei.

Pindaan yang diluluskan pada Jumaat itu membuka laluan bagi mewujudkan kerangka undang-undang untuk melaksanakan pelucutan kewarganegaraan.

Rith turut berkata Kemboja bukan satu-satunya negara yang sedang menggubal undang-undang sedemikian. - ©BERNAMA

# Pihak berkuasa Perancis serbu pejabat Nestle berhubung siasatan air mineral

**PARIS**, 11 Julai. - Pihak berkuasa Perancis telah menyerbu ibu pejabat Nestle di Perancis berhampiran Paris sebagai sebahagian daripada siasatan berhubung dakwaan pengendalian air mineral yang tidak mengikut peraturan, lapor agensi berita Jerman, dpa.

Direktorat Jeneral Dasar Persaingan, Hal Ehwal Pengguna dan Kawalan Penipuan (DGCCRF) dalam satu kenyataan pada Khamis berkata pihaknya mengetuai siasatan yang dilancarkan pada Februari susulan aduan oleh kumpulan advokasi pengguna Foodwatch terhadap Nestle dan anak syarikatnya, Nestle Waters.

Nestle Waters mengesahkan penggeledahan itu dan menerusi jurucakap syarikat memaklumkan bahawa mereka bekerjasama sepenuhnya denganpihak berkuasa.

Kes itu tertumpu kepada kontroversi yang telah lama wujud di Perancis membabitkan jenama air Nestle termasuk Perrier, Hepar, Contrex dan Vittel.

Syarikat itu didakwa menggunakan kaedah penapisan tidak dibenarkan yang tidak memenuhi piawaian bagi mata air, namun terus memasarkan produk itu sebagai "air mineral semula jadi."

Ketua Pegawai Eksekutif Nestle Laurent Freixe semasa sesi pendengaran di hadapan jawatankuasa penyiasatan Parlimen pada April lalu menyatakan kekesalan mengenai perkara itu, sambil memaklumkan bahawa Nestle Waters telah mengambil semua langkah perlu untuk menamatkan amalan yang dipersoalkan.

Foodwatch menyifatkan kes itu sebagai penipuan besar-besaran dan menuntut syarikat serta pihak berkuasa bertanggungjawab. - ©BERNAMA

# Republik Rakyat China perkenal prototaip kereta api Maglev berkelajuan 600km/j

**BEIJING**, 10 Julai. - Republik Rakyat China telah melancarkan sebuah prototaip kereta api magnetik terapung (Maglev) baharu yang mampu mencapai kelajuan sehingga 600 kilometer sejam, menurut koresponden Sputnik/RIA Novosti.

CRRC Changchun Railway Vehicles mempamerkan prototaip itu pada Kongres Kereta Api Berkelajuan Tinggi Sedunia Ke-12 yang berlangsung di Beijing dari 8 hingga 11 Julai.

"Pada masa ini, kami masih berada di peringkat penyelidikan teknikal. Kami berharap dalam tempoh lima tahun akan datang, pembinaan landasan untuk operasi komersial dapat dimulakan," kata Shao Nan, Jurutera Kanan CRRC Changchun Railway Vehicles kepada RIA Novosti.

Ini merupakan kereta api Maglev pertama Republik Rakyat China yang menggunakan magnet superkonduktor bersuhu tinggi bersaiz penuh, kata Shao. Kereta api seperti ini akan menjadi pilihan utama untuk perjalanan antara bandar-bandar besar Republik Rakyat China termasuk Beijing, Shanghai, Guangzhou dan Wuhan.

Prototaip Maglev baharu ini berukuran 29.355 meter panjang, 3.0 meter lebar dan 3.5 meter tinggi. Maglev ini menggunakan sistem gantungan dwi-mod: kereta api berjalan menggunakan roda getah pada kelajuan rendah dan akan menaikkan roda berkenaan untuk beralih ke mod magnetik terapung setelah mencapai kelajuan 150 kilometer sejam. - ©BERNAMA

# Seorang kanak-kanak maut, empat cedera dihempap dahan pokok di selatan California

**LOS ANGELES**, 11 Julai. - Seorang kanak-kanak lelaki berusia lapan tahun maut manakala empat lagi cedera pada petang Rabu selepas dihempap dahan pokok tumbang di sebuah kem musim panas di bandar Calabasas, 40 kilometer (km)barat pusat bandar Los Angeles, Amerika Syarikat, lapor Xinhua memetik pihak berkuasa tempatan.

Saluran berita tempatan ABC11 pada Khamis memetik Balai Polis Syerif Malibu-Lost Hills, Daerah Los Angeles sebagai berkata dalam kejadian kira-kira 3 petang itu, beberapa dahan pokok oak sepanjang kira-kira 7.6 hingga 9.1 meter telah jatuh dan menghempap sehingga sembilan kanak-kanak yang sedang menunggu untuk dijemput.

Menurut laporan itu, kanak-kanak berkenaan berkumpul di bawah pokok untuk berteduh, namun punca dahan berkenaan patah masih belum diketahui. - ©BERNAMA

# NYPD pecat 31 anggota polis gagal tapisan latar belakang

**NEW YORK**, 11 Julai. - Jabatan Polis New York (NYPD) telah memecat 31 anggota polis yang sepatutnya tidak layak untuk menyertai pasukan itu, lapor Xinhua memetik media tempatan.

The New York Times pada Khamis melaporkan jabatan berkenaan sedang menyemak semula kes melibatkan 80 anggota polis yang gagal ujian psikologi tetapi keputusan itu telah diketepikan oleh seorang komander yang bertanggungjawab dalam pengambilan anggota pada waktu itu.

Jabatan itu dalam satu kenyataan pada Khamis mengesahkan bahawa 31 anggota polis terbabit sepatutnya tidak diambil bekerja atas pelbagai sebab selain kegagalan dalam ujian berkenaan.

Menurut NYPD, anggota terbabit telah berbohong mengenai rekod jenayah mereka, penggunaan dadah terlarang, sama ada mereka pernah dipecat daripada pekerjaan terdahulu, dan sama ada mereka pernah memandu dengan lesen digantung. Nasib anggota lain yang gagal ujian itu masih belum diketahui.

"Menerusi siasatan dalaman, NYPD baru-baru ini mengenal pasti anggota yang menyertai jabatan dalam tempoh dua tahun lalu walaupun telah menerima notis penolakan akhir semasa proses permohonan, yang merupakan satu pelanggaran undang-undang," menurut kenyataan itu.

"Jabatan ini secara undang-undang tidak dibenarkan mengambil individu terbabit bekerja dan terpaksa memaklumkan kepada mereka bahawa mereka tidak lagi boleh berkhidmat sebagai anggota NYPD," tambahnya. - ©BERNAMA

PELITA BRUNEI




ePaper Pelita Brunei

# RUMAH MERAH JUARA SUKAN TAHUNAN YSHHB



Siaran Akhbar dan Foto : Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah

**BERAKAS**, Khamis, 10 Julai. - Rumah Merah dinobatkan juara keseluruhan dalam Sukan Tahunan dan Olahraga Sekolah Rendah Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) bagi Tahun 2025 yang diadakan di Padang Kebajikan, Kompleks Sukan Berakas, di sini.

Seramai 700 orang pelajar dari Tahun 3 hingga 6 mewakili rumah sukan masing-masing terdiri daripada Rumah Kuning, Rumah Biru, Rumah Merah dan Rumah Ungu menyertai kejohanan berkenaan.

Manakala naib juara disandang oleh Rumah Ungu, sementara tempat ketiga ialah Rumah Kuning, dan di tempat keempat ialah Rumah Biru.

Hadir selaku tetamu kehormat merasmikan kejohanan tersebut, Pemangku Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad.

Hadir sama ialah Pengetua Sekolah Menengah YSHHB; Pengerusi dan Timbalan Pengerusi Persatuan Ibu Bapa/Penjaga dan Guru-guru Sekolah Rendah YSHHB; Guru Besar Sekolah Ugama Sekolah YSHHB dan para ibu bapa pelajar.

Terdahulu, majlis dimulakan dengan perbarisan lalu para pelajar Sekolah Rendah YSHHB mewakili rumah masing-masing dan diikuti dengan lagu kebangsaan, lagu sekolah dan seterusnya doa yang dipimpin oleh Awang Syazwanshah bin Haji Razali.

Sukan Tahunan dan Olahraga kali ini bertujuan ke arah kecerdasan fizikal dan mental pelajar-pelajar di samping mencungkil bakat pelajar-pelajar dalam bidang sukan turut menyaksikan acara kemuncak yang mempertandingkan Larian 100 meter (m), 200m dan 4x100m Lelaki dan Perempuan.

**PEMANGKU Pegawai Eksekutif Sekolah YSHHB, Awang Haji Abdullah@Dollah bin Haji Ahad semasa sesi begambar ramai (atas kiri). Manakala gambar kiri dan kiri sekali, antara pelajar yang menyertai Sukan Tahunan tersebut.**

# Miri FA tekad kekal puncak liga Piala Lela Cheteria

Siaran Akhbar dan Foto : Yakin Football League



**ANTARA aksi perlawanan pada Piala Lela Cheteria berkenaan.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 9 Julai. - Miri FA bertekad untuk kekal berada di puncak liga dalam Kejohanan Bola Sepak Jemputan bagi merebut Piala Lela Cheteria selepas berjaya mengutip 16 mata dengan cemerlang memenangi lima perlawanan dan sekali seri.

Ketua Jurulatih Miri FA, Ismail Lumut berkata bahawa mereka tidak menafikan cabaran hebat daripada semua pasukan yang mempunyai kelebihan tersendiri.

"Namun, saya gembira kerana pemain-pemain kami berjaya memberikan saingan yang mantap sehingga berjaya mengekalkan rekod tanpa kalah sepanjang enam perlawanan," ujarnya lagi.

Tambahnya, Miri FA akan meneruskan rentak dan momentum seperti perlawanan-perlawanan terdahulu, di samping meningkatkan keberkesanan taktikal serta formasi menyerang dan bertahan dengan dimensi yang berbeza-beza.

"Kejohanan ini hampir memasuki pusingan kedua dan saya yakin pemain-pemain kami akan terus berusaha meningkatkan reputasi serta menampilkan mutu saingan yang lebih mantap kepada pasukan lawan," ujarnya.

Peluang Miri FA untuk mengekalkan rekod tanpa kalah semakin cerah apabila anak buah Ismail Lumut itu akan menguji Sports School FC di Padang dan Belapan, Berakas, pada Ahad ini.

Sementara itu, Gergasi FC yang kini naik ke tangga ketiga liga, tidak memandang mudah pertemuan menentang PKT FT di Padang dan Belapan, Berakas pada Jumaat ini.

PKT FT yang menang besar 6 - 1 ke atas Shada FT minggu lalu, menjadi suntikan semangat pemain-pemain PKT FT untuk menguji Gergasi FC yang hanya berkongsi mata dengan Limbang FA pada perlawanan yang lalu.

"Kita perlu berhati-hati dengan kebangkitan PKT FT. Pemain-pemain perlu terus fokus sepanjang sesi latihan dan seterusnya mengadaptasi segala strategi dalam perlawanan nanti," ujar Ketua Jurulatih Pasukan Gergasi FC, Awang Haji Rosanan Samak.

Beliau mengakui persaingan merebut kedudukan terbaik liga kini semakin sengit dan menagih semua pemain untuk memainkan peranan yang berkesan dalam setiap posisi pasukan.

Perlawanan lain akan menyaksikan pertemuan Shada FT dan Supastrikas yang akan berdepan sesama sendiri di Kompleks Sukan Arena, Seria pada Jumaat.

Kedua-dua pasukan berada di kelompok pasukan terbawah liga, akan berusaha untuk keluar dan mengelakkan daripada berada tercorot liga.

Sementara itu, Kasuka FC berhasrat menebus kekalahan apabila bertemu dengan Limbang FA yang juga dikenali sebagai 'Northern Buffalo' di Padang dan Belapan, Berakas, pada Ahad.

"Pertemuan dengan Kasuka FC menjadi medan terbaik buat pemain-pemain kami untuk meneruskan hala tuju dalam kejohanan ini. Walaupun kita tahu Kasuka FC mempunyai ramai pemain berpotensi tinggi namun kami akan berusaha memberikan saingan dan cuba mengekalkan rekod tanpa kalah," jelas Ketua Pasukan Limbang FA, Bulhaji bin Wahab.

## Tahukah Awda

**PROJEK** pembinaan rumah tersusun di Kampong Ayer dikenali dengan Perumahan Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B'. Tujuan asal pembinaan rumah ini adalah bagi menyediakan perumahan kepada penduduk yang terlibat dalam kebakaran besar di Kampong Ayer pada tahun 1993. Sebanyak 476 buah rumah dibina iaitu sebanyak 226 buah sebagai fasa pertama di Kampung Bolkiah 'A' dan 250 buah sebagai fasa kedua di Kampung Bolkiah 'B'. Dua jenis rumah telah dibina iaitu jenis 'A' (dua buah bilik tidur) dan jenis 'B' (empat buah bilik tidur). Daripada jumlah tersebut hanya 26 buah rumah adalah jenis 'A'.

**SUMBER** : *yshhb.org.bn.*